

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KESEBELAS  
PENGAL KEEMPAT  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 6**

**Selasa**

**15 Mei 2007**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**USUL-USUL:**

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda  
Yang di-Pertuan Agong  
- *Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok* (Halaman 29)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan  
Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 44)

**MALAYSIA****DEWAN NEGARA**

Selasa, 15 Mei 2007

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebelum daripada itu, Dewan Negara ingin merakamkan penghargaan di atas kehadiran Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri [*Tepuk*]. Silakan Datuk Gooi Hoe Hin.

1. **Dato' Gooi Hoe Hin** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan sama ada sasaran pelaksanaan *Time 1* dan *Time 2* bagi syarikat-syarikat telekomunikasi telah dicapai dan apa tindakan yang akan diambil supaya liputan adalah lebih memuaskan serta sempurna.

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain bertarikh 15 Mei 2007 yang berkedudukan No. 10 hari ini kerana perkara yang dibangkitkan adalah mengenai isu yang sama iaitu liputan telekomunikasi *cellular* tanpa wayar.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, program *Time 1 (T1)* dan *Time 2(T2)* telah diperkenalkan bagi mempertingkatkan liputan perkhidmatan telefon bimbit yang juga dikenali sebagai perkhidmatan telefon *cellular* dan perkhidmatan telefon bergerak bersel di seluruh negara.

Sasaran tempoh pelaksanaan bagi program T1 adalah sebelum akhir bulan Disember 2005 dan melibatkan pembinaan menara dan pemasangan infrastruktur telekomunikasi di atas 210 tapak.

Di bawah program T1, 199 tapak ataupun 95% telah disempurnakan manakala inisiatif untuk meliputi seluruh kawasan jalan-jalan utama iaitu laluan protokol telah berjaya dilaksanakan dengan 100% liputan *cellular*. Pelaksanaan program T2 pula dibahagikan kepada dua fasa iaitu T2A untuk dilaksanakan sehingga penghujung tahun 2005 dan T2B kepada tahun 2006.

Sehingga 24 April 2007, 1,268 spesifikasi tapak telah dikeluarkan melalui notis kriteria lokasi dengan izin, *Location Criteria Notice* (LCN) kepada pemberi perkhidmatan oleh *celco*.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,089 menara atau 86% telah disiapkan. Selain di bawah program T2, sebanyak 1,319 buah menara sedia ada telah berjaya dikongsi oleh pihak *celco* di bawah inisiatif perkongsian menara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedua-dua program iaitu T1 dan T2 akan diteruskan. Selain itu bagi memastikan liputan perkhidmatan telekomunikasi lebih memuaskan dan sempurna, pihak SKM telah diarah untuk mengambil langkah yang lebih tegas dengan menguatkuasakan pendawaian mandatori atau dengan izin *Mandatory Standard for Quality of Service* untuk memastikan perkhidmatan yang diberi memenuhi piawaian yang telah ditetapkan untuk *drop calls* dan *block calls* dengan izin.

Pada masa ini pihak SKMM sedang giat menjalankan ujian bagi membolehkan pihak SKMM menilai status liputan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Gooi Hoe Hin dan lepas itu Dato' Tajul Urus dan Tuan Ismail Kasim.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Terima kasih. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kepujian harus diberikan atas tindakan-tindakan yang diambil untuk memastikan liputan adalah bertambah baik. Namun saya dapati khususnya di kawasan luar bandar dan amat tidak memuaskan.

Soalan tambahan saya, sama ada betul atau tidak kerajaan akan mengambil tindakan yang lebih tegas kerana kebanyakan *telcos* mengaut keuntungan lebih daripada beribu-ribu juta ringgit. Seperti mengenakan levi atau gantung lesennya terhadap *telcos* yang sentiasa dengan izin *drag their feet* dan *telcos* yang iklannya agak tidak tepat seperti liputan terluas tetapi amat tidak luas.

Saya harap tidak boleh ambil tindakan-tindakan membetulkan kepalsuan iklan ini. Terima kasih.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang telah saya nyatakan dalam jawapan tadi bahawa pihak kementerian pada hari ini telah mengarahkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia supaya mengambil langkah yang lebih tegas dengan menguatkuasakan piawaian mandatori atau dengan izin *Mandatory Standard for Quality of Service* yang mana ini untuk menentukan kualiti servis perkhidmatan telefon mudah alih di negara kita dan kualiti ini haruslah, perlulah memenuhi standard ITU iaitu *International of Telecommunication Union* dan di masa yang sama kementerian ini juga dalam proses untuk meminta supaya syarikat *celco* ini supaya untuk membolehkan mereka untuk bersaing lagi. Kita akan memperkenalkan nombor *portability* iaitu di mana kalau ada di kalangan pelanggan-pelanggan atau pengguna-pengguna *celco* ini katakanlah tidak berpuas hati dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh mana-mana syarikat *celco*, dia kata perkhidmatan yang terbaik tetapi tidak sebagaimana yang digambar dengan iklan, maka

pelanggan itu boleh menukar menggunakan perkhidmatan *celco* lain takut menukar nombor telefon mereka.

Ini perkhidmatan-perkhidmatan yang akan diperkenalkan oleh syarikat-syarikat *celco* di negara kita. Iaitu nombor *portability*. Di masa yang sama kita juga memperkenalkan, ada juga program T3. T3 ini kita meminta supaya *coverage* diperluaskan, terutamanya kawasan-kawasan yang berkependudukan rendah, iaitu tidak melebihi 80 orang satu kilometer persegi, terutamanya di kawasan-kawasan FELDA dan sebagainya, yang mana *celco* rasa kalau mereka beri perkhidmatan tidak menguntungkan banyak kepada mereka tetapi kita mahu mereka adakan ini sebab itu kita perkenalkan program T3 untuk memperluaskan perkhidmatan *coverage* di kawasan-kawasan yang kurang kepadatan penduduk ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada jawapan yang telah diberi oleh timbalan menteri dan saya amat berharap bahawa tindakan tegas akan dapat diambil kepada pihak yang mengiklankan *quality of service* yang tidak seperti mana yang diiklankan.

Soalan tambahan saya ialah mengapakah lesen WiMAX, iaitu teknologi terkini telekomunikasi *internet* tidak diberi kepada bumiputera dan apakah Kementerian memantau *towers* telekomunikasi yang dipacak secara haram *on state land*. Terima kasih.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya berhubung dengan lesen WiMAX itu ia agak terkeluar sedikit daripada soalan asal. Cuma saya maklumkan ketika menilai kebolehan syarikat-syarikat ini, empat lesen dikeluarkan. Antara syarat-syarat yang difikirkan perlu adalah kemampuan syarikat-syarikat yang meminta lesen ini dari segi kemampuan modalnya, kemampuan teknikalnya dan juga pada penghujungnya berapakah kos yang akan digunakan, yang akan dikenakan kepada pengguna itu nanti sekiranya syarikat itu berkeupayaan tinggi, modal cukup, teknikalnya baik tetapi kos perkhidmatan yang akan digunakan, diberikan kepada pengguna itu terlalu tinggi juga. Kriteria ini juga perlu diambil kira. Inilah kriteria-kriteria utama yang dipertimbangkan oleh SKMM dan juga Kementerian apabila mengeluarkan lesen WiMAX sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Ismail Kasim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, sejauh manakah kejayaan yang dibuat oleh pihak Kementerian setakat ini terhadap menara-menara telekomunikasi yang masih didirikan tanpa kebenaran merancang dan belum lagi mendapat CF, termasuk dari segi status tanah dan juga penyewaan yang kita tengok banyak lagi yang belum dibuat operasi pemutihan terhadap menara-menara berkenaan.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Yang Berhormat, untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebagaimana yang pernah saya jawab dalam Dewan yang mulia ini, pada masa ini untuk menggalakkan ataupun mempermudah syarikat-syarikat *celco* untuk memperbanyakkan dan memperluaskan *coverage* maka syarikat-syarikat *celco* melalui SKMM telah melantik

syarikat-syarikat *state back company*, syarikat-syarikat yang mempunyai kerjasama yang baik dengan kerajaan-kerajaan negeri supaya boleh mempercepatkan mendapat tanah untuk didirikan menara-menara ini.

Di masa yang sama juga mempermudah syarikat-syarikat *state back company* ini untuk mendapat kebenaran untuk mendapat tapak untuk mendirikan *tower-tower* ini. Ini kerana sebagaimana yang saya nyatakan tadi, ramai orang minta supaya liputan meluas tetapi dalam masa yang sama syarikat-syarikat *celco* ini mengalami masalah untuk mendapat kebenaran, mendapat tapak. Atas permasalahan itu, kementerian ini melalui Suruhanjaya Komunikasi telah melantik *state back company* ini supaya mereka ini boleh mendapat tanah yang sesuai dan tanah yang dibenarkan oleh kerajaan untuk didirikan *tower*. Untuk mana-mana *tower* yang didirikan di tanah-tanah yang tidak mendapat kebenaran, proses-proses pemutihan sedang dijalankan. Terima kasih.

**2. Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta Perdana Menteri menyatakan kenapa tidak ada garis panduan cara berpakaian untuk wanita Islam, sehinggakan cara memakai tudung merupakan satu fesyen dan tidak seperti yang dituntut dalam Al-Quran.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berpandangan garis panduan cara berpakaian untuk wanita Islam adalah tidak perlu. Ini kerana kewajipan dan etika berpakaian secara menutup aurat telah ditegaskan di dalam surah An-Nur, ayat 31. Prinsip Islam dalam berpakaian hendaklah menutup aurat tanpa menetapkan kaedah ataupun fesyen yang digunakan bagi mencapai matlamat menutup aurat tersebut. Fesyen dan kaedah memakai tudung adalah berdasarkan *uruf* dan adab setempat. Islam tidak menentukan fesyen tersebut, fesyen tertentu dan ia diterima selagi memenuhi kehendak menutup aurat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid, selepas itu Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih atas jawapan pendek yang diberikan. Persoalannya, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri surah An-Nur, ayat 31 menyebut, wanita yang beriman harus melabuhkan tudung kepalanya sehingga ke dada supaya jangan menampakkan leher ataupun yang biasa dipakai oleh kita ini, nampak sedikit bahagian bawah, atas dada itu, belahan baju kurung itu.

Pertamanya, soalnya, apakah hukumnya jika wanita Islam tidak pakai tudung? Yang kedua, apakah hukumnya pakai tudung tetapi menampakkan leher atau belahan dadanya? Jika kakitangan JAKIM atau JAWI di bawah pengawasan Yang Berhormat, pakai tudung nampak leher, apakah bentuk tindakan yang boleh diambil? Terima kasih.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Untuk mengeluarkan fatwa di Dewan yang mulia ini, saya rasa fatwa dikeluarkan oleh mufti. Cuma apa yang boleh kita bincangkan ialah sebagai

suatu pernyataan umum yang telah digariskan di dalam surah An-Nur, ayat 31. Memang betul apa yang telah disebut sebahagiannya.

Ayat surah An-Nur ini panjang, dan yang menyangkut secara langsung dengan boleh atau tidaknya mendedahkan sebahagian daripada anggota wanita itu disebut secara jelas, [*Membaca sepotong ayat*] iaitu maksudnya janganlah mereka, iaitu wanita Islam tadi memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya. Itu merupakan tempat perbincangan ulama-ulama Islam. Jadi, yang boleh dizahirkan sebahagian daripada tubuh mereka, iaitu muka dan dua tapak tangan. Itu perbincangan yang cukup *detail*.

Yang paling moderat dalam pandangan-pandangan ulama Islam itu, Mazhab Hanafi, iaitu membolehkan muka, kemudian boleh *make-up*. Maknanya kalau pada masa dahulu sangat terkenal dalam sejarah Islam iaitu pakai celak mata. Ia dibolehkan di dalam Mazbah Hanafi. Boleh juga termasuk di dalam muka dan dua tapak tangan ini, sudah tentulah setengahnya nampak depan sahaja, semuanya sehingga ke pergelangan tangan.

Mazhab Hanafi membolehkan pakai cincin. Saya pilih yang mudah sahaja hendak sebut di sini supaya tidak membebankan wanita-wanita Islam tetapi yang paling teruk pun ada juga. Maknanya pandangan ke seluruh tubuh badan. Ini kerana katanya *uruf* di tempat dia menimbulkan semacam fitnah. Itu berlaku di Saudi keseluruhan tubuh. Ia terlalu sensitif agaknya, karannya terlalu kuat. [*Ketawa*] Jadi, di sini karan tidak kuat, maknanya tengok macam mana pun tidak apalah, begitu maknanya. Jadi saya berpegang kepada *uruf* tadi. Mazhab Hanafi, kaki pun boleh lagi nampak. Jadi, bukan saya hendak pegang dengan mazhab mudah, jadi saya tolonglah rakan-rakan senator wanita Islam. Ada ruangnya untuk permudahkan itu.

Saya tidak mahu terus membawa mazhab yang begitu ketat, sebab kita tahu dalam perbincangan di Dewan yang mulia pada suatu ketika dulu iaitu Undang-undang Keluarga Islam. Undang-undang Keluarga Islam tidaklah berpegang kepada Mazhab Shafie sahaja, boleh juga berpegang dengan Mazhab Hanafi, Mazhab Maliki, Mazhab Hambali, boleh ada di ruang di situ.

Jadi, saya rasa dalam penggubalan rang undang-undang kita di Malaysia ini agak terbuka dan saya suka menyatakan di sini dalam kes *Islamic financial*, dengan izin iaitu kewangan Islam, perbankan Islam, takaful dan juga bon-bon Islam yang lain kebanyakannya bermuamalah dengan Mazhab Hanafi. Saya rasa kita tidak ada masalah dalam perkara tersebut. Kita tengok mana yang lebih islah, mana yang lebih mudah dan juga mana yang lebih praktikal untuk dilaksanakan.

Walau bagaimanapun cara berpakaian ini tidak usah ubahlah. Saya rasa kalau wanita Islam Melayu dengan baju kurungnya tidaklah pakai jubah; jubah itu orang Arab. Itu pandangan saya secara peribadi. Pakaian itu pun sudah sopan. Wallahualam.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi:** [*Bangun*]

**Datuk Jins Shamsudin:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Isunya ialah mengenai garis panduan cara berpakaian. Pertanyaan tambahan saya ialah apakah ada peruntukan ataupun akta untuk membenarkan kita mengambil tindakan terhadap lelaki Islam yang tidak berpakaian senonoh ini, contohnya pakai mini skirt dan kalau dia memakai yang senonohnya pula contohnya dia pakai baju kurung dengan bertudung tetapi dia lelaki, bolehkah diambil tindakan? [*Dewan riuh*]

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** JAKIM telah mengeluarkan garis panduan hiburan dalam Islam - garis panduan umum. Tetapi saudara kena ingat garis panduan ini nasihat sahaja, tidak ada penguatkuasaan, tidak ada paksaan, bukan undang-undang. Kalau dalam rang undang-undang yang lima, yang kita hendak seragamkan itu ada unsur-unsur yang boleh diambil tindakan penguatkuasaan iaitu pendakwaan, kemudian hadir di Mahkamah Syariah dan selepas itu dijatuhkan hukuman menurut apa yang ditetapkan oleh hakim.

Jadi garis panduan umum ini misalnya ada sedikit menyentuh tentang berpakaian para artis di halaman 13 berpakaian kemas, sopan serta tidak memakai pakaian yang boleh mendedahkan diri kepada eksploitasi penonton dan tidak bercanggah dengan kehendak Islam. Kita memberi garis panduan umum sahajalah, terserah kepada mereka.

Sebenarnya yang kita pilih di Malaysia ini ialah mendidik sebenarnya, bukan untuk mengenakan tindakan. Tetapi walaupun ada dalam enakmen dan juga akta, kalau di Wilayah Persekutuan ialah akta dan kalau di negeri-negeri enakmen, cara berpakaian sebagaimana Yang Berhormat timbulkan tadi yang tidak sopan itu mesti dikaitkan dengan tempat yang tidak sopan juga.

Janganlah kita katakan pegawai-pegawai penguat kuasa terlalu ghairah untuk menguatkuasakan enakmen dan juga akta tadi, tengok dia mandi di kolam katakan pakaiannya tidak sopan tetapi tempatnya ialah tempat yang tidak boleh dikaitkan dengan tempat-tempat sopan, persundalan dan sebagainya, itu tidak boleh diambil tindakan. Maksudnya kalau dia pergi mandi di pantai - tepi laut, pakaiannya sudah tentulah tidak memakai jubah untuk mandi tetapi dipakai dengan cara itu. Menurut enakmen itu mesti dikaitkan dengan tempat yang tidak sesuai barulah boleh diambil tindakan oleh pegawai penguat kuasa. Tentang perkara-perkara lain itu saya rasa Yang Berhormat boleh jawablah. [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya nampak Datuk Jins Shamsudin juga bangun tadi. Ada hendak kemukakan soalan tambahan?

**Datuk Jins Shamsudin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Soalan saya separuh daripadanya telah terjawab. Satu lagi, bagaimana pula seorang lelaki yang selalunya mengadakan persembahan-persembahan di televisyen yang menyerupai perempuan memakai anting-anting, anting-anting di hidung, memakai rantai dan berambut panjang yang tidak terurus, bagaimana pula peraturan ini?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dia itu lelaki?

**Datuk Jins Shamsudin:** Ya, dan begitu juga sebaliknya.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Menurut pandangan umum Islam sangat ditegah seseorang perempuan itu menyerupai lelaki dan yang lelaki menyerupai perempuan. Dikatakan iaitu Allah melaknat orang lelaki yang menyerupai perempuan iaitu dari segi caranya dan begitu juga perempuan menyerupai lelaki. Saya rasa perlu disuntik hormon lelaki kalau yang lakinya supaya banyak sikit, supaya jangan hormon perempuan lebih banyak, *[Ketawa]* sebab itu dia akan jadi hendak berpakaian perempuan sahaja.

Saya telah pun berbincang dengan Kementerian Kesihatan, katanya boleh dipulihkan manusia-manusia begini. Cuma diperlukan suntikan dan juga perlu kaunseling. Saya rasa perlu dipulihkan mereka yang begini iaitu yang dalam istilah bahasa Melayunya ialah 'maknyah' tetapi satu lagi istilah dalam agama - *Islamic jurisprudence* diistilahkan sebagai khunsa. Khunsa ini memang dia benar-benar, dia sendiri pun tidak tahu diri dia sendiri lelaki atau perempuan. Menurut *habitnya* dia merasa lebih hampir kepada perempuan, dia pun memakai pakaian perempuan. Itu boleh. Itu dikatakan khunsa musykil. Musykil itu tidak berapa jelas.

Oleh sebab itulah kita menasihatkan kepada ibu bapa yang mempunyai anak khunsa ini, dia ada dua alam. Faham, ya? Tuan Yang di-Pertua pun saya rasa dia faham. Bagi yang dua alam ini dinasihatkan kepada ibu bapa supaya apabila hendak pergi ke pejabat pendaftaran jangan didaftarkan sebagai lelaki kerana nanti kalau dia besar berat pula sebelah perempuan, payah hendak tukar nanti.

Kita nasihatkan supaya dinamakan dari segi seksnya sebagai tidak jelas. Jadi, apabila berlaku seperti tadi atau ada pembedahan dan sebagainya dibolehkan bagi dua alam tadi. Tetapi bagi yang satu alam tiba-tiba hendak berubah ke alam lain, dalam Islam itu tidak dibenarkan.

Jadi, yang Yang Berhormat Datuk Jins bertanya tentang persembahan di TV, RTM atau ASTRO, saya rasa kalau ASTRO boleh dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. *[Memandang ke arah Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi] [Ketawa]*

**3. Tuan Rawisandran a/l Narayanan** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada kerajaan bersedia untuk menjadi orang tengah dalam membantu usaha menangani konflik di Sri Lanka.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Rawisandran a/l Narayanan di atas soalan yang dikemukakan. Walaupun konflik di antara Kerajaan Sri Lanka dengan *Liberation Tigers of Tamil Eelam (LTTE)* semakin serius, masyarakat antarabangsa sedang berusaha untuk menyelesaikan konflik tersebut. Dalam hal ini Norway, Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan Jepun masih terlibat dengan proses damai di Sri Lanka.

Malaysia menyokong inisiatif yang telah diambil oleh pihak Norway dan pihak-pihak lain yang terlibat dalam proses damai di Sri Lanka termasuk perjanjian gencatan senjata yang ditandatangani oleh kerajaan Sri Lanka dan Gerila Pemisah LTTE di Oslo, Norway pada Februari 2002. Kedua-dua belah pihak juga menyatakan bahawa mereka masih menghormati gencatan senjata tersebut. Sebelum ini India telah cuba memainkan peranan sebagai orang tengah dan telah menghantar pasukan penjaga keamanan ke Sri Lanka dari tahun 1987 ke 1990 tetapi tidak berjaya.

Berdasarkan perkembangan-perkembangan di atas, Tuan Yang di-Pertua, Malaysia tidak berhasrat untuk memainkan peranan sebagai orang tengah dan mencampuri proses damai yang sedang diusahakan oleh Norway, Amerika Syarikat, Jepun dan Kesatuan Eropah bagi menangani konflik di Sri Lanka.

**Tuan Rawisandran a/l Narayanan:** Terima kasih. Soalan tambahan saya, apakah jenis bantuan yang telah dihulurkan setakat ini kepada kerajaan Sri Lanka.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Kita tidak ada memberi apa-apa bantuan dari segi ketenteraan tetapi dalam soal-soal kemanusiaan, misalnya apabila negara itu dilanda oleh tsunami baru-baru ini kita ada memberi sumbangan lebih bersifat kemanusiaan bukannya ketenteraan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, dari segi rekod, apakah Malaysia mempunyai sebarang pengalaman menjadi orang tengah dalam menyelesaikan konflik antara pelbagai pihak dalam negara-negara tertentu dan kejayaannya.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Kita ada memainkan peranan. Itu berdasarkan permintaan daripada kerajaan negara yang berkenaan. Misalnya di Filipina, kita terus memainkan peranan ke arah perdamaian yang berkekalan dalam konflik yang melanda selatan negara tersebut. Kita juga terus memainkan peranan untuk membantu keamanan yang berkekalan di Selatan Thailand atau begitu juga di Indonesia, di Aceh dan sebagainya. Kita memainkan peranan sekiranya ada permintaan daripada negara tersebut dan kita juga ada memainkan peranan dalam konteks menghantar pasukan pengaman kita sekiranya ia dikehendaki oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Tajul Urus.

**Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berdasarkan maklumat daripada kementerian, ada ataupun tidak mana-mana kumpulan ataupun rakyat Malaysia yang terlibat membantu secara langsung ataupun tidak langsung kumpulan-kumpulan yang berkonflik di Sri Lanka ini? Terima kasih.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Tidak ada di dalam pengetahuan kita, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

4. **Dato' Omar bin Faudzar** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan mengapakah syarikat besar milik bumiputera, bukan bumiputera dan antarabangsa tidak begitu berminat untuk menyokong pembangunan vendor (tempatan).

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian menerusi Program Pembangunan Vendor telah dan akan menjalankan pelbagai aktiviti bagi mewujudkan dan membangunkan lebih ramai usahawan vendor yang mampu bersaing dan berkembang di peringkat global. Di bawah program ini, syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa serta pihak GLC telah dilibatkan sebagai syarikat *anchor* yang bertanggungjawab untuk membantu syarikat-syarikat vendor untuk berkembang maju dengan cara menyediakan pasaran.

Antara isu yang menyebabkan kurangnya komitmen dari syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa untuk menyertai program adalah persaingan dari pembekal luar yang menawarkan kos lebih murah berbanding pembekal tempatan. Selain itu, kurang keyakinan terhadap keupayaan vendor tempatan sendiri dari aspek kualiti, kos, reka bentuk dan penghantaran juga menjadi faktor mereka tidak begitu berminat untuk menyokong program ini. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, usaha ke arah melibatkan lebih banyak syarikat bumiputera dan bukan bumiputera tempatan serta syarikat antarabangsa dalam PBB telah dilipatgandakan untuk meningkatkan komitmen syarikat-syarikat tersebut dalam bersama-sama membangunkan usahawan vendor. Setakat ini, beberapa syarikat bumiputera dalam bidang automotif, pembinaan dan maritim telah menyatakan hasrat untuk menyokong program ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar dan selepas itu Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat mengatakan bahawa kebanyakan syarikat-syarikat multinasional ini tidak memberi perniagaan-perniagaan vendor ini kepada syarikat-syarikat luar. Tetapi yang saya ketahui, kebanyakan syarikat-syarikat multinasional ini membuka syarikat-syarikat vendor di luar negara seperti di Thailand dan di Indonesia bukanlah kerana semata-mata dari segi kualiti, tetapi disebabkan oleh kos yang lebih rendah.

Jadi soalan saya Yang Berhormat, apakah tidak ada satu tindakan yang perlu diambil oleh kementerian seperti memberi insentif-insentif yang khusus kepada syarikat-syarikat multinasional supaya dengan insentif-insentif ini, mereka dapat melahirkan lebih banyak vendor-vendor di dalam negara kita.

Yang kedua Yang Berhormat, selain daripada Syarikat Proton yang telah melahirkan lebih daripada 100 vendor, saya ingin tahu sejauh manakah syarikat-syarikat GLC seperti Telekom dan TNB telah memainkan peranan untuk melahirkan vendor-vendor dalam negara kita?

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Yang Berhormat, sebenarnya syarikat-syarikat GLC memang memainkan peranan yang baik dalam negara. Sebab itulah Proton sendiri telah pun mempunyai 54 vendor. Bagi Petronas, kita mempunyai 36 vendor yang bernilai RM5 bilion oleh syarikat vendor dalam negara. TNB sendiri, telah pun memperuntukkan 97 vendor yang melibatkan kos RM2.27 bilion dan Nadi telah pun memperuntukkan RM72 juta iaitu sebanyak 110 vendor. Kereta api Tanah Melayu juga telah mewujudkan 11 vendor, UEM 14 vendor dan CTRM dua vendor. Jadi Yang Berhormat, berbalik kepada pelbagai masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat, masalah vendor yang kita wujud, diwujudkan oleh GLC ataupun dalam multinasional ialah:

- (i) disebabkan oleh terlalu bergantung kepada *anchor*,
- (ii) tidak mencapai tahap daya saing yang dikehendaki oleh industri dari segi harga, *volume*, *delivery* dan sebagainya;
- (iii) ada juga disebabkan GLC mengenakan *exit policy* terlalu cepat iaitu lima tahun. Kadang-kadang vendor mempunyai kos yang tinggi, dalam menyediakan kilang, mesin dan sebagainya. Jadi, dengan lima tahun ini, dia tidak dapat untuk meneruskan vendor yang dimiliki; dan
- (iv) terdapat juga penetapan dasar oleh kerajaan supaya 60% diberi kepada bumiputera kurang dipatuhi oleh GLC mahupun multinasional dan ada lagi masalah-masalah seperti teknikal, kurang kemahiran dan sebagainya.

Terima kasih, Yang Berhormat.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Peluang di pasaran antarabangsa begitu luas. Macam manakah kementerian dapat membantu syarikat perkongsian bumiputera dan bukan bumiputera untuk meneroka pasaran itu dan juga untuk mengadakan program spesifik atau khusus untuk pembangunan vendor seperti *Vendor Certification Programme* dan juga *Vendor Development Programme* untuk meningkatkan produktiviti, menurunkan kos, meningkatkan kualiti dan selainnya untuk bersaing di pasaran antarabangsa. Terima kasih.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** [*Masalah rakaman*] ...untuk membangunkan usahawan bumiputera dalam usaha mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera. Namun yang demikian, sokongan padu dan komitmen syarikat-syarikat tempatan adalah perlu dalam memastikan matlamat dicapai. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pencapaian kita setakat ini daripada 97 *anchor*, kita dapat melahirkan 497 vendor setakat 30 April 2007. Sasaran kita dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ialah pelantikan 30, tetapi pencapaian telah pun melebihi iaitu 106 vendor telah diwujudkan setakat ini. Setakat ini, kita juga sedang berusaha untuk membangunkan syarikat-syarikat vendor baru iaitu sebanyak 150 dan kita akan

memantapkan syarikat vendor yang sedia ada melalui kursus-kursus teknikal, khidmat nasihat dan sebagainya, itu sebanyak 200 buah. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kini 15 buah syarikat vendor sedang kita mantapkan dan membangunkannya secara serius supaya kita dapat bawa syarikat vendor kita ke peringkat global. Terima kasih.

**5. Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan jumlah peruntukan yang disalurkan kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli bagi tahun 2006 sehingga kini dan bagaimana peruntukan ini disalurkan kepada kumpulan sasar dan jenis perbelanjaan yang diperuntukkan.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Lafe]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, jumlah peruntukan yang disalurkan kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli bagi tahun 2006 adalah sejumlah RM77 juta bagi Belanja Pembangunan dan RM46.5 juta bagi Belanja Mengurus. Dalam tahun 2007 sebanyak RM83 juta telah diperuntukkan untuk Belanja Pembangunan dan RM51.5 juta bagi Belanja Mengurus. Peruntukan Pembangunan digunakan untuk membiayai tiga program utama pembangunan iaitu:

- (i) Program Penempatan Tersusun;
- (ii) Program Pembangunan Ekonomi; dan
- (iii) Program Pembangunan Sosial.

Tuan Yang di-Pertua, Peruntukan Mengurus yang disalurkan kepada JHEOA pula digunakan untuk memberi bantuan pendidikan kepada anak-anak Orang Asli. Dalam peruntukan ini, sejumlah RM8.6 juta telah disalurkan dalam tahun 2006 dan RM10.3 juta dalam tahun 2007. Sekian.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada timbalan menteri. Apakah mekanisme pemantauan yang diguna pakai oleh kementerian terhadap peruntukan yang telah disalurkan kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli? Sering dimaklumkan beberapa kali dalam forum dan perbahasan, peruntukan tidak turun kepada kumpulan yang disasarkan iaitu Orang-orang Asli. Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, teguran yang mengatakan peruntukan tidak turun kepada masyarakat Orang Asli adalah salah. Yang kedua, kementerian dan juga jabatan mempunyai beberapa peringkat pemantauan. Satu adalah di peringkat kementerian di mana kita mempunyai mesyuarat yang dinamakan *Max Club* di mana semua Ahli Exco kerajaan-kerajaan negeri bertanggungjawab atas pemantauan semua projek termasuk menteri.

Yang kedua di peringkat jabatan. Kita juga mempunyai agensi-agensy pelaksana projek dan juga program yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh masyarakat Orang Asli juga

dipantau oleh agensi-agensi seperti FELCRA dan juga RISDA. Kita juga ada mempunyai satu lagi iaitu Jawatankuasa Pembangunan Masyarakat Orang Asli ataupun Majlis Pembangunan Bagi Masyarakat Orang Asli. Ini merupakan satu jawatankuasa yang dianggotai bukan sahaja oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli tetapi oleh individu-individu daripada masyarakat Orang Asli dan juga ketua-ketua jabatan yang ada kaitan dengan pembangunan masyarakat Orang Asli dan juga NGO yang juga duduk dalam jawatankuasa ini. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Tuan Osman bin Bungsu, Ahli Dewan Negara yang mewakili masyarakat Orang Asli. Silakan.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih timbalan menteri yang datang untuk jawab soalan nombor lima. Soalan tambahan saya, adakah peruntukan yang begitu besar telah disalurkan oleh kerajaan telah dapat mengubah tahap kemiskinan sekarang? Soalan kedua, adakah kementerian bercadang mewujudkan Pelan Induk Pembangunan Orang Asli yang mana melibatkan peruntukan besar dalam membangunkan, pertama dalam kemudahan infrastruktur, utiliti dan juga penambahan nilai tambah modal insan di kalangan masyarakat Orang Asli masa kini. Jika ada, berapakah peruntukan yang dijangkakan dalam pelan ini? Terima kasih.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Terima kasih sahabat saya daripada masyarakat Orang Asli, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tidak ada statistik di sini tetapi seperti mana yang kita sedia maklum, sejak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ditubuhkan dahulu, banyak pembangunan ataupun banyak kemajuan telah berlaku di kawasan Orang Asli. Namun demikian, pihak kerajaan khasnya kementerian masih lagi belum berpuas hati. Jadi oleh kerana itulah tiap-tiap Rancangan Malaysia lima tahun, pihak kerajaan khasnya kementerian telah memohon banyak peruntukan.

Seperti mana yang saya sebutkan tadi, pada tahun 2006 sebanyak RM123 juta telah dibelanjakan, setakat tahun 2007 sebanyak RM134.5 juta telah pun diperuntukkan. Bagi Rancangan Malaysia Kesembilan, sebanyak RM367 juta diperuntukkan hanya untuk pembangunan. Jadi seperti mana yang saya sebutkan tadi, pembangunan masyarakat Orang Asli memang mempunyai perancangan dia sendiri di mana kita ada tiga jenis program yang telah diperkenalkan.

Program pertama iaitu Program Pembangunan Orang Asli:

- (i) Program Penempatan Tersusun – ia merupakan projek-projek rancangan pengumpulan semula bencana alam bagi pelbagai negeri, penyusunan semula kampung dan juga rancangan kampung baru;
- (ii) Program Pembangunan Ekonomi – ini pun telah pun menunjukkan hasil di mana kadar kemiskinan dalam masyarakat Orang Asli sudah menurun daripada 65% dahulu iaitu Pembangunan Ekonomi

Pelbagai Negeri, Bimbingan Usahawan, Pembangunan Ruang Niaga, Pelancongan Desa dan sebagainya;

- (iii) Ini yang terpenting seperti mana yang telah disebut iaitu Projek Perumahan Miskin Tegar, Infrastruktur dan Kemudahan Awam sebagaimana yang telah disarankan oleh Yang Berhormat tadi iaitu kemudahan pentadbiran, kompleks pentadbiran dan sebagainya.

Jadi memang kementerian mempunyai peruntukan perancangan yang tersusun bagi masyarakat Orang Asli ini. Kita berharap pada penghujung Rancangan Malaysia Kesembilan ini, kita boleh mengurangkan lagi kadar kemiskinan yang masih lagi dikatakan tinggi di kalangan masyarakat ini. Sekian.

**6. Tuan Tan Bon You** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan mengapakah kementerian tidak mengadakan suatu tempat khas untuk latihan pusat bagi pegawai penguat kuasa semua pihak berkuasa tempatan supaya ada keseragaman dalam latihan dan tindakan mereka kemudahan tersebut juga boleh menjimatkan kos bagi PBT yang tidak ada kemudahan latihan untuk kakitangan mereka.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Tan Bon You kerana bertanya satu persoalan yang ditujukan untuk meninggikan lagi tahap dan mutu perkhidmatan yang diberi di peringkat pihak berkuasa tempatan. Jawapan saya ringkas sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini sedang di dalam peringkat akhir penyediaan kertas cadangan mengenai penubuhan satu institut iaitu Institusi Latihan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di mana pelbagai jenis latihan akan diberi kepada pegawai di semua peringkat di dalam pihak-pihak berkuasa tempatan. Kertas cadangan ini akan dikemukakan untuk Kabinet pada awal bulan Jun tahun ini dan projek ini akan dilaksanakan selepas mendapat kelulusan daripada semua agensi yang berkaitan. Terima kasih.

**Tuan Tan Bon You:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Semasa menunggu untuk menubuhkan institut itu, apakah kaedah ataupun pendekatan yang digunakan oleh kementerian dalam menentukan bilangan anggota dalam sesebuah PBT? Adakah sesuatu nisbah bagi penguat kuasa dengan pihak PBT telah digariskan untuk menentukan bilangannya dan adakah institut itu akan meluaskan skopnya untuk melatih anggota berseragam ini untuk membantu dalam bencana alam ataupun masa kecemasan? Terima kasih.

**Dr S. Subramaniam:** Pada masa sekarang, Tuan Yang di-Pertua, kementerian tidak menetapkan bilangan pegawai yang bekerja di satu-satu pihak berkuasa tempatan. Perkara ini terpulang kepada kehendak tiap-tiap PBT yang berkenaan dan mereka mempunyai

kuasa untuk menetapkan dan membuat cadangan kepada kementerian dan selepas itu kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mendapat kelulusan dan dilaksanakan selepas itu. Kuasa itu dan kuasa membuat keputusan diserahkan kepada PBT yang berkenaan mengikut keperluan mereka.

Untuk menjawab soalan kedua Tuan Yang di-Pertua, adakah institut ini akan memberi latihan di dalam bidang-bidang untuk menangani bencana alam, latihan institut akan mempunyai pelbagai jenis jabatan yang akan memberi latihan kepada pegawai di dalam semua peringkat supaya mereka boleh menjalankan tugas mereka, meninggikan kemahiran mereka, menambahkan lagi pengetahuan mereka supaya kerja mereka lebih berkesan, itulah tujuan yang sebenarnya, terima kasih.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah untuk menjadi penguat kuasa yang berkesan, adakah kemahiran seni mempertahankan diri menjadikan satu kemahiran wajib?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat takut diserang?

**Senator Dr S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang apa yang ditegaskan ialah kemahiran daripada persefahaman mereka tentang undang-undang yang digunakan oleh Majlis, kebolehan mereka untuk melaksanakan dan membuat dakwaan ke atas undang-undang. Pada masa sekarang kita haraplah tiada masa akan wujud di mana pegawai-pegawai penguat kuasa kita memerlukan kebolehan mempertahankan diri, kita berharap rakyat kita akan lebih bersopan santun, mereka tidak akan mengambil tindakan-tindakan yang berkaitan macam apa yang diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat dan kalau ada keadaan di mana perkara-perkara ini akan wujud, pihak-pihak berkuasa tempatan akan meminta bantuan dari pihak polis supaya boleh membantu mereka di dalam keadaan itu, terima kasih.

**7. Dato' Rhina Bhar** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah pihak kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan akta-akta yang mendiskriminasikan wanita di mana akta ini belum dipinda semenjak Artikel 8 Perlembagaan Persekutuan dipinda yang telah memberi hak yang saksama pada wanita-wanita di negara ini.

**Dato' Rhina Bhar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya pohon penjelasan tentang soalan asal yang saya hantar dan soalan yang ditukar seperti soalan nombor tujuh ini. Soalan saya ialah, "Namakan undang-undang yang mendiskriminasikan kepada wanita yang belum lagi dipinda semenjak pindaan kepada Artikel 8 Perlembagaan Persekutuan yang memberi hak yang sama kepada wanita di bawah undang-undang dan tarikh-tarikh ianya akan dipinda?" Tuan Yang di-Pertua, saya tanya soalan ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan bukan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Walau bagaimanapun Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat dari Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk menjawab.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

**[Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini diutarakan kepada Yang Amat Berhormat atau Jabatan Perdana Menteri tetapi ini adalah di bawah kuasa kementerian. Oleh itu izinkan saya jawab bagi pihak kementerian. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikutan dengan pindaan Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan pada bulan Ogos 2001 yang memansuhkan perkataan gender untuk menjamin supaya tidak ada sebarang diskriminasi berasaskan *gender*. Beberapa pindaan perundangan telah pun dibuat seperti berikut:

- ( i ) pindaan ke atas peraturan Imigresen bagi membolehkan lelaki asing yang berkahwin dengan wanita rakyat Malaysia memperbaharui pas lawatan sosial mereka lima tahun sekali berkuat kuasa mulai 15 Mac 2007. Wanita asing yang diceraikan atau tinggal berasingan dengan suami warga negara Malaysia boleh memohon pas lawatan secara tahunan berkuat kuasa mulai 1 September 2001;
- ( ii ) pindaan ke atas Akta Pencen 1980 bagi membolehkan balu yang berkahwin semula terus mendapat Pencen Terbitan mulai tahun 2002. Selaras dengan itu Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 juga telah dipinda pada tahun 2005 bagi membolehkan bayaran pencen kepada balu atau duda yang telah berkahwin semula dikekalkan;
- ( iii ) pindaan ke atas Akta Tanah Kawasan Penempatan 1960 pada tahun 2002 bagi membolehkan isteri atau bekas isteri atau waris kadim peneroka yang memasuki tanah rancangan dan bersama-sama mengusahakan ladang menjadi pemilik bersama tanah berkelompok dan ;
- ( iv ) pindaan ke atas Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah pada tahun 2006 bagi meningkatkan hukuman ke atas pesalah yang melakukan kesalahan berkaitan jenayah seksual seperti rogol dan rogol mahram atau *incest* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari bahawa masih terdapat undang-undang yang perlu dikaji semula bagi memastikan tiada unsur-unsur yang mendiskriminasikan wanita, rangka berterusan untuk meneliti dan menyemak undang-undang sedang diambil oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama agensi kerajaan yang lain

dan pertubuhan bukan kerajaan untuk menjamin hak wanita di sisi undang-undang terus dipelihara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara undang-undang yang sedang dikaji adalah seperti berikut:

- (i) cadangan pindaan ke atas Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 bagi memperuntukkan perkara antaranya ialah perluasan takrif keganasan rumah tangga yang meliputi aspek emosi, mental dan psikologi dan memudahkan proses permohonan perintah perlindungan sementara atau *interim protection order* dengan izin dan
- (ii) Akta Kerja 1955 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 untuk memasukkan peruntukan mengenai gangguan seksual.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Kesaksamaan Gender pada 27 Julai 2006 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersetuju supaya:

- (i) satu jawatankuasa antara agensi yang dipengerusikan Parlimen Jabatan Peguam Negara ditubuhkan bagi mengkaji perkara-perkara dalam Perlembagaan persekutuan yang mendiskriminasikan *gender*;
- (ii) satu jawatankuasa antara agensi yang dipengerusikan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ditubuhkan bagi mengkaji peruntukan Akta Imigresen 1959 dan Peraturan-peraturan Imigresen 1963 yang mendiskriminasikan wanita dan
- (iii) satu jawatankuasa antara agensi yang dipengerusikan oleh Kementerian Sumber Manusia ditubuhkan bagi mengkaji peraturan dan undang-undang berkaitan pekerjaan yang tidak memenuhi standard Pertubuhan Buruh Antarabangsa serta *bias* dari segi *gender*.

Kerajaan terus mempergiatkan usaha untuk mengkaji semula undang-undang dan peraturan sedia ada yang dianggap mendiskriminasikan wanita. Dalam hubungan ini kerajaan juga sedang membuat pindaan ke atas beberapa peruntukan di bawah Akta Memperbaharui Undang-undang Perkahwinan dan Penceraian 1976. Rang Undang-undang.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Sedikit lagi ya. Rang Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan dan Perlembagaan Persekutuan. Langkah ini adalah selaras dengan

pindaan Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan iaitu supaya tidak ada undang-undang dan peraturan yang mendiskriminasikan wanita, sekian terima kasih.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** *[Bangun]*

**Puan Mumtaz binti Md Nawis:** *[Bangun]*

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** *[Bangun]*

**Dato' Gooi Hoe Hin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tiga wanita satu lelaki. Hak wanita, saya bagi peluang kepada Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae, selepas itu Datuk Gooi Hoe Hin demi melakukan keadilan.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Terima kasih atas jawapan yang diberikan. Soalan tambahan saya ialah setelah mengetahui begitu banyak akta yang masih lagi belum digubal, saya ingin bertanya adakah kementerian menetapkan satu jadual secara sistematik atau satu masa supaya akta ini dapat digubal dalam masa yang terdekat dan saya mengharapkan supaya wanita tidak menunggu begitu lama untuk sesuatu itu digubal supaya dapat dinikmati. Saya ingin juga bertanya apakah yang menyebabkan ataupun apa halangan yang berhadapan dengan kementerian untuk mempercepatkan proses ini.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Ok, terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Hajah Dayang Mahani. Sebenarnya halangan yang dihadapi oleh kementerian bila kita nak mempercepatkan semua akta-akta ini adalah kerana terlalu banyak akta bukan sahaja akta-akta dari Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat adalah penting, akta-akta dari kementerian-kementerian yang lain juga tengah tunggu untuk diselesaikan supaya dapat dibentangkan di Parlimen secepat mungkin.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya di bawah kementerian kita, kita selalunya cuba sedaya upayanya untuk mempercepatkan semua akta-akta yang telah dicadangkan untuk dipinda oleh kementerian kita. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 sekarang di peringkat terakhir dan Akta Kerja 1955 ini juga dalam tindakan dan yang lain juga sekarang pun dalam perbincangan kita. Sekian, terima kasih.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Terima kasih. Saya ini amat setuju dengan Yang Berhormat Senator Datuk Dayang Mahani. Soal pokoknya ialah undang-undang utama ialah Perlembagaan Persekutuan. Walaupun Perkara 82 telah pun di gubal supaya diskriminasi *gender* itu diselaraskan, amat penting ialah beberapa perkara di dalam Perlembagaan Persekutuan seperti Perkara 11, Perkara 15 dan Jadual 2 Bahagian 1 yang mengasingkan kod dengan izin *parents*, Perkara 11 itu *parent*. Mesti tambah *parents* supaya ibu bapa dan beberapa perkara di Jadual 2 walaupun Akta Imigresen telah ditukar, tetapi undang-undang utama Perlembagaan Persekutuan belum dipinda.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Datuk Senator Dayang Mahani, Perlembagaan Persekutuan lebih penting digubal dengan serta-merta. Soalan saya, bila akan jadi? Terima kasih.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Seperti apa saya telah maklumkan tadi, kementerian amat setuju dengan pandangan Yang Berhormat dan saya telah pun nyatakan satu jawatankuasa antara agensi yang dipengerusikan oleh Jabatan Peguam Negara telah ditubuhkan dan tadi seksyen-seksyen yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat juga dalam perbincangan dan saya harap dapatlah kita tunggu sekejap, kita akan cuba untuk mempercepatkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum pada itu Dewan Negara juga menghargai kehadiran Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi. *[Tepuk]*

**8. Tuan Chua Kim Chuan** minta Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi menyatakan program-program pembangunan modal insan yang telah dan akan dilaksanakan untuk menggalakkan kerjaya sektor perladangan dan komoditi.

**Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi mengambil perhatian yang berat tentang program-program pembangunan modal insan ini. Ini kerana jumlah guna tenaga dalam sektor perladangan dan komoditi adalah agak besar iaitu 1,403,700 orang.

Antara program-program pembangunan insan yang telah dan akan dilaksanakan oleh kementerian saya bagi menggalakkan kerjaya di sektor ini khususnya di kalangan golongan muda ialah pertama mewujudkan kerjasama atau kolaborasi di antara agensi-agensi yang di bawah kementerian saya dengan institusi dan agensi latihan kerajaan sedia ada seperti institut-institut pengajian tinggi awam serta swasta, Institut Latihan Perindustrian (ILP), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan lain-lain lagi. Melalui kolaborasi yang diadakan, lebih banyak peluang-peluang seperti latihan dan kemahiran berkaitan sektor perladangan dan komoditi seperti teknologi perabot, pembuatan coklat adalah dua contoh yang dapat ditawarkan oleh institusi latihan sedia ada kepada golongan yang berminat tanpa perlu melibatkan penubuhan institusi latihan yang baru. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat lebih daripada 20 institusi dan agensi termasuk di bawah KPPK iaitu kementerian saya seperti Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Lembaga Getah, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia yang menawarkan latihan-latihan berkaitan sektor perusahaan perladangan, pertanian dan komoditi di negara kita.

Langkah yang kedua menganjurkan program ceramah kerjaya di sektor perusahaan, perladangan dan komoditi di kalangan pelajar sekolah menengah di seluruh negara. Melalui program ini, para pelajar dan guru sekolah akan diberi penerangan mengenai peluang-peluang kerjaya di sektor perusahaan, perladangan dan komoditi termasuk aktiviti berasaskan pengetahuan dan bernilai tambah tinggi seperti agronomi, kejuruteraan, bioteknologi dan juga

keusahawanan. Para pelajar juga akan dibawa melawat kemudahan R&D kilang atau ladang kepunyaan agensi yang di bawah KPPK atau pihak industri sendiri bagi mendedahkan mereka kepada hala cara dan operasi industri secara moden.

Yang ketiga menggalakkan industri perusahaan, perladangan dan komoditi untuk meningkatkan mekanisasi dan automasi di dalam operasi mereka secara berterusan di samping mampu meningkatkan produktiviti. Langkah mekanisasi dan automasi tersebut dijangka dapat membantu meningkatkan imej terutamanya ke arah pewujudan persekitaran kerja yang lebih kondusif dan ia diharap akan menggalakkan lebih ramai tenaga kerja tempatan menceburi kerjaya di sektor perusahaan, perladangan dan komoditi.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, bagi tujuan merangka strategi dan menyelaraskan pelaksanaan program-program pembangunan modal insan di sektor perusahaan, perladangan dan komoditi, kementerian saya telah mengambil langkah pewujudan sebuah Jawatankuasa Pembangunan Modal Insan Sektor Perladangan dan Komoditi dan jawatankuasa ini diketuai oleh rakan senator saya, Senator Dato' Dr. S. Vijayarajam yang mempengeruskannya dan mereka dah mengadakan seberapa banyak perbincangan. Kita harap dalam Minggu Komoditi yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri sendiri pada 3 Julai 2007 selama lima hari berturut-turut, kita akan mempamerkan peluang-peluang bagi pekerjaan di dalam sektor ini di ruang pameran di dalam Minggu Komoditi itu. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Tuan Chua Kim Chuan.

**Tuan Chua Kim Chuan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, pekerja perladangan merupakan input utama yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi iaitu saya fahamkan bahawa 60% daripada kos pengeluaran bagi kelapa sawit dan lebih 40% bagi ladang getah. Saya ingin tahu sama ada kementerian akan mewujudkan satu tabung pekerjaan perladangan untuk anak-anak mereka melanjutkan pelajarannya sebagai satu cara meningkatkan pembangunan modal insan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Yang Berhormat. Walaupun kita belum ada program seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu untuk anak-anak pekerja yang sedang ceburi di dalam bidang perladangan ini. Walaupun itu, institusi-institusi yang berkenaan iaitu seperti MPOB iaitu Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan Lembaga Getah Malaysia memang mempunyai program untuk membantu guna tenaga sendiri iaitu pekerja-pekerja yang sedang dalam bidang ini untuk melanjutkan kemahiran mereka termasuk juga pelajaran mereka sampai ke peringkat PhD pun ditawarkan. Kepada anak-anak pekerja lembaga-lembaga ini mereka juga dibantu secara biasiswa dengan satu *package* yang bukan sampai dia habis sekolah tetapi sampai universiti tetapi mereka juga dibantu apabila mereka sudah mendapatkan mencapai kejayaan yang tinggi atau cemerlang di dalam peperiksaan mereka.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya daripada angka yang diberi iaitu 1,000,400 lebih orang yang terlibat dalam perladangan dan komoditi, adakah ini angka termasuk pekerja-pekerja asing? Soalan satu. Soalan kedua, selain daripada kolaborasi dengan agensi-agensi kerajaan, adakah kementerian mengadakan kolaborasi ataupun kerjasama ataupun garis panduan dengan IPTS untuk menggalakkan generasi muda supaya mereka boleh mengikuti kursus-kursus perladangan yang termoden. Sekian.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Yang Berhormat, untuk soalan pertama iaitu sama ada ia melibatkan guna tenaga dari luar negeri? Memang termasuk guna tenaga yang kita import dari lain-lain negeri, Indonesia kah, Myanmar kah kerana kita tidak mempunyai guna tenaga yang besar seperti itu untuk memasuki sektor ini. Ini kerana kita tahulah buat masa sekarang sektor perladangan ini bukan satu sektor yang *glamorous* dengan izin, untuk menarik perhatian orang muda kita dan sebab itulah kita akan melancarkan program-program yang melibatkan unsur-unsur di mana pandangan daripada orang muda ini tidak seperti sekaranglah.

Kita hendak tukar pandangan mereka supaya sektor perladangan ini mempunyai satu sektor yang mereka boleh menjadikan karier mereka untuk masa depan. Bagi soalan kedua iaitu sama ada kita mempunyai kaedah dan syarat-syarat, memang ada dan buat masa sekarang kita kerjasama dengan institusi pengajian tinggi seperti Universiti Lim Kok Wing *for example*, sebagai satu contoh dan Institut Latihan Teknologi Riam pun, ISP pun iaitu *Incorporated Society of Planters*. Mereka pun menjalankan program-program untuk memberi latihan dan kursus bagi bakal pekerja di dalam estet. Semua ini ialah untuk menambah dan juga menarik minat daripada orang Malaysia, rakyat kita sendiri untuk memasuki sektor ini. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dewan Negara juga ingin menghargai kehadiran Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, terima kasih.

**9. Datuk Yaakob bin Haji Mohammad** minta Perdana Menteri menyatakan strategi secara dasar visi dan misi bagi menjana pembangunan negara menjelang tahun 2057 khususnya dari aspek kualiti pembangunan tenaga insan yang dapat dihayati oleh semua lapisan masyarakat untuk sama-sama komited dengan menjadikan perpaduan kaum dan integrasi nasional sebagai tonggak kejayaan negara pada masa hadapan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyambut baik cadangan untuk menggubal satu misi jangka panjang menjelang tahun 2057 yang akan menjadi kesinambungan pembangunan negara selepas 50 tahun Malaysia merdeka dan selepas pencapaian matlamat Wawasan 2020. Misi jangka panjang ini akan menjadi satu *blueprint* dan sebagai panduan di dalam merencana pembangunan untuk tempoh 50 tahun akan datang. Tempoh 50 tahun akan datang pastinya memberi banyak cabaran kepada negara, baik cabaran dalaman mahupun cabaran luaran.

Semua dasar kerajaan sedia ada akan dijadikan panduan kepada penggubalan misi jangka panjang ini. Kerajaan mengharapkan untuk merangka satu misi dengan mengambil kira perubahan-perubahan semasa dan kepentingannya khasnya kepada generasi muda agar mereka dapat memainkan peranan yang lebih baik dalam menjana suasana pembangunan negara bagi mencapai kejayaan yang lebih tinggi. Faktor budaya, semangat muhibah, perpaduan, muafakat, keadilan serta toleransi dalam agama akan dititik berat dan diteruskan sebagai nilai tambah kepada kejayaan yang akan diperoleh oleh negara menjelang 50 tahun yang akan datang.

Perhatian bersungguh-sungguh juga akan diberikan kepada pembangunan modal insan, jiwa bangsa dan pembangunan yang tidak meninggalkan ciri-ciri kebudayaan dan kesenian yang menunjukkan rupa bangsa kita yang terdiri daripada masyarakat pelbagai kaum yang bertekad ke arah pencapaian perpaduan dan integrasi nasional. Melalui misi jangka panjang ini juga kerajaan berharap untuk membawa bersama seluruh rakyat, kaum wanita, golongan muda profesional dan badan-badan bukan kerajaan untuk duduk, berbincang dan memberikan pandangan mereka demi masa hadapan negara tercinta, Malaysia.

Usaha sedang dan akan dipergiatkan lagi ke arah menjadikan perpaduan kaum dan integrasi nasional sebagai tonggak kejayaan negara melalui pendekatan pelbagai agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan. Pelan Tindakan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional lima tahun iaitu 2006-2010 merupakan bukti komitmen kerajaan untuk merealisasikan strategi-strategi yang telah digariskan ke arah pencapaian perpaduan negara dan integrasi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya pembudayaan perpaduan dan meraikan kepelbagaian telah menjadi satu kekuatan kepada negara dan dicemburui oleh negara luar di atas kejayaan pemimpin-pemimpin negara menggembelng tenaga, memupuk semangat perpaduan masyarakat pelbagai kaum dan seterusnya mengelak tercetusnya konflik antara kaum. Kita juga menjadi model kepada negara-negara dunia ketiga di dalam aspek pengurusan masyarakat pelbagai kaum dan keupayaan hendaklah diteruskan oleh generasi muda akan datang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Datuk Yaakob bin Haji Mohammad dan selepas itu Puan Mumtaz binti Md Nawi.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang begitu baik. Perkara perpaduan kaum dan integrasi nasional adalah terlalu amat-amat penting.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah strategi yang lebih berkesan perlu diambil untuk menangani kumpulan-kumpulan tertentu yang bertindak yang boleh menjuruskan seolah-olah mempertikaikan atau mencabar isu-isu sensitif di bawah Perkara 151, 152 dan 153 iaitu bahasa, hak-hak keistimewaan bumiputera dan agama di dalam Perlembagaan. Apakah

nasihat Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada kumpulan-kumpulan ini agar visi dan misi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri dan rakyat negara kita menjadi realiti pada tahun 2057. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya jawab tadi, kepelbagaian berbilang kaum, berbilang agama dan berbilang cara hidup, negara kita menjadi sebagai satu kebanggaan kepada kita. Latar belakang inilah yang menyebabkan kita memberi tumpuan utama kepada perpaduan. Jadi sebab itu dalam kerajaan merangka sama ada jangka panjang atau pendek, yang ini agak terlalu jauh, 2050 lagi 50 tahun adalah satu jangka panjang tetapi kita sudah menyemai sikap iaitu kita mahu supaya selepas kita mencapai Wawasan 2020 yang merupakan satu perancangan kerajaan, kita adakan dari segi jangka panjang, kemudian jangka pendek, sederhana pendek dan sebagainya.

Umpamanya baru-baru ini kita lancarkan iaitu rancangan 2006/2007 iaitu Pelan Perpaduan Negara. Ini membuktikan bahawa kerajaan lebih menekankan kepada soal perpaduan itu amat penting. Kerana inilah yang menjadi satu kekuatan kepada kita. Dalam hal ini kita tidak boleh bertolak ansur, semua kaum kena faham hakikat ini. Sebab itulah saya bersetuju dengan soalan Yang Berhormat Senator tadi iaitu ada segelintir pihak yang ketika ini menjadi duri dalam daging yang mesti kita ambil tindakan tegas.

Dalam hal ini kita maklumkan bahawa dalam tindakan kerajaan jangka masa panjang, kita mahu mewujudkan perpaduan sebagai satu kekuatan, kita kena faham dan kita kena ingatkan kepada mereka bahawa kerajaan mempunyai peraturan dan undang-undang. Kita ada undang-undang dan kita ingin ingatkan kepada mereka, jangan biarkan sampai kita mengambil tindakan keras kepada mereka. Jadi mereka ini kena faham bahawa kerajaan boleh bertindak kerana kita ada undang-undang, tetapi oleh sebab kerajaan memikirkan bahawa yang lebih penting ialah penghayatan perpaduan semua kaum. Kita berada di dalam sebuah negara yang pelbagai kaum, maka ini adalah menjadi sebagai satu perkara yang lebih penting yang perlu kita tekan atau kita kata dalam bentuk dakwah kita untuk membangunkan negara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Mumtaz.

**Puan Mumtaz binti Md Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya percaya bahawa antara cara dan strategi menjalankan visi untuk pembangunan negara dari segi pembangunan insan adalah PLKN yang telah pun dibuat oleh kerajaan. Memandangkan kerajaan telah pun begitu banyak menghabiskan perbelanjaan untuk PLKN, adakah kerajaan dalam usaha untuk pembangunan tenaga insan ini akan menjadikan model PLKN dalam Malaysia ini dan masukkan satu modul ataupun *syllabus* khas berkenaan dengan PLKN supaya mesra akhlak agar pelajar-pelajar keluar dari PLKN bukan setakat kuat dari segi fizikal tetapi mempunyai akhlak dan mungkin dari segi integrasi yang lebih baik sekiranya penekanan khusus dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan perkara ini berlaku. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya saya ingin maklumkan kepada Dewan ini, bahawa sebenarnya seluruh jentera kerajaan menjurus fokusnya kepada perpaduan. Ini maknanya semua agensi, semua kementerian, kerajaan dan begitu juga dasar-dasar yang dirangka oleh kerajaan menjurus kepada perpaduan. Kerana inilah satu perkara yang penting yang mesti ditegakkan di dalam negara kita.

Kalau ini tidak kita berikan tumpuan, kalau ada mana-mana pihak yang memainkan isu-isu ini atau isu-isu sensitif seperti yang disebutkan tadi, ia sangat memberi kesan yang cepat dan akan merugikan kita. Jadi kita kena ingatlah perkara ini dan semua rakyat kena ingat perkara ini. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, kandungan modul di dalam PLKN itu memang sebahagiannya kita rencanakan supaya perpaduan ini diberi keutamaan dalam modul-modul itu. Sebab itulah semangat ini diterapkan di dalam sebahagian daripada kurikulum yang dibentangkan di dalam PLKN.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang terhormat. Yang terhormat Dato' Haji Abdul Rashid.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. 50 tahun adalah satu jangka masa yang agak panjang. Yang terhormat tadi menekankan bahawa dalam masa 50 tahun ini, tekanan diberi kepada masalah kepelbagaian. Tidakkah pada tempatnya dalam jangka yang agak panjang ini soal kepelbagaian itu dikurangkan dan sebagai gantinya soal perpaduan dan integrasi itu yang lebih diutamakan.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya katakan bahawa memang dari segi pelaksanaan, kita tahu bahawa salah satu serampang kita ialah kita menjurus kepada integrasi dan perpaduan. Dunia tahu bahawa kita adalah satu masyarakat pelbagai. Kepelbagaian *ethnic group*, kepelbagaian bahasa, kepelbagaian budaya, agama dan sebagainya. Ini telah mencetuskan kudrat kekuatan kepada kita. Negara melihat bagaimana Malaysia boleh tampil sebagai satu negara walaupun mempunyai kepelbagaian, tetapi masih kita dapat mempertahankan kerana inilah kekuatan kita melihat bahawa dalam kepelbagaian itu, yang lebih kita utamakan ialah soal perpaduan dan integrasi antara kaum dan budaya yang ada di dalam negara kita. Jadi saya bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang terhormat tadi. Ini sebenarnya dalam rangka jangka panjang dan rangka jangka sederhana yang telah dilakukan oleh kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang terhormat. Sebelum pada itu, Dewan Negara juga menghargai di atas kehadiran Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ke Dewan Negara ini. Terima kasih Yang terhormat. [*Tepuk*]

**11. Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah kerajaan berhasrat untuk memastikan satu piawai wujud di dalam mengemaskinikan papan tanda arah jalan seluruh negeri termasuk jalan-jalan yang telah diswastakan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua jalan di bawah selenggaraan Jabatan Kerja Raya telah wujud satu piawaian papan tanda arah dalam bentuk arahan teknik jabatan iaitu AT(J2E/87) atau *guide sign design and application*, dengan izin. Bagi menyeragamkan papan tanda arah jalan bagi semua jalan termasuk jalan-jalan yang telah diswastakan, Jabatan Kerja Raya dengan kerjasama *Road Engineering Association of Malaysia* (REAM) sedang dalam peringkat awal berbincang dengan berbagai-bagai pihak termasuk ahli-ahli akademik dari institusi pengajian tinggi awam dan pihak berkuasa terbabit untuk menyediakan REAM *guideline, manual on traffic control devices, guide signs and design application* dengan izin. Apabila siap, garis panduan ini akan dapat digunakan oleh pelbagai pihak berwajib dan termasuk pihak berkuasa tempatan dan Polis Diraja Malaysia. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Ikhwan Salim dan kemudian Yang Berhormat Ir. Hiang A Li.

**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak:** Soalan tambahan saya, baru-baru ini satu kehilangan dua ahli dalam satu kemalangan Lebuhraya PLUS dan antara lain dikaitkan dengan masalah kerja-kerja pelebaran *highway* dan satu pembahagi jalan telah ke tengah *highway* itu. Ia terpaksa dielakkan dan satu kemalangan telah terjadi. Jadi soalan tambahan saya, apabila ada kerja-kerja yang sedang dijalankan di jalan raya, apakah penguatkuasaan terhadap kontraktor itu diperketat supaya kemalangan tidak berlaku kerana kadang-kadang saya dapati tidak ada ciri-ciri tertentulah yang dilakukan untuk menentukan bahawa pengguna-pengguna jalan raya tahu akan kerja-kerja itu.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Dato' Yong Khoon Seng:** Terima kasih Yang Berhormat memberitahu, sememangnya di dalam satu kerja di mana jalannya di perbaiki memang selalu sentiasanya meminta pihak kontraktor menguruskan lalu lintas dengan baik. Ini satu kes saya ingin tahulah di mana ia berlaku kerana kita sentiasa ada beri arahan supaya pengurusan trafik di jalan dengan baik.

**12. Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa kerajaan masih gagal melaksanakan penetapan pembayaran RM2,400 kepada majikan yang mahu mengambil pembantu rumah daripada Indonesia dan bagaimanakah kerajaan mengatasi masalah banjiriran pembantu rumah berkualiti rendah dan sering pula melarikan diri daripada majikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya akan teruskan masa pertanyaan sehingga pukul 11.45, terima kasih.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia telah menandatangani memorandum persefahaman dengan Kerajaan Republik Indonesia pada 13 Mei 2006, bertempat di Baling, Indonesia. Antara lain penetapan pembayaran yang dibenarkan bagi pengambilan pembantu rumah asing daripada Indonesia (PRA).

Kos keseluruhan yang di benarkan untuk menguruskan kemasukan PRA ialah RM3,715 sebanyak RM 2,415 akan ditanggung oleh pihak majikan manakala bayaran berjumlah RM1,300 di tanggung oleh pembantu rumah tersebut di Indonesia. Keputusan ini telah dilaksanakan dan berkuat kuasa pada 15 Januari 2000. Sebanyak 345 agensi pembantu rumah asing dalam negara kita telah memberikan persetujuan mereka kepada ketetapan ini. Walau bagaimanapun bayaran RM1,300 yang dipersetujui tidak dapat menampung kos agensi dan kos-kos lain di Indonesia.

Kedudukan ini menyebabkan pelaksanaan keputusan memorandum persefahaman yang telah ditandatangani oleh kedua-dua kerajaan itu tergantung. Mengikut perjanjian yang ditandatangani bayaran kepada agensi pembantu rumah di Indonesia adalah sebanyak Rp1,150,000.00 bersamaan dengan RM460.

Golongan PRA ini mendapat bayaran yang lebih lumayan di beberapa negara lain seperti, di beberapa negara Eropah, Hong Kong, Taiwan dan negara Timur Tengah. Mereka ini tidak datang ke Malaysia di sebabkan tarikan gaji yang kurang lumayan.

Menurut Persatuan Agensi Pembantu Rumah Asing (PAPA), PRA Indonesia yang bekerja di Hong Kong misalnya mendapat gaji sekitar RM1000 hingga RM2000 sebulan, berbanding mereka yang bekerja di Malaysia yang mendapat gaji sekitar RM350 sehingga RM600. Oleh yang demikian, kerajaan tidak dapat memastikan PRA yang datang ke Malaysia berkualiti, terlatih dan bertanggungjawab. Kebanyakan PRA yang datang ke Malaysia terdiri daripada baki mereka yang gagal merebut peluang untuk berkhidmat di negara ini.

Walaupun bagaimanapun saya telah bersetuju mengadakan perbincangan dengan rakan sejawat saya Herman Suparno selaku Menteri Tenaga Kerja dan Transmigrasi Indonesia sedikit masa lagi bagi berbincang semula memorandum persefahaman untuk mencari jalan yang terbaik mengatasi masalah yang sedang dihadapi oleh agensi pembantu rumah asing di Indonesia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, sebelum itu saya memohon maaf kepada Timbalan Menteri Kerja Raya kerana saya tak nampak Yang Berhormat Tuan Ir. Hiang A Li bangun tadi, kerana saya terus kepada pertanyaan berikutnya, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi kemudian Yang Berhormat Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas itu Yang Berhormat Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn, ringkas.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Pertanyaan tambahan saya dalam kes pembantu rumah yang lari daripada majikan ini, berapa banyak agensi-agensi pembantu rumah asing ini yang sudah diambil tindakan kerana terlibat dengan sindiket, dengan izin *runaway maids* ini?

Apakah kerajaan tidak bercadang untuk beralih kepada negara-negara lain untuk mendapatkan pembantu rumah yang lebih berkualiti seperti Mongolia, Khazakstan, Turkmenistan dan sebagainya.

**Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pembantu rumah yang telah lari bagi tahun ini sahaja daripada negara Indonesia adalah sebanyak 6,138 orang, boleh dikatakan bahawa tiap-tiap tahun pembantu rumah daripada Indonesia yang lari pula pada tahun 2002 sehingga tahun 2007 adalah dianggarkan 14 kali setahun, lebih kurang 1,000 lebih sebulan.

Bukan tindakan tidak diambil terhadap agensi yang membekalkan tapi peraturan kita ini dianggap pelik sedikit Yang Berhormat, kita ada peraturan di mana tindakan akan diambil terhadap majikan kerana membenarkan pembantu rumah itu lari.

Jadi saya telah berbincang dengan pegawai saya dan saya bersetuju bahawa perkara ini seharusnya dikaji semula, melihat cara mana kita boleh memasukkan peraturan di mana kita akan *penalize* dengan izinnya, agensi-agensi itu bukan pembantu rumah. Soalan yang kedua,

**Tuan Yang di-Pertua:** Khazakstan, Turkmenistan yang itu.

**Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim:** Ya, kerajaan sedang bercadang untuk menambah negara-negara sumber baru seperti India, Laos, Nepal, Vietnam sehinggalah Timor Leste, tapi jika Yang Berhormat semua bersetuju juga bolehlah masuk negara Uzbekistan, Khazakstan [*Ahli Dewan ketawa*], kerana kalau mereka datang ini saya difahamkan mata-mata mereka pun biru, ada yang mata hijau, mungkin Ahli Yang Berhormat lelaki semua ini boleh balik ke rumah tiap-tiap hari makan tengah hari kat rumah.

**Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri bagi menjadikan profesion pembantu rumah ini sebagai profesion yang diminati, dihormati dan ada kualiti, tidakkah pihak kementerian bercadang untuk mengadakan satu pusat latihan pembantu rumah khas untuk rakyat Malaysia, supaya pembantu rumah yang berkualiti ini lebih sesuai dengan kehendak masyarakat golongan menengah Malaysia?, Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat ini bermakna bahawa kosnya akan meningkat, tapi untuk makluman Yang Berhormat sekalian bahawa kos yang telah dipersetujui di antara dua pihak, termasuk juga latihan yang sepatutnya ditanggung oleh agensi di negara Indonesia.

Mengikut apa yang ada di depan saya ini, ia termasuk latihan selama 30 hari di mana dimasukkan di dalam kos ini sebanyak Rp250,000, juga penginapan, makan selama 30 hari Rp250,000, maklumlah mereka menjalankan latihan di sana.

Walau bagaimanapun dalam perjumpaan saya dengan rakan sejawat saya tidak lama lagi saya akan bincanglah perkara ini, dan ambil kira tentang kos, kalau dipersetujui dan jika rakyat Malaysia bersetuju untuk menanggung kos itu, bolehlah mengambil kira menubuhkan satu pusat latihan kepada pembantu rumah-pembantu rumah asing.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datin Paduka Nor Hayati.

**Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya hampir dua-dua telah berjawab. Tetapi setelah mendengar jawapan Yang Berhormat Menteri saya minta supaya dikaji balik bagaimana pula orang gaji yang kita bukan suruh dia lari, dia sendiri lari dan majikan didenda dan agensi terlepas. Jadi saya harap ini dapat dikaji balik apabila agensi pembantu rumah ini didapati menipu pelanggan dengan menyediakan pembantu rumah yang tidak berkualiti dan memberikan laporan kesihatan palsu dalam erti lain mempunyai penyakit. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi sudah terjawab dan tidak ada pertanyaan. Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok.

**13. Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** minta Perdana Menteri menyatakan perbezaan pendapatan secara purata antara kaum di bandar dan di luar bandar.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan perangkaan daripada penyiasatan isi rumah, pendapatan isi rumah bagi semua kumpulan etnik di bandar dan luar bandar adalah semakin meningkat berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Pendapatan isi rumah kasar bulanan purata di bandar secara keseluruhannya ialah RM3,956 dan di luar bandar RM1,875. Dari segi kumpulan etnik pula, pendapatan isi rumah kasar bulanan purata, di kawasan bandar bagi bumiputera adalah RM3,472, kumpulan etnik Cina RM4,733 dan kumpulan etnik India RM3,731.

Di kawasan luar bandar pula pendapatan isi rumah kasar bulanan purata bagi bumiputera ialah RM1,777, kumpulan etnik Cina RM2,550 dan kumpulan etnik India RM2,137.

Walau bagaimanapun pelbagai usaha akan terus dilaksanakan bagi memastikan jurang pendapatan antara penduduk di kawasan bandar dan luar bandar dapat diperbaiki. Antaranya kerajaan telah mengenal pasti dan akan melaksanakan beberapa program lonjakan mega luar bandar. Program ini merupakan pelaksanaan program secara bersepadu berkonsepkan Agropolitan sebagai pemangkin pertumbuhan dan pembangunan di kawasan luar bandar yang mundur dan terpencil.

Antara projek atau program yang akan dilaksanakan ialah Agropolitan Pulau Bangi di Sabah, Agropolitan RKT KESEDAR di Kelantan, Agropolitan Wilayah Ganda di Perak, Agropolitan Tanjung Gahai di Negeri Pahang, Agropolitan Pekan juga di negeri Pahang, Agropolitan Setiu di Terengganu dan Agropolitan di Kedah dan di Sarawak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok

**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagaimana pula dengan kalangan mereka yang di bandar, apakah bentuk pendekatan kerajaan untuk menyelesaikan perbezaan pendapatan ini?

**Dato' Haji Abdul Raman Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, dari apa yang telah saya sebutkan tadi bahawa jurang perbezaan dan pendapatan ini peratusnya lebih ramai di luar bandar tetapi konsep bandar dan perbandaran ini juga kita lihat bahawa dari segi mobiliti pegawai dan kakitangan kerajaan kita lihat seolah-olah pergi ke bandar tetapi sebenarnya kerajaan membangunkan sesuatu kawasan, mewujudkan perbandaran baru dan sebagainya. Jadi dalam hal ini, bagi bandar tidak terdapat banyak masalah-masalah dari segi pendapatan kerana mobilitinya adalah lebih agresif jika kita bandingkan dari segi mereka yang di luar bandar.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apalah menghormati wanita

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, berdiri dua kali.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lagi protes? Wanita ini dah bagi seinci dia nak sepuluh.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** *[Ketawa]* Itu bukan protes, hanya memberi makluman. Dalam suasana di mana keadaan pasaran modal begitu galak meningkat, adakah ia akan mempunyai impak terhadap segala aktiviti, cubaan dan usaha untuk mendekatkan jurang perbezaan antara bandar dan luar bandar. Terima kasih

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dari segi pembangunan supaya berlaku keseimbangan tanpa melihat kawasan, maka adanya koridor-koridor baru. Ini semua adalah menjurus ke arah itu di samping program-program yang khusus kepada mereka yang berada jauh dari kawasan pembangunan ini kerana kita tahu koridor-koridor utara, selatan, timur dan sebagainya yang berada jauh daripada Orang Asli seperti yang ditanyakan oleh Senator Yang Berhormat Osman Bungsu, juga di dalam rancangan kerajaan khususnya kalau kita lihat dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, bajet yang tahun lalu untuk tahun 2007 pun Orang Asli pun diberi khusus. Ini ada program-program khusus kepada mereka.

Jadi sebab itu kalau kita lihat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan bajet yang dibentangkan oleh kerajaan kalau dilaksanakan dengan berkesan, insya-Allah kerana semuanya menjurus, fokus kepada kumpulan sasaran yang sama. Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Dato' Dr. Norraesah kerana pertanyaan yang cukup bernas. Masa cukup.

***[Masa bagi pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]***

**USUL****MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA  
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kesebelas.” **[14 Mei 2006]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya bagi pihak Dewan Negara menjemput Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menjawab dan menggulung perbahasan.

**11.47 pg.**

**Timbalan Menteri Kewangan II [Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yackop]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Ir. Wong Foon Meng yang telah dipilih semula sebagai Timbalan Yang di-Pertua. Saya ingin juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan di Dewan yang mulia ini.

Khususnya yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan. Apa jua Ahli-ahli Yang Berhormat memberi pandangan dan cadangan yang membina untuk kepentingan rakyat dan negara, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas pandangan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin menegaskan di sini bahawa pandangan dan cadangan tersebut telah diambil maklum dan akan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, semasa perbahasan kedudukan ekonomi, Ahli Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad telah meminta Kementerian Kewangan menyatakan cara atau tindakan yang perlu dilakukan bagi memastikan prestasi terus kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memberi jawapan kepada soalan ini secara khusus, kita juga ingin memberi sedikit latar belakang sebab pada pendapat saya kita kini telah mencapai ulang tahun 50 tahun kemerdekaan sebuah negara berdaulat. Perkara penting untuk kita berjalan ke hadapan ini, 50 tahun yang akan datang, insya-Allah ialah keyakinan diri. Dalam perkara ini saya ingin menyebut tentang ungkapan Senator Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah tadi, bahawa 50 tahun ini adalah satu masa yang panjang. Mungkin betul, tapi dalam konteks kemajuan sesuatu bangsa, sesuatu negara, sesuatu tamadun, sesuatu hadarah 50 tahun sebenarnya satu jangka masa yang begitu pendek. Dalam 50 tahun ini kita kadang-kadang tidak begitu sedar tentang kemajuan yang begitu banyak yang telah dicapai.

Mungkin kita lupa bahawa pada tahun 1957 negara kita mencapai kemerdekaan. Negara tercinta kita pada masa itu dianggap sebagai sebuah negara yang kemungkinan besar akan maju. Pada masa itu juga negara Ghana dapat kemerdekaan pada tahun...[Masalah rakaman]... Pada masa itu Ghana dijangka menjadi sebuah negara yang besar akan maju. Filipina dianggap sebagai sebuah negara yang pasti maju. Sri Lanka juga dianggap...[Masalah rakaman]... dan 50 tahun kemudian, negara telah mencapai begitu banyak capaian.

Kita telah maju begitu ke hadapan sehingga kalau dibandingkan dengan negara Ghana, kita telah dapat capaian yang begitu besar berbanding dengan Ghana dalam semua perkara Tuan Yang di-Pertua, kecuali dalam satu perkara negara Ghana telah maju daripada kita. Bidang itu ialah bidang *football*. Dalam bidang *football* kita memang tidak maju seperti Ghana. Kecuali *football*, dalam semua bidang lain kualiti hidup, jumlah profesional, pendapatan per kapita kita begitu maju berbanding dengan negara-negara lain. Bukan sahaja Ghana, Philippines, Sri Lanka, tetapi banyak negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1957 bila kita mencapai kemerdekaan 50% dari keluarga Malaya pada masa itu adalah keluarga miskin. Jadi satu daripada dua keluarga pada tahun 1957 adalah keluarga miskin dan kebanyakan daripada kita termasuk saya sendiri adalah dari keluarga miskin. Bagi orang Melayu pada tahun 1957, 75% dari keluarga adalah keluarga miskin. Jadi bagi tiap-tiap empat keluarga Melayu pada tahun 1957 tiga keluarga adalah miskin. Pada tahun 1957 profesional dari semua bangsa Melayu, Cina, India. Itu yang... *[Masalah rakaman]* ...berkurangan. Profesion Melayu yang kurang sekali dan dari segi jumlah doktor, *lawyer*...*[Masalah rakaman]*..

Pada tahun sehingga 1980 ramai profesional. Seperti yang saya sebut dalam Dewan yang mulia ini pada tahun 1980 selepas merdeka, jumlah doktor Melayu hanya 482...*[Masalah rakaman]*... Tetapi kerajaan telah membuktikan keikhlasan kerajaan, kemampuan kerajaan dan kini kita dapati bahawa dari segi bidang profesional kita memang maju. Begitu ramai profesional doktor, *lawyer*, *quality surveyor*, *dentist* dan macam-macam profesion. Kaum Melayu, kaum Cina, kaum India juga semua kaum telah membuktikan bahawa anak-anak mereka berasaskan kepada asal pendidikan yang baik yang dilaksanakan secara ikhlas dapat memastikan anak-anak mereka jadi profesional. Kerja dengan GLC-GLC, syarikat-syarikat besar dan yang satu kenyataan yang seronok sekali ialah banyak profesional-profesional Melayu dari Malaysia. Bukan saja dapat tempat di Malaysia sekarang, banyak kerja di luar negeri. Saya ingat tidak kurang dari empat ketua Shell serata dunia ialah Malaysia termasuk Melayu. Banyak pegawai-pegawai Citibank di seluruh dunia adalah orang Malaysia termasuk Melayu. Ini adalah satu pencapaian yang harus kita banggakan semasa kita merancang untuk melaksanakan rancangan-rancangan untuk masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini kita yakin, kerajaan yakin bahawa dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan kita akan mencapai kadar pertumbuhan sebanyak 6%.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya enggan campur. Jadi saya rasa kupasan Yang Berhormat itu begitu tebal. Saya tertarik hendak tambah sedikit. Pada masa kita merayakan kehadiran negara kita...*[Masalah rakaman]*.. kita dengar di sana sini tentang ungkapan *fail state* sebab Yang Berhormat sebut Ghana.. *[Masalah rakaman]* tentang tadi. *Fail state*. Bermakna sudah jelas Malaysia tidak merupakan sesebuah *fail state*. Maka kemungkinan sesebuah *state* boleh

*fail* tidak begitu disedari banyak dalam masyarakat kita. Bolehkah Yang Berhormat menyatakan perbezaan bahawa sesebuah *state* itu boleh *fail*. Tetapi selama 50 tahun kita belum lagi *fail*.

**Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu adalah satu isu yang begitu penting. Pada tahun 1957 apabila kita mencapai kemerdekaan, kemungkinan kita akan menjadi sebuah *fail state* memang ada, sebab pada masa itu kita adalah sebuah negara yang mempunyai pelbagai rakyat majmuk. Pada masa itu tidak ada contoh sebuah negara yang mempunyai pelbagai kaum yang berjaya. Pada masa itu kita hanya bergantung kepada dua komoditi, getah dan bijih timah dan kalau harga getah dan bijih timah jatuh ekonomi kita akan jatuh.

Pada masa itu *on paper*, dengan izin kemungkinan kita berjaya dengan cemerlang, dengan hebat tidak nampak. Seperti kata dengan izin *anything could have got* dan hanya 12 tahun selepas merdeka dengan izin *things went wrong* kita dilanda oleh satu krisis yang begitu teruk selama beberapa bulan dalam bulan Mei pada tahun 1969. Krisis Mei 1969 yang begitu teruk, tetapi dengan keikhlasan kerajaan, dengan kebijaksanaan kerajaan kita telah mengatasi krisis 1969 dan kita telah mewujudkan satu polisi yang begitu baik, yang memberi perkhidmatan kepada semua yang dibentuk dengan cara yang...*[Masalah rakaman]*... halusi dengan polisi Dasar Ekonomi Baru.

Falsafah Dasar Ekonomi Baru masih ada selepas tiga, empat dekad masih ada. Saya anggap falsafah ini adalah baik sebab falsafah ekonomi baru ialah satu falsafah untuk memastikan bahawa kita tidak berfikir secara kaum. Sungguhpun ada orang kata Dasar Ekonomi Baru ialah berasaskan kaum. Tetapi sebenarnya dasar ekonomi baru ialah satu falsafah, satu dasar untuk mengelak kita berfikir secara kaum, sebab sebelum itu bila kita sebut orang Cina kita fikir dia kerja sebagai peniaga, orang India di estet, orang Melayu bertani, nelayan atau kerja dengan kerajaan. Kita tidak mahu orang anggap sebuah kaum itu khusus kepada satu sektor.

Polisi Dasar Ekonomi Baru sebenarnya ialah satu falsafah yang memastikan fikiran kita lepas dan *[masalah rakaman]* selepas itu tahun 1986, kita dilanda oleh satu krisis ekonomi yang begitu hebat sebab semua harga komoditi jatuh. Tahun 1957 kita telah bergantung kepada dua komoditi iaitu getah dan *tin*. Selepas tahun 1986 kita sudah pelbagaikan ekonomi kepada komoditi-komoditi yang lain, tetapi harga semua komoditi jatuh dan krisis ekonomi tahun 1986 adalah suatu krisis yang begitu hebat tetapi kerajaan, sebab kerajaan kita ialah sebuah kerajaan praktikal, pragmatik dan bukan sebuah kerajaan yang berasaskan kepada ideologi.

Kita adalah sebuah kerajaan pragmatik dan perkara ini telah pun diumumkan sejak tahun 1957 oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman sendiri bahawa kita tidak akan menggunakan ideologi, kita praktik, kita akan berniaga dengan sesiapa, kita tidak mahu libat dengan *cold war* dan oleh kerana kita pragmatik beberapa peruntukan telah dilonggarkan dan satu dua tahun kemudian banyak pelaburan luar negara masuk dan ekonomi kita dipelbagaikan

lagi seperti elektronik, *electrical*, *chemical*, [*masalah rakaman*] dan kita mengatasi masalah 1986 dan kita maju.

Dalam krisis 1986 ini yang memang begitu hebat, tidak pernah meminjam satu sen pun dari Bank Negara. Sungguhpun ada dalam *Central Bank Act* bila kerajaan mempunyai masalah dan memang tahun 1986 memang masalah begitu hebat. Kita memang dibolehkan untuk mendapat pinjaman dari Bank Negara, kita tidak pernah meminjam satu bank pun sebab kita ada disiplin dan kita maju sekarang antara faktor lain ialah disiplin.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi keadaan yang boleh menjadikan negara kita sebagai sebuah *fail state* ialah krisis tahun 1997. Krisis ini datang dari pola dan dalam bentuk yang begitu aneh sekali sebab bagi 10 tahun sebelum 1997 dari tahun 1986 sehingga 1996, negara kita begitu stabil sehingga kadar pertumbuhan adalah *double digit* iaitu 10%, inflasi kurang dari 2%. Kadar *unemployment* tidak ada langsung. Kadar ringgit begitu stabil RM2.5 bagi setiap USD begitu stabil.

Tiada masalah langsung, keadaan politik stabil. Tiba-tiba kita dilanda oleh krisis tahun 1997. Kalau tidak diatasi dengan baik mungkin pada masa itu kita akan menjadi *fail state*. Kita dilanda oleh krisis ini atas alasan kita adalah jiran kepada Thailand, kita adalah jiran kepada Indonesia, kita adalah jiran kepada Korea. Negara Thailand, Korea, Indonesia adalah mempunyai sedikit masalah ekonomi dan pelabur-pelabur hilang keyakinan kepada negara-negara kita.

Sungguh pun kita kukuh sebab kita dianggap jiran, mereka beri suatu ungkapan baru *cotangent* sebab itu kita dilanda krisis melalui aktiviti-aktiviti *currency manipulate and speculate* dia jual saham dan jual ringgit, bukan ringgit dia ada pun, dia pinjam ringgit lepas itu jual ringgit. Pada masa itu kita ada tiga pilihan. Satu kita tidak buat apa-apa dan kalau kita tidak buat apa-apa dan lebih teruk lagi kita buat polisi yang salah, kita memang jadi *fail state*.

Kedua, kita minta tolong, kita minta sedekat dari IMF, kerajaan-kerajaan barat dari IMF Bank, dari *World Bank* dengan secara langsung atau secara tidak langsung menjual maruah kita, menjual daulat kita dan kita mengorbankan Dasar Ekonomi Baru yang [*masalah rakaman*] baik dan [*masalah rakaman*] kita dapat pertolongan dan melalui pertolongan dana, yang dana itu akan datang dengan syarat-syarat khas. Kita kena ikut nasihat IMF dan kawan-kawan IMF. Mungkin kita juga boleh keluar dari kemelut [*masalah rakaman*].

Alternatif ketiga ialah untuk kita membina, mengujud, membentuk satu program, satu dasar secara tersendiri berasaskan kepada kekuatan negara dan kebijaksanaan kita yang tidak pernah dibuat oleh negara lain. Atas kebijaksanaan kepimpinan negara dan atas keberanian, dan yang penting sekali keyakinan kepimpinan negara kita pada masa itu. Sebab kita yakin atas diri sendiri pada masa seluruh dunia tidak yakin kepada kita. Itu yang susah, bila dunia yakin kepada kita senang untuk kita mempunyai keyakinan diri.

Tetapi bila orang lain yang orang hebat-hebat dengan PhD dengan begitu banyak pengalaman tidak langsung tidak ada keyakinan kepada kita susah kita untuk [*masalah rakaman*]

tetapi kita telah menunjukkan kepada negara-negara asing, kepada dunia bahawa kita mempunyai keyakinan atas diri sendiri. Kita juga membuat satu pelan, lepas itu kita ambil satu tindakan yang dianggap oleh orang luar sebagai *unorthodox* perkataan ini disebutkan dalam konteks hendak puji kita, dalam konteks negatif *unorthodox* tak pernah dibuat dan kalau dibuat kita akan berjaya.

Kita buat kita melaksanakan cadangan-cadangan yang dianggap pada masa itu sebagai cadangan yang tidak bijak. Kita mengurangkan kadar [*masalah rakaman*] inflasi, mengurangkan kadar hutang, kadar faedah. IMF suruh kita naikkan kadar faedah. IMF kata satu kesalahan besar ialah banyak sangat *liquidity* dalam sistem perbankan, sistem kewangan harus meningkat kadar faedah untuk kurangkan *liquidity*. Tetapi kita kurangkan kadar faedah untuk membolehkan *business* kita, menjalankan *business* dan mengurangkan kos *business* dan juga kita menetapkan kadar tukaran wang asing. [*masalah rakaman*]

Kita tidak membenarkan pihak luar [*masalah rakaman*] meminjam ringgit dan menjual ringgit. Pada masa itu Tuan Yang di-Pertua, sungguh pun ada orang sebut bahawa kita telah di [*masalah rakaman*] *exchange control* dengan *capital control*, kita tidak pernah dalam 50 tahun ini membebaskan mana-mana pihak dari segi eksport dan import. Kalau orang hendak eksport, bebas eksport tak payah isi macam-macam borang, minta kelulusan kerajaan. Hendak import tak ada masalah dan hendak keluar negeri tak ada masalah dan kalau hendak labur di luar negeri tak ada masalah. Yang hanya kita buat ialah kita melarang sehingga hari ini kita melarang spekulator untuk meminjam ringgit untuk menjual ringgit, kalau dia hendak melabur, melabur tetapi jangan pinjam ringgit untuk jual.

Ini dianggap sebagai satu faktor, satu isu *unorthodox*. Tetapi kita berjaya. Kita berjaya mengatasi masalah dan memakmurkan negara tanpa bantuan IMF dan dengan mengambil tindakan berani. Kemudian IMF, *World Bank* dan pihak-pihak luar semua mengaku bahawa tindakan yang kita ambil itu adalah tindakan yang baik, bijaksana, patut diambil dan tindakan IMF itu adalah tindakan yang salah. Sekarang mereka mengakui.

Dalam krisis yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada negara lain kecuali Malaysia, hanya Malaysia sebuah negara yang dapat mengeluarkan diri daripada krisis kemelut yang begitu teruk tanpa bantuan orang lain. Hanya Malaysia. Perkara ini harus memberi kita kekuatan dan keyakinan untuk melangkah ke hadapan. Terima kasih. Saya harap dengan penjelasan ini, ia dapat menjawab isu yang dibangkitkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan. Terima kasih atas penerangan Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi berhubung dengan cara tersendiri Malaysia mengatasi masalah kegawatan ekonomi. Cuma satu pertanyaan saya Tuan Yang di-Pertua, tidakkah peleraian ikatan Ringgit Malaysia yang akhir ini menunjukkan bahawa langkah yang kita ambil walaupun berjaya, ia merupakan satu langkah sementara sahaja yang

barangkali secara kebetulan boleh berjaya tetapi tidak semestinya selalu berjaya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi sedikit penerangan tentang isu kadar pertukaran wang asing. Ada dua cara kadar sesebuah negara ditentukan. Satu ialah secara kadar itu ditetapkan oleh kerajaan dan satu lagi ialah keadaan itu diapung, apa yang disebut dengan izin, *floating rate regime*. Sebelum tahun 1971, kadar di merata dunia ialah kadar yang ditetapkan oleh kerajaan atas beberapa faktor. Sistem ini disebut selalu sebagai *Bretton Woods System* sehingga tahun 1971. Sistem itu juga berasaskan kepada emas. *[Masalah rakaman]*.

Pada tahun 1971, Amerika keluar daripada sistem *Bretton Woods* ini sebab *Dollar America* begitu lemah pada masa itu dan kemungkinan besar Amerika tidak mempunyai emas untuk ditukar, kalau orang datang hendak tukar *Dollar America* dengan emas, Amerika pada masa itu khuatir tidak cukup emas. Begitu lemah Amerika pada masa itu.

Jadi, Amerika keluar dari sistem yang tetap itu, *system fix rate* itu menjadikan *Dollar America* sebagai sebuah sistem *floating* (diapungkan). Pada tahun 1971, negara pertama yang juga mengapungkan ringgit adalah negara Malaysia. Kita beralih dari sistem *fix rate* kepada *system floating rate*. Bukan sebab Amerika buat, bukan sebab ideologi tetapi sebab faktor-faktor praktik atau *pragmatical*, sebab kita nampak bahawa *floating rate system* ini adalah satu sistem yang lebih baik dari banyak segi berbanding dengan satu sistem yang ditetapkan oleh kerajaan.

Dari tahun 1971 hingga tahun 1998, kita melaksanakan *system floating rate* dan kita tidak ada masalah apa-apa. Sungguhpun sistem itu *floating* seperti berubah-ubah tetapi stabil lebih kurang RM2.50 bagi setiap *US Dollar*. Ini kerana negara kita stabil tetapi pada tahun 1998 apabila kita dilanda krisis dan kita nampak ada orang memanipulasi kadar kita dan pinjam ringgit untuk jual ringgit, kita berpendapat dan sekarang terbukti langkah kita adalah langkah yang baik dan harus dilaksanakan.

Kita berpendapat bahawa kita harus melaksanakan satu kadar tetap bagi satu waktu yang sesingkat mungkin supaya kita dapat memulihkan ekonomi dan selepas ekonomi pulih kita... *[Masalah Rakaman]* Pada masa itu, kita terpaksa membuat satu keputusan kadar mana yang dipilih. Ada juga pendapat pada masa itu bahawa sebab kita sebelum krisis adalah... *[Masalah Rakaman]* ...kita harus tetapkan kadar minimum. Ada juga pendapat bahawa sebab dalam keadaan krisis itu Ringgit Malaysia pernah sampai ke 4.8. Kita patut tetapkan 4.8 tetapi kebanyakan pendapat pada masa itu dari analisis yang kita buat, kita nampak lebih kurang 3.5, 3.6 adalah kadar yang sesuai tetapi kita tetapkan kadar itu pada kadar 3.8 atas dua sebab.

Ini pertama kali kita kebetulan... *[Masalah rakaman]* ...tentang isu ini. Pada 2 September, semasa kita hendak tetapkan kadar... *[Masalah rakaman]* ...kadar yang diniagakan dalam pasaran pada pagi itu ialah 3.8, kebetulan pada pagi itu. Kita fikir kalau pilih 3... *[Masalah rakaman]* ...adalah lebih baik kita pilih 3.8. Ada dua sebab, satu sebab itulah kadar pada pagi itu,

4 September 1998. Satu lagi, adalah lebih baik kita pilih satu kadar yang kurang dan lebih lemah berbanding dengan satu kadar yang lain. Sebab kalau kita pilih satu kadar yang kurang daripada kadar lain iaitu kita pilih 3.8 dan bukan 3.5 ataupun 3.6, kita akan dapat lebih banyak permodalan yang datang dari luar negara.

Ini sebab bila orang luar tengok kadar kita, dia akan fikir, kadar Malaysia sekarang 3.6, patut kadar itu 3.5, 3.8 itu pada satu hari nanti akan jadi 3.5. Jadi dia masukkan dia punya modal. Oleh sebab orang masukkan modal dalam negara yang kadar pertukaran negara itu... *[Masalah rakaman]* ...dijangka akan naik. Jadi, kalau dia masuk 3.8 kemudian jadi 3.5, dia untung. Itu sebab banyak orang berpendapat 3.8 adalah satu kadar yang lebih lemah daripada kadar yang patut banyak dana masuk.

Dana yang ada dalam negara tidak keluar sebab kalau ia hendak keluar, ia keluar kemudian, 3.5. Dia tahu akan menjadi 3.5. Jadi, atas sebab-sebab itulah kita pilih 3.8. Terbukti sekarang bahawa itu adalah satu kadar yang sesuai, lebih baik dan patut dipilih sebab selepas Julai 2005, apabila Ringgit Malaysia diapungkan semula, Ringgit Malaysia nampaknya semakin lama semakin kukuh sampai hari ini 3.80. Ada dua pendapat sekarang, satu menyatakan bahawa Ringgit Malaysia tidak harus dibenarkan untuk... *[Masalah rakaman]* ...dan satu lagi supaya tidak bimbang sangat.

Dalam ekonomi yang sekarang dan dalam keadaan ekonomi kita yang begitu kukuh, fundamentalnya begitu baik iaitu kadar ringgit pada RM3.40 tidak ada masalah, sebab yang selalu bimbang itu pengeksporth (*exporter*). Kalau dulu dia jual 1 Dollar dia dapat RM3.80, sekarang dia dapat RM3.40 iaitu dapat kurang sedikit, tetapi bagi Malaysia ini tidaklah menjadi masalah sangat sebab pada masa yang sama harga getah naik, harga *palm oil* naik dan juga banyak industri bergantung juga kepada import. Tiap-tiap elektronik dan *electrical item* yang kita eksport, 85% daripada *content* iaitu import. Jadi kita tidaklah rugi sangat kalau ringgit turun sedikit tetapi dari segi inflasi bagus sebab harga barang import kita kurang, harga ubat mungkin kurang dan dalam kadar ekonomi sekarang dan juga syarikat-syarikat eksport kita sejak dulu tidak bergantung pada kadar pertukaran wang untuk jadi kompetitif sebab syarikat-syarikat kita kuat dan kukuh. Sungguhpun kadar pertukaran wang naik sedikit, mereka tidak akan mengalami sebarang masalah rumit.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang menghuraikan dengan begitu terperinci kedudukan ekonomi dan juga kecemerlangan Malaysia untuk keluar daripada kotak pemikiran yang keluar daripada kotak.

Masalahnya sekarang apabila kita mengadakan *selective exchange control* yang kita lakukan dan sudah mendapat pujian daripada seluruh dunia, namun manusia yang tinggal sebagai rakyat Malaysia itu sendiri, sesetengah daripada mereka, hanya merasakan yakin apabila *economists* seperti Paul Krugman dan juga *the World Bank* dan juga IMF menyatakan

bahawa tindakan begitu adalah tindakan yang baik. Kini masih juga ada mereka yang mengatakan bahawa segala petunjuk ekonomi yang sudah pun ketara iaitu pertumbuhan yang tinggi - 6%, inflasi yang rendah, defisit yang rendah dan lain-lain itu tidak diterima mereka sebagai indikasi ataupun petunjuk-petunjuk yang hakiki. Mereka mengatakan bahawa segala-gala ini adalah rekaan untuk menunjukkan bahawa ekonomi kita memang baik dan menyeluruh tetapi sebenarnya tidak terasa di bawah.

Adakah pada pandangan Yang Berhormat kita perlu mempunyai kawan-kawan yang 'bermata biru' dan 'bermata hijau' untuk menyatakan semula lagi bahawa sebenarnya kedudukan ekonomi di Malaysia ini adalah kukuh, berjaya dan sememangnya tindakan kita untuk melepaskan *selective exchange control* kita itu adalah satu tindakan yang bersesuaian pada ketika ini. Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop:** Terima kasih di atas soalan tadi. Seperti yang saya sebutkan tadi, faktor yang penting sekali bagi seseorang dan apatah lagi sesebuah negara ialah keyakinan diri. Biar orang kata apa yang mereka hendak kata sebab kadang-kadang yang mereka cakapkan itu bukan atas dasar kebenaran tetapi atas dasar agenda. Memang ada *economists* di merata tempat yang tidak mahu negara-negara kita, apatah lagi negara-negara Islam maju, sebab mereka menganggap ini sebagai satu cabaran (*challenge*), sebab bila negara kita maju, kita tidak akan bergantung pada mereka dari segi nasihat pembelian barang-barang, polisi dan lain-lain. Jadi banyak ungkapan dan pendapat mereka bias. Itu satu.

Jadi, kita harus laksanakan polisi yang kita dapati adalah baik tanpa memikirkan sangat tentang apa yang mereka sebut. Memang kita layak untuk berbuat demikian sebab kita telah membuktikan kepada orang luar dan juga kepada diri kita bahawa dalam tempoh 50 tahun kita telah berjaya dengan cara kita sendiri. Sebab di negara lain mana ada PNB, konsep PNB tidak wujud. Sekarang pun mereka tidak bersetuju sebab kita melaksanakan satu skim Amanah Saham Nasional. Mana ada di merata dunia? Mana ada di Amerika? Mana ada di negara Arab? Memang tidak ada sebab kita melaksanakan satu skim yang unik yang sampai sekarang tidak dilaksanakan di tempat lain. Mereka masih tidak bersetuju dia kata ini satu *affirmative action* yang mereka tidak setuju. Tidak mengapa mereka tidak bersetuju tetapi rakyat bersetuju. Kita bersetuju. Kita fikir ini adalah satu perkara yang baik.

Pada masa yang sama kita juga mempunyai fikiran yang terbuka dan kita juga *engaged* sebab di antara mereka yang 'bermata biru' dan 'bermata hijau' termasuk yang dari Uzbekistan dan Khazakstan, .... kita ada juga kawan-kawan. Bukan semuanya jahat dan bukan semua yang bias. Kita tahu ada orang putih yang baik dan ada orang putih yang secara ikhlas. Kita nampak sekarang, misal dibuat satu perbandingan faktor-faktor dari segi ekonomi, *side income*, inflasi, *reserve* Bank Negara RM90 bilion – suatu jumlah yang begitu banyak, USD92 bilion. Lapan bulan import tertanggung dan 111 bulan berturut-turut *surplus* dalam *trade account*; dan kadar inflasi sudah turun kepada 1.5% sahaja pada bulan Mac. Tabungan negara kita (*saving*) ialah

38%. Malaysia kita ini dari RM100 kita simpan (*saving*)...[*Gangguan rakaman*] RM38. Di Amerika hampir tidak ada langsung. Semasa di Amerika, *saving* dia hampir kosong atau negatif.

Baru-baru ini saya baca statistiknya yang terakhir ialah 1%. Dari USD100 *save* satu ringgit, kita *save* RM30. Ini ialah satu kekuatan. Kita tidak joli, tidak boros dan bukan tidak disiplin tetapi negara yang berdisiplin. *Stock market* seperti yang disebut oleh ... [*Gangguan rakaman*] tadi 1 trilion. Pada tahun 2001, sebanyak RM485 bilion, sekarang sampai enam tahun 1 trilion dan makin kukuh.

Jadi kita berpendapat bahawa *rating* yang diberi oleh syarikat *rating*, S&P (Standard & Poor's), Moody's, Fitch, mereka bagi kita *rating A minus*. Dulu semasa krisis BBB. BBB ini dianggap sebagai yang paling rendah untuk *investment rate*. Di bawah BBB ini dianggap sebagai *junk*. Tetapi kita tidak pernah jadi *junk*. Sekarang dinaikkan satu gred, E *minus*. Tetapi kita semak dengan negara-negara lain yang mendapat *rating* yang lebih tinggi, Slovenia misalnya. Kita tidak pernah mendengar Slovenia pun sebab negaranya begitu kecil diberi *rating A plus*. Jadi dari A, A minus kita lepas itu A *plus*. Dia dapat dua *notch* lebih tinggi daripada kita. Slovenia, Israel dan negara-negara lain yang begitu banyak masalah diberi *rating* yang lebih tinggi daripada kita.

Kita sekarang sedang berbincang dengan S&P dan juga Moody's untuk memberitahu mereka, *engage* mereka bahawa negara kita patut dapat A *plus*, sama dengan negara-negara lain yang ekonomi mereka sehebat negara kita. Jadi untuk menjawab soalan Yang Berhormat secara ringkas, ya, kita mesti ada keyakinan diri dan tidak begitu risau tentang pendapat orang tidak sokong kita. Jadi, pada masa yang sama, kita juga harus *engage* dan kita berbuat demikian.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** [*Bangun*].

**Tuan Ismail bin Kasim:** Lualan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada tiga pilihan yang Yang Berhormat sebut tadi, kita memilih yang ketiga iaitu membina program-program dan juga dasar-dasar yang tersendiri. Saya hendak mengaitkan dengan rakan saya itu tadi iaitu bahawa apabila sekarang ini kita mengenakan dasar defisit. Sekarang ini 3.5 peratus kalau tidak salah saya. Ada yang mempertikaikan bahawa dia kata, "Kenapa? Sedangkan kita banyak duit. Kita boleh gunakan duit KWSP dan sebagainya." Jadi, masalah kita ialah cemuhan ini datangnya daripada dalam.

Seperkara lagi ialah, apakah kita mempunyai keyakinan bahawa masalah yang kita hadapi dan pengalaman yang kita lalui dalam krisis 1998 itu tidak akan berulang lagi dan jika sekiranya berlaku, apakah kita mempunyai kekuatan untuk berhadapan dengannya? Maksud saya ialah benar kah bahawa pencapaian kita ini lebih kerana faktor dalaman, bukan semata-mata bergantung pada suasana ekonomi luar sekarang ini?

**Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop]:** Isu defisit ini dianggap oleh negara-negara barat khususnya, penganalisis-penganalisis ekonomi khasnya sebagai satu isu ideologi. Bagi mereka, *surplus budget* bukan satu benda yang baik. Satu cara ideologi adalah baik, defisit bajet adalah satu perkara yang buruk yang harus dilakukan oleh ideologi mereka. Bagi kita sebagaimana saya sebut tadi, kita sebuah negara yang bukan berasaskan kepada ideologi. Kita senantiasa pragmatik dan bagi kita *wujud* ideologi di belakang keputusan *surplus budget* atau defisit bajet tidak wujud. Bagi kita ada masanya, *surplus budget* adalah yang niat baik, yang tepat untuk dilaksanakan dan ada masanya defisit adalah yang baik. Dalam keadaan susah, dalam keadaan *recession*, dalam keadaan krisis, dalam keadaan di mana sektor swasta tidak mempunyai keyakinan untuk mengambil tindakan untuk melabur, polisi yang terbaik sekali ialah defisit, sebab kerajaan kena belanja, kerajaan kena menunjukkan keyakinan, kerajaan kena memimpin sektor swasta, iaitu kerajaan kena melabur lebih dari apa yang harus kita melabur. Kita berbuat demikian dalam tahun 1998 dan 1999. Pada masa dalam keadaan ekonomi makmur, maju, kita harus mengurangkan defisit dan mungkin kalau boleh menjadikan defisit itu *surplus*. Bagi kita, pada tahun 1998 dan 1999, sebab kita terpaksa meningkatkan pelaburan kerajaan untuk meyakinkan pelabur-pelabur di sektor swasta, defisit kita telah meningkat sampai 5.7% pada tahun 2000.

Selepas itu ekonomi maju, ekonomi lebih kukuh dan kita selangkah demi selangkah telah mengurangkan defisit dari 5.7% kepada 3.5 pada tahun 2006 dan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, kita yakin defisit bajet kita tidak akan melebihi. Ada juga dua pendapat kita dalam isu ini. Ada yang kata, dalam keadaan ini kita harus berhijrah kepada surplus bajet. Ini kita anggap sebagai sebuah negara yang sedang maju dan memerlukan kadar pertumbuhan yang tinggi sebab kita memerlukan kadar pertumbuhan sekurang-kurangnya 6% untuk mencapai Wawasan 2020.

Kita juga harus memastikan kadar pertumbuhan yang tinggi sebab kita mempunyai Dasar Ekonomi Baru dan kita telah sebut beberapa kali dari sejak dahulu lagi ia bukan berasaskan kepada *philosophy* ambil dari Paul bagi pada Peter, ambil dari Ahmad bagi Ah Kow, atau ambil dari Ah Kow bagi Mohamad. Kita tidak menggunakan kaedah mekanisme itu. Falsafah kita ialah mengagihkan lebih kepada kaum miskin, melalui *spending cake*, melalui kadar pertumbuhan ekonomi, yang mana tidak ada kaum yang rugi dalam kaedah dan mekanisme ini.

Oleh yang demikian kita memerlukan kadar pertumbuhan ekonomi [*Masalah rakaman*] dan banyak pendapat dari kalangan *economists* di barat, yang mengatakan bahawa bagi sebuah negara yang sedang giat membangun seperti negara Malaysia, defisit lebih kurang 3.5% atau ke bawah tidak menjadi isu. Jadi, oleh yang demikian sungguhpun kita memang boleh hendak turunkan kepada 0% surplus defisit. Kita anggap sebagai satu perkara yang kita masih boleh laksanakan, defisit untuk bukan ekonomi tetapi kepada satu peringkat yang lebih tinggi dan 3.4% ini adalah tidak menghapuskan ekonomi.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Pohon laluan Yang Berhormat.

**Tuan Ismail Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri. Tan Sri di antara orang penting yang telah turut terlibat menyelamatkan beberapa kemelut ekonomi negara seperti yang telah berlaku dahulu. Jadi, saya ingin bertanya pandangan Tan Sri dengan peningkatan indeks komposit dan jugaimbangan dagangan yang melibatkan trilion yang telah kita capai sekarang ini. Adakah dengan kita mempunyai pengukuhan di dalam struktur asas seperti mana Yang Berhormat Dr. Puad bangkitkan tadi, dalam kita menghadapi kemelut, misalnya *recession* yang mungkin berlaku disebabkan oleh kejatuhan ekonomi negara-negara lain dan sebagainya?

**Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1998 pun, kita dapat mengatasi kemelut yang datang dari pola dan bentuk dari luar. Oleh sebab negara kita kukuh, *fundamentally sound* dan kini setelah 10 tahun kemelut itu berlalu, kita telah juga mempelajari banyak pengajaran dari krisis itu dan ekonomi kita kini sebenarnya lebih kukuh. Lebih kukuh dan saya tidak nampak keadaan di mana krisis seperti itu akan berulang. Kita lebih kukuh sebab keadaan perbankan kita *consolidate*, kita laksanakan dasar-dasar untuk mengukuhkan sistem perbankan kita sehinggakan *capital ratio* menjadi 13%, *hampir..* Minimum yang diperlukan hanya 8%. Ekonomi kita dipelbagaikan. Kita juga eksport.

Eksport kita juga, Tuan Yang di-Pertua, satu masa dahulu eksport kita banyak bergantung kepada Amerika. Tetapi kita sudah pelbagaikan eksport kita, kita tidak bergantung lagi eksport kita kepada Amerika dan eksport kita juga telah meningkat kepada pasaran yang dianggap sebagai pasaran bukan tradisional termasuk India, China, Hong Kong, negara-negara Selatan dan juga kita kini tidak bergantung kepada eksport semata-mata untuk memakmurkan negara.

Pada satu masa dahulu kita telah sering sebut bahawa dari segi jumlah perdagangan antarabangsa berbanding dengan GDP, KDNK, kita yang paling tinggi di dunia. Di Amerika, jumlah perdagangan antarabangsa berbanding dengan KDNK hanya 11% atau 12%. Di Jepun tidak sampai 20%. Hanya dua buah negara lagi yang lebih kurang macam keadaan kita di mana perdagangan antarabangsa berbanding KDNK lebih daripada 200%. Satu ialah negara Singapura tetapi ia statistik, satu lagi Hong Kong dan Hong Kong bukan negara.

Jadi kita negara yang ulung sekali yang mempunyai ekonomi yang begitu terbuka dan eksport import yang begitu besar berbanding dengan ekonomi, tetapi kita sedar bahawa ini bukan satu perkara yang... Memang eksport dan import penting tetapi kita juga harus mempelbagaikan ekonomi dan kini kita telah memastikan bahawa sektor yang terlibat dalam kadar pertumbuhan ekonomi, bukan sahaja eksport tetapi sektor dalam negeri seperti '*assumption*', seperti penanam modal oleh rakyat Malaysia dan juga faktor-faktor yang lain. So kita tidak begitu bergantung kepada luar negara.

Saya yakin juga, Tuan Yang di-Pertua, krisis seperti 1997 dan 1998 tidak akan berlaku sebab mereka sedar bahawa kita mempunyai kemampuan untuk mengatasi mereka dan kita juga mempunyai kebolehan untuk, dengan izin, *beat them in their own game*, sebab kita tahu apa yang mereka lakukan. Negara-negara lain tidak tahu tentang cara mereka beroperasi tetapi kita tahu. Mungkin yang penting sekali, mereka yang *manipulator* dan *speculator* hanya boleh *manipulate* sesebuah ekonomi yang antara lain bergantung kepada sumber dari luar.

Misalan di negara Thailand pada tahun 1997, mereka pinjam begitu banyak dalam tempoh yang singkat dari luar negeri untuk pelaburan dalam negara. Mungkin dia pinjam 3% dan dia labur di hartanah dalam negara dapat untung 12%. Memang baik dari pandangan mereka. Tetapi bila jadi krisis, kadar pertukaran berubah. Jadi sungguhpun kita dapat pinjaman 3% dan bila kita masuk balik, kita kira balik kadar pertukaran yang telah dibuat, mungkin kita rugi. Itu satu.

Yang kedua, kadar pinjaman akan naik semasa krisis. Yang ketiga, yang dahsyat sekali, sebab pinjaman itu hanya bagi satu tahun dan datang tarikh tempoh untuk melanjutkan pinjaman, mereka tidak bagi. Tetapi pelaburan kita di dalam negeri untuk satu tempoh 25 tahun, kita pinjam tiap-tiap tahun dan bila datang hari matang untuk menyambung, mereka tidak bagi. Itu jadi masalah.

Tetapi kita sejak dulu tidak pinjam dari luar negara. Kita pinjam sedikit sahaja. Itu pun pinjam secara untuk menunjukkan bahawa kita ada dalam arena global, kita hendak jual nama Malaysia, kita beri sedikit. Dari jumlah pinjaman kita dari luar negara begitu sedikit sekali dan sedikit yang kita pinjam itu pun kita bayar balik sebelum tempoh. Mungkin kita pinjam dalam tempoh tujuh tahun, selepas dua, tiga tahun, kita bayar balik. Orang hairan, terperanjat sebab negara lain kadang-kadang tidak bayar balik langsung, kadang-kadang minta tempohkan masa, tetapi kita bayar balik dalam tempoh yang lebih singkat.

Ini sebab kita tidak bergantung kepada negara-negara lain dan keadaan ekonomi kita begitu kukuh, lebih kukuh berbanding dengan Singapura. Itu sebab sistem perbankan memang sudah elok, keadaan korporat sudah elok dan kita sudah melaksanakan dan mewujudkan beberapa sistem di Bank Negara dan juga di Securities Commission (SC) untuk memastikan bahawa kekuatan kita kekal dan kita telah mewujudkan dana harta dahulu, dana modal dan kita telah mengambil begitu banyak langkah, melaksanakan begitu banyak dasar untuk mengelakkan berulang krisis 1997 dan 1998.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat Tan Sri, minta laluan.

**Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop:** Ya.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Tan Sri, apakah benar reaksi rakyat hari ini bahawa pajakan ekonomi, saham yang begitu tinggi hanya menguntungkan dan dirasai oleh rakyat yang kelas atasan, tetapi rakyat yang pertengahan dan di bawah belum lagi merasai kerancakan ekonomi dan dengan inflasi atau

dengan kenaikan harga barang ini membebankan rakyat di pertengahan dan di bawah. Apakah pandangan Yang Berhormat dan bagaimana kerajaan mengatasi masalah ini? Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, keadaan *stock market* besar melebihi RM1 trilion adalah satu perkara yang baik sebab keadaan ekonomi banyak juga bergantung kepada kekayaan yang diwujudkan *stock market*. Kekayaan yang diwujudkan oleh *stock market* akan mempengaruhi perbelanjaan, mungkin perbelanjaan orang-orang kaya, tetapi akan mempengaruhi perbelanjaan negara. Satu lagi ialah faktor yang disebut, dengan izin, *well defect*, sebab banyak, bukan sahaja orang kaya tetapi juga *middle class* yang ada saham dan juga saham-saham ASN, ASB juga naik dan dividen yang akan diberi adalah lebih sebab kita fikir, kita rasa kita lebih kaya, lebih mampu, kita akan belanja lebih seperti yang disebut oleh ekonomi sebagai *well defect*.

Tetapi bagi kerajaan, *stock market* adalah satu antara banyak perkara, banyak isu yang diambil berat oleh kerajaan. Saya setuju 100% bahawa yang penting bukan sahaja *stock market* yang di mana pelabur-pelaburnya memang yang mampu dan *at middle class* dan juga *middle income* dan juga orang miskin. Dari segi kemiskinan, kita telah menurunkan kemiskinan daripada 50% kepada 5.7% dan kemiskinan tegar 1.2%. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan dengan begitu tegas sekali bahawa yang paling lambat, tahun 2010, kemiskinan tegar akan dihapuskan. Tidak akan ada kemiskinan tegar di Malaysia. Dalam *budget* kita pun, kita akan memberi fokus kepada isu kemiskinan tegar.

Isu kemiskinan juga 5.7% akan kita kurangkan dengan begitu banyak aktiviti yang kita buat bagi *book free*, bagi tuisyen, bagi *scholarship*, bukan sahaja *scholarship* untuk universiti, *scholarship* untuk sekolah rendah dan juga yang miskin ...[Masalah rakaman] ...pelbagai langkah telah diambil. Kita juga akan terus kekal memberi fokus kepada masyarakat yang menerima gaji. Memang seperti yang disebut oleh Yang Berhormat, harga mungkin naik, harga petroleum naik, harga makanan naik, harga gaji juga naik tetapi tidak naik untuk *offset* harga yang lain. Kita akan mengambil tindakan untuk memastikan supaya golongan ini tidak terjejas.

Tetapi ada satu lagi golongan yang alhamdulillah nampak dalam keadaan yang baik ialah golongan mereka yang *small holder* yang melibatkan diri dalam sektor getah dan sektor kelapa sawit.

Ada yang dapat pendapatan melebihi RM4000 sebulan. Alhamdulillahlah, sebab harga kelapa sawit, harga getah makin naik, itu satu golongan yang baik. Tetapi golongan yang makan gaji, kita akan memberi fokus dan kita memang setuju 100% perkara ini harus diberi fokus dan keutamaan. Bagi golongan ini Tuan Yang di-Pertua, golongan yang makan gaji ini yang penting untuk mereka iaitu:

- (i) rumah, mereka harus diberi peluang untuk membeli rumah dengan harga yang berpatutan,

- (ii) pengangkutan, kita harus memastikan bahawa kadar pengangkutan tidak membebankan, cara dan sistem pengangkutan ialah selesa, mudah. Kita tahu ada yang bangun subuh, selepas subuh kena naik bas untuk sampai ke *office*, kita memang ikhlas ingin mengatasi semua masalah ini. Ini adalah penting untuk yang makan gaji, yang *wage-earner*,
- (iii) pendidikan – mereka harus diberikan satu peluang, tidak kira kaum, kaum Melayu, Cina, India, Orang Asli, Iban. Mereka harus diberi peluang supaya anak-anak mereka yang belajar yang dapat masuk universiti diberi peluang untuk dapat menimba ilmu dengan mudah dan pembiayaan tidak menjadi satu halangan kepada anak kita.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tan Sri kerana hadir pada hari ini. Saya ingin memfokuskan persoalan berlanjutan daripada [*masalah rakaman*] isu kemiskinan. Saya rasa sudah 50 tahun merdeka, isu kemiskinan Orang Asli begitu kritikal sehingga hari ini. Jadi saya berharap dan saya merayu dan memohon juga peruntukan yang besar, kalau boleh tahun 2008 ini Orang Asli memiliki rumah. Ini kerana saya difahamkan hampir daripada 30 ribu keluarga, lapan ribu Orang Asli hingga 10 ribu tidak memiliki rumah. Jadi saya merayu kepada Yang Berhormat Tan Sri supaya perkara ini dalam perhatian dan tindakan Tan Sri, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekali gus, Dato' Omar bin Faudzar.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Terima kasih Yang Berhormat. Berbalik kepada isu indeks komposit tadi Yang Berhormat, saya masih ingat pada tahun 1997, apabila indeks komposit melonjak begitu tinggi, dan ramai yang begitu ghairah bermain saham. Tetapi apabila pelabur-pelabur luar ini lari keluar, banyak syarikat-syarikat yang hampir bankrap, mufliis sebab saham sudah naik begitu tinggi, dia *plash* kepada bank dengan harga yang begitu tinggi dan jatuh merudum dan saham-saham mereka dijual dengan cara paksaan. Sekarang juga kalau kita tengok Yang Berhormat, dalam peraturan dalam *security commission*, kita cuma membenarkan pelabur asing melabur lebih kurang 5% dalam saham-saham dalam bursa saham.

Walau bagaimanapun, ada yang menggunakan proksi-proksi melabur dalam saham-saham yang ada dalam bursa saham seperti kita tengok sekarang ini Telekom - TM sendiri sudah hampir 30% dipegang oleh pelabur asing. Tenaga Nasional dipegang oleh pelabur asing. Begitu juga Air Asia, hampir 40% dipegang oleh pelabur asing. Jadi saya takut Yang Berhormat, mungkin apa Yang Berhormat kata kita tidak payah risau, sebab dia orang ini *long term investors*, tetapi *how long is long* kita tidak tahu. Jadi mungkin satu hari - sebab dia orang ini kita tahu, dia

tidak akan tunggu lama *especially* kalau pelabur-pelabur dari Singapura kita tahu, apabila harga itu sudah *matured* sudah sampai ke satu tahap yang begitu tinggi, dia jual dia lari.

Apabila dia jual dan lari, ataupun dia tidak jual, dan kita takut ada dua fakta di sini, satu pelabur asing pegang saham itu melebihi daripada syarat *security commission* melalui proksi. Kedua, dia jual saham itu apabila *matured* dan saham kita akan jatuh balik seperti mana yang kita hadapi pada tahun 1997. Jadi macam mana kita hendak selesai masalah dengan Yang Berhormat?

**Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed Yackop:** Tuan Yang di-Pertua, syarat 5% yang disebutkan oleh Yang Berhormat hanya syarat untuk mereka yang membeli saham melaporkan kepada umum. Jadi kalau pihak "A" di luar negara dia beli saham syarikat, sampai 4%, dia tidak perlu membuat pengumuman. Kalau dia beli saham 5.1% melebihi 5% dia boleh beli tidak ada halangan untuk saham, tetapi kena bagi tahu dengan syarikat bahawa [*masalah rakaman*] tetapi 5% ini bukan satu halangan untuk beli saham, hanya untuk syarat untuk [*masalah rakaman*] memerlukan pihak yang membeli itu satu.

Kedua, apabila dia beli saham-saham memang dalam GLC saham-saham strategik dipegang oleh (a) Khazanah atau (b) PNB. Jadi, kemungkinan mereka beli saham strategik untuk menguasai syarikat tidak wujud sebab kita tidak akan jual. Yang dijual beli itu saham-saham di luar pegangan strategik, Khazanah dengan PNB. Jadi, kemungkinan mereka menguasai syarikat kita tidak wujud.

Ketiga, dari pengalaman kita dari tahun sudah yang disebut oleh [*masalah rakaman*] dan [*masalah rakaman*] harga [*masalah rakaman*] Ada dua isu Yang Berhormat, satu - isu tersebut sudah harga naik, pemegang saham syarikat pergi buat *pledging* [*masalah rakaman*] *business*, itu tidak begitu bijaksana langkah itu sebab kalau kita gunakan saham untuk mendapat pinjaman, untuk buat *business* dan apabila harga jatuh ada 'cash-cow', mati kita.

Dalam keadaan-keadaan seperti sekarang ini, apabila harga melonjak naik, taktik atau strategik yang paling baik ialah jangan buat pinjaman. Kita ada saham dan harga saham naik. Kita harus jual saham *extra* pada harga yang lebih tinggi, jual. Ambil duit bayar balik pinjaman. Jadi apabila harga jatuh, tidak ada pinjaman, tidak ada apa, tidak ada isu. Strategik jangan buat pinjaman, jual saham *extra*, dapat duit bayar balik pinjaman biar kita beres pinjaman, itu sahaja.

Keempat, berasaskan kepada pengalaman kita pada tahun 1997, 1998 saya sendiri telah membuat satu cadangan, kita mesti ada satu mekanisme untuk beli saham yang dijual oleh orang luar. Orang luar tiba-tiba ingin jual saham, atau [*masalah rakaman*] ekonomi jual, mesti kita ada satu mekanisme untuk '*accompaniment*' dan alhamdulillah kerajaan telah setuju dengan saya dan sejak tahun 2002 kita telah mewujudkan *value gap*, itulah tujuan *value gap*. *Value gap* telah diwujudkan untuk memastikan bahawa kalau ada orang luar jual kita beli. Alhamdulillah kita sejak Oktober 2002, kita sudah rugi langsung, apabila kita beli semasa orang lain jual, kita untung lebih RM2 bilion RM3 bilion sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, nampaknya Yang Berhormat perlu sambung tunggu Dewan Negara lagi sehingga [*masalah rakaman*] sambung lepas pukul 2.30 dan saya mohon [*masalah rakaman*] daripada Yang Berhormat mengenai kemiskinan Orang Asli yang dibangkitkan [*masalah rakaman*]

**Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yackop-:** Tuan Yang di-Pertua, saya janji bahawa perkara ini memang akan diberi fokus dalam Bajet 2008, saya beri janji. Satu isu yang begitu penting untuk [*masalah rakaman*] [*Tepuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat akan ditangguhkan sekarang, Dewan akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

**Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang**

**Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.**

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ada menerima satu usul daripada pihak kerajaan. Silakan Yang Berhormat.

## USUL

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**2.32 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) saya mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam ini dan selepas itu Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari esok 16 Mei 2007”.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato' Dr. S. Vijayarantnam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah Usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua untuk menyambung ucapan.

**Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada sedikit lagi untuk menggulung. Satu isu yang dibangkitkan juga di Dewan yang mulia ini ialah tentang *digital divide* dengan izin, di antara penduduk bandar dan penduduk kawasan luar bandar. Satu perkara penting yang kita sedar dalam 50 tahun yang lalu, pada tahun 50an dan juga 60an, kebanyakan penduduk terdiri dari penduduk luar bandar. Mungkin *ratio* pada masa itu ialah 20:80 iaitu 20% di bandar dan 80% di luar bandar. Pada masa itu juga, kebanyakan penduduk bandar adalah bukan Melayu dan kebanyakan penduduk luar bandar adalah Melayu.

Hari ini Tuan Yang di-Pertua, keadaan sudah berbeza. 60% penduduk Malaysia sekarang adalah penduduk di bandar. Mungkin lebih banyak Melayu sekarang ini duduk di bandar dan semi bandar (separuh bandar) berbanding dengan penduduk di luar bandar. Ini adalah satu pencapaian yang begitu bermakna bagi kerajaan. Sebab kerajaan telah mencapai matlamat atau objektif ini dengan beberapa cara iaitu yang pertama, melalui membolehkan... *[Masalah rakaman]* ...berhijrah ke bandar seperti petani, nelayan... *[Masalah rakaman]* ...masuk ke universiti. Saya juga telah sebut tadi bahawa kita berjaya mengurangkan kadar kemiskinan dari 50% kepada 5%. Satu cara yang paling bermakna dan paling berkesan ialah melalui kolej-kolej seperti MRSM.

Ramai anak-anak kita telah masuk ke MRSM, duduk di asrama dan lepas itu dapat memasuki universiti-universiti tempatan dan juga universiti-universiti di luar negara. Bukan universiti-universiti biasa tetapi universiti-universiti yang terkenal dan masyhur seperti Harvard, Cambridge dan Oxford. Apabila mereka balik, mereka bertugas di bandar dan mereka juga dapat membantu keluarga di luar bandar atau di kampung. Dengan cara ini, kebanyakan dari kita telah mula keluar dari apa yang dianggap sebagai *poverty trap*. Tidak ada negara lain Tuan Yang di-Pertua, di mana dalam jangka masa yang begitu pendek mungkin dua generasi, begitu banyak penduduk atau rakyat keluar dari kancah kemiskinan untuk menjadi *middle class*.

Ada juga anak petani menjadi jutawan. *Middle class, upper middle class* dan jutawan. Tidak ada di negara lain. Di kebanyakan negara lain termasuk Amerika yang telah masuk ke dalam kancah kemiskinan, tak dapat keluar. *Poverty trap, vicious cycle* tapi di Malaysia hanya dalam satu setengah, dua generasi begitu banyak telah keluar dari kancah kemiskinan untuk menjadi *middle class*. Anak-anak mereka juga jadi profesional dan secara tidak langsung ini bermakna bahawa kebanyakan penduduk sekarang duduk di bandar. Itu satu.

Yang kedua, kerajaan juga telah membawa kemajuan kepada luar bandar dan banyak tempat yang dianggap sebagai kampung luar bandar dahulu kini menjadi separuh bandar atau bandar. Sungguhpun 60% penduduk duduk di bandar dan hanya 40% duduk di luar bandar, objektif kerajaan ialah untuk memastikan bahawa penduduk di luar bandar juga menikmati kemudahan-kemudahan yang didapati di bandar seperti api, air dan jalan. Ini telah ditekankan di semua bajet, di semua Rancangan Malaysia sejak... *[Masalah rakaman]*. Bagi saya, yang lebih penting dan yang sudah pun dilaksanakan sedikit... *[Masalah rakaman]* ...supaya semua

penduduk dapat kemudahan... [Masalah rakaman] ...ialah apa dianggap sebagai... [Masalah rakaman] ...dan dalam era moden dan pasca moden ini, faktor penting yang akan memisahkan mereka yang akan berjaya dengan mereka yang akan gagal iaitu dari *winner*s dan *loser*s ialah ilmu pengetahuan. Ilmu ICT begitu penting sekali dan atas kesedaran inilah kerajaan telah membuat satu dasar untuk memastikan bahawa semua penduduk... [Masalah rakaman] ...di kawasan luar bandar diberi kemudahan komputer dan diberi kemudahan ICT.

Proses ini akan di perhebatkan lagi dalam bajet yang akan dibentangkan pada bulan September. Ini adalah satu isu yang penting kita akan melanjutkan, polisi memang ada tetapi untuk memperhebatkan lagi perkara ini. Dalam aspek ini juga adalah penting bahawa kita semua termasuk kita di luar bandar mengenai prioriti kepada bidang ICT sebab kita tahu bahawa ada di kalangan kita yang memberi prioriti kepada aspek-aspek lain berbanding dengan pembelian komputer kepada anak-anak, memastikan anak-anak dapat tuisyen dalam bidang komputer, dalam ICT. Ini adalah satu perkara yang penting dan lebih penting dari membeli kereta kedua atau televisyen kedua atau tukar langsir.

Ini adalah prioriti yang kita harus dan sebagai pemimpin kita semua harus memberi penyedaran kepada rakyat tentang pentingnya kita menguasai kadar menguasai bidang ICT dan bidang komputer. Tuan Yang di-Pertua, satu bidang lagi yang disebut juga di Dewan yang mulia ini ialah tentang Maxis. Pemegang saham Maxis telah membuat keputusan untuk membeli semua syer [Gangguan rakaman] *privatize* Maxis dan bagi kerajaan ini tidak menimbulkan satu masalah sebab bursa kita, pasaran modal pasaran kewangan kita tidak bergantung hanya kepada satu, dua syarikat sungguhpun syarikat itu besar sebab kita mempunyai banyak syarikat dan kalau satu syarikat di *privatize*, dibeli oleh pemegang saham besar. Tidak jadi masalah sebab Maxis hanya merupakan lebih kurang 3% dari *market capitalisation* dan syarikat lain akan disenaraikan tetapi kita ...

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, selain daripada Maxis, ada sebuah syarikat lagi iaitu PPB Oil Palm Berhad yang dimiliki oleh [Gangguan rakaman]. Ini juga dalam proses untuk *delist* daripada bursa saham. Saya difahamkan telah pun dipohon kepada *Securities Commission* dan juga kepada Kementerian Kewangan. Sekiranya syarikat ini *delist* dan di *transfer* kan syernya kepada Wilma International Limited iaitu sebuah syarikat di Singapura, *Singapore based*, ini bermakna lebih kurang 72,500 hektar tanah di Sabah dan Sarawak akan dimiliki oleh syarikat *Singapore* dan lebih kurang 290,000 hektar tanah di Indonesia juga akan dimiliki oleh syarikat Wilma International. Jadi saya hendak tahu apakah rasionalnya kita hendak *delist* syarikat ini dan *transfer* kepada Syarikat Wilma dan apakah keuntungannya kepada kerajaan sebab kita tahu *oil palm* adalah satu-satunya produk yang kita eksport, satu daripada produk yang penting dalam negara kita.

**Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop:** ... [Gangguan rakaman] Wilma *delisting* ini tidak ada, kerajaan tidak ...[Gangguan rakaman] untuk mendapat sebarang [Gangguan rakaman] memang syarikat-syarikat [Gangguan rakaman] tetapi dalam kes Maxis mereka telah [Gangguan rakaman]secara terbuka. [Gangguan rakaman] mereka ialah untuk *structure* semula syarikat dan bukan untuk disenaraikan di tempat lain itu mereka telah janji dan kita pegang kepada janji Maxis. Dalam kes Wilma [Gangguan rakaman].

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat Timbalan Menteri minta laluan sedikit.

**Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop:** Belum habis lagi.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Okey.

**Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop:** Dalam kes Wilma, kerajaan tidak membuat keputusan untuk *delist* syarikat itu. Syarikat itu telah secara sistematik telah membuat satu keputusan untuk *delist* dan kita telah semak peraturan kita, kita tidak ada kuasa untuk melarang tetapi walau bagaimanapun syarikat Wilma itu adalah syarikat besar tetapi melalui gabungan syarikat Sime Darby, Syarikat Golden Hope, kita akan mempunyai syarikat GLC ini. Kita akan mempunyai syarikat yang tersenarai iaitu syarikat [Gangguan rakaman] syarikat perladangan yang tersenarai yang besar sekali di dunia, besar sekali di dunia lebih besar dari Wilma ialah Syarikat Sime Darby baru iaitu Syarikat Sime Darby yang digabungkan dengan Golden Hope dengan Guthrie.

Itu syarikat terbesar peladang yang tersenarai. Kalau kita masukkan syarikat terbesar syarikat perladangan, tidak kisah sama ada dia disenaraikan atau tidak disenaraikan, syarikat yang terbesar ialah FELDA. Jadi mungkin ada dan pada masa hadapan juga mungkin ada syarikat-syarikat yang akan diminta kebenaran untuk *delisted* dan bagi pihak *Securities Commission*, Kementerian Kewangan tidak [Gangguan rakaman] secara langsung tetapi bagi *Securities Commission* kalau mereka telah penuhi syarikat-syarikat yang [Gangguan rakaman] ada kuasa tetapi dalam sistem pasaran modal sekarang [Gangguan rakaman] ada pihak yang akan minta untuk disenaraikan [Gangguan rakaman]dan kalau kita menekankan syarat-syarat yang ketat untuk melarang fleksibiliti ini, kemungkinan banyak syarikat yang tidak akan pilih Bursa Malaysia, Bursa Kuala Lumpur [Gangguan rakaman].

Jadi kita harus memberi fleksibiliti dengan tujuan memberi gambaran kepada dunia bahawa kita ada satu sistem yang fleksibel dan dengan itu kita harap, kita yakin bahawa banyak syarikat lain akan masuk untuk disenaraikan di Bursa Malaysia dan keuntungan bersih ialah kepada kita, lebih banyak syarikat yang akan minta disenaraikan dari yang akan diminta *delisting*. Terima kasih.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, semasa lesen diberikan kepada Maxis ini atau syarikat ini adakah mempunyai syarat-

syarat tertentu bahawa syarikat ini mesti *public listed company* dan yang kedua, selepas Maxis ini telah pun menjadi milik persendirian, jadi sebelum menjadi milik persendirian, syarikat ini telah pun mendapat keuntungan berbilion ringgit hasil daripada *listed* di Malaysia dan daripada GLC-GLC, syarikat milik kerajaan sendiri yang membantu syarikat Maxis ini.

Selepas mendapat berbilion ringgit maka syarikat ini hendak jadi milik sendiri, jadi apakah dasar yang ada pihak kementerian atau kerajaan hari ini bagi membolehkan syarikat sebegini menjadi milik persendirian padahal sebelum mereka mendapat berbilion ringgit adalah atas hasil daripada rakyat Malaysia sendiri. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu isu yang saya setuju, harus diberi perhatian pada masa hadapan. Bila kerajaan dalam kes ini mungkin EPU ataupun Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi ataupun kementerian lain, memberi lesen ataupun memberi satu hak atau satu kemudahan kepada sesuatu syarikat dan lesen ini tidak diberi banyak kepada pihak lain hanya diberi kepada dua, tiga, pihak.

Sama ada kerajaan harus meletakkan syarat bahawa syarikat itu harus mengekalkan struktur pemegang saham seperti sedia ada atau semasa lesen diberi dan tidak boleh menukarkan langsung kecuali selepas satu tempoh terhad. Kalau syarat ini diletakkan sebagai satu syarat dalam lesen, ini bermaksud bahawa syarikat itu tidak boleh disenaraikan sebab setiap kali kita membenarkan sesebuah syarikat untuk disenaraikan, kita hilang fleksibiliti untuk memastikan bahawa struktur pemegang saham tidak berubah, sebab definisi penyenaian ialah [*masalah rakaman*] pemegang saham. Jadi ini adalah satu polisi yang saya tahu sedang diteliti sama ada pada masa hadapan kita harus ada syarat bagi pastikan bahawa tidak [*masalah rakaman*] isu [*masalah rakaman*] pengeluaran struktur pemegang saham dari [*masalah rakaman*],

Dalam kes Maxis pun semasa diberi lesen, ia bukan syarikat yang disenaraikan, dan pada masa Maxis disenaraikan kerajaan sudah pun tidak mempunyai fleksibiliti lagi tentang struktur pemegang saham sebab saham sudah dijual beli tetap isu ini akan dipertimbangkan oleh kerajaan supaya dari pengalaman yang kita lalui dan kita dapati dari begitu banyak kes-kes penswastaan, saya setuju, kita harus mengkaji supaya dapat diperbaiki syarat-syarat tertentu dalam penswastaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada banyak lagi isu yang hendak dibahaskan kecuali ada juga syor-syor bahawa ketua-ketua di GLC-GLC harus menggunakan kereta Proton. Saya setuju bahawa ini satu syor yang baik sebab Yang Berhormat Menteri pun guna Proton, takkan ketua GLC guna kereta Mercedes. Banyak daripada pegawai-pegawai GLC termasuk Azman Mokhtar guna kereta proton dan ada juga dua, tiga orang guna kereta lain. Saya akan memberi nasihat, nasihat secara keras di antara nasihat dengan arahanlah untuk tukar guna kereta proton. [*Tepuk*]. Kita kena beri signal yang baik kepada rakyat bahawa kita [*masalah rakaman*]

GLC untuk kepentingan rakyat, kita tidak boleh joli sangat, tidak boleh boros dan kita harus memberi satu signal dan menunjukkan kepada rakyat supaya rakyat juga sedar tentang peranan kita.

Dalam hal ini juga saya ingin memberitahu kepada banyak pegawai-pegawai GLC telah datang berhijrah balik kembali bertugas di Malaysia, sungguh pun mereka boleh dapat gaji yang lebih besar di luar negara misalnya Pak Azmil (Tengku Azmil Zahrudin bin Raja Abdul Aziz), sebagai satu misalan dari banyak kes-kes. Tengku Azmil ini dia pergi belajar di universiti yang baik di luar negara dan selepas itu dia bekerja di Price Water House, London dalam empat, lima tahun. Selepas itu bekerja pula sebagai ketua Price Water House di Hong Kong, syarikat akauntan yang termasyhur dan semasa itu dia diambang menjadi *partner* Price Water House. Saya telefon dia pada tahun 2002, minta dia kembali bertugas di Malaysia untuk GLC dengan gaji yang begitu rendah sekali dan dia setuju. Pihak Price Water House telah pergi dengan serta-merta ke Hong Kong untuk memujuk dia supaya tolak tawaran kerajaan dengan memberi gaji yang lebih, dengan janji jadi *partner* serta-merta, tetapi dia tolak. Dia balik ke Malaysia dan bertugas di sini, mula-mula di Penerbangan Malaysia Berhad selepas itu di MAS dan kini jadi *Managing Director* dengan gaji yang tidak hampir 30% berbanding dengan gaji yang dia terima di Hong Kong.

Jadi ada ramai anak-anak kita yang berkorban untuk berkhidmat memberi sumbangan dan berbakti kepada negara, dan kita memang bernasib baik bahawa anak-anak kita bukan sahaja anak-anak Melayu, anak-anak orang Cina, anak-anak India dan berbagai-bagai kaum yang datang balik dari luar negara untuk berkhidmat di GLC. Kita juga akan memastikan bahawa GLC akan terus memberi peluang kepada anak-anak kita dari semua kaum untuk berkhidmat memberi sumbangan kepada kerajaan.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Beri laluan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Sedikit sahaja kemusykilan saya Yang Berhormat. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, siapakah yang mengawal atau pun membuat pemantauan secara langsung terhadap KPI bagi CEO dalam GLC ini?

**Tan Sri datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop:** KPI bagi CEO ini dibuat terbahagi kepada tiga peringkat. Bagi syarikat-syarikat di bawah KHAZANAH di mana pemegang utama adalah KHAZANAH dibuat oleh KHAZANAH dan di mana pemegang utama ialah PNB (Permodalan Nasional Berhad) di buat oleh Permodalan Nasional Berhad atau di LTAT atau pun di EPF atau pun di Tabung Haji. Pada peringkat kedua, peringkat yang lebih atas dibuat oleh Kementerian Kewangan. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menerangkan bahawa KPI bagi CEO-CEO GLC bukan semata-mata KPI ekonomi atau KPI kewangan juga masuk KPI sosial. Ini adalah satu bidang yang penting dan baru-baru ini kita telah minta GLC-GLC juga memberi sumbangan melalui, mengambil peranan sebagai ibu angkat atau bapa angkat bagi sekolah-sekolah di kawasan-kawasan luar bandar untuk memberi nasihat, memberi

panduan, memberi komputer, menyewa rumah supaya anak-anak yang duduk di flat tidak selesa untuk buat *homework* [*masalah rakaman*] Banyak GLC menyambut baik saranan kita dan kita akan pastikan lagi bahawa banyak lagi sekolah-sekolah luar bandar khususnya dan juga di bandar-bandar sebab terdapat juga kemiskinan dan kemiskinan tegar di tempat-tempat tertentu di bandar-bandar. Sekolah-sekolah di tempat-tempat ini dapat diangkat untuk diberi bantuan oleh GLC.

Tadi saya ada sebut sedikit, saya baru dapat maklumat, saya tadi nyatakan bahawa penduduk di bandar adalah 60 – 40, yang juga satu fakta penting adalah Melayu di bandar adalah 55.8%, dan Melayu di luar bandar hanya 44.2%. Jadi lebih banyak Melayu kini hampir 56% Melayu kini turut di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan mengemukakan pandangan dan sokongan berkenaan perkara-perkara utama yang dibangkitkan di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekali lagi Dewan Negara menghargai kehadiran Yang Berhormat yang datang sendiri untuk memberi jawapan pada hari ini, terima kasih. [*Tepuk*] Sekarang dipersilakan Yang Berhormat yang mewakili Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, sila.

### **3.02 ptg.**

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Fu Ah Kiow]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Bagi isu-isu yang telah disentuh saya akan cuba memberikan penjelasan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad, ingin mengetahui apakah strategi-strategi terbaru yang akan digunakan oleh kementerian bagi menangkap para pengedar dan penagih dadah yang jumlahnya semakin meningkat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi tempoh tahun 2000 hingga April tahun 2007 sebanyak 8,226 kes pengedaran dadah telah ditangkap di bawah seksyen 39b Akta Dadah Berbahaya 1952, yang melibatkan 13,052 orang. Selain daripada itu seramai 14,890 orang telah ditahan di bawah Akta Dadah Berbahaya. Langkah-langkah pencegahan khas bagi tempoh Januari hingga Mac 2007 pihak polis telah berjaya merampas pelbagai jenis dadah bernilai RM14.3 juta.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan dan Polis Diraja Malaysia telah merangka dan menyusun beberapa strategi terbaru dalam menahan dan menangkap pengedar dan penagih dadah yang jumlahnya semakin meningkat di negara ini dengan:

- (a) menambah bilangan pegawai dan anggota di Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik yang tidak mencukupi dalam usaha menangani masalah dadah di negara ini;
- (b) mengemas kini serta meningkatkan pengumpulan maklumat-maklumat risikan mengenai aktiviti-aktiviti pengedaran serta mengenal pasti sarang-sarang penagih dadah seluruh negara;
- (c) meningkatkan keupayaan logistik Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik termasuklah dari aspek pengangkutan, alatan teknikal bagi tugas-tugas *surveillance* dengan izin dan peralatan teknologi maklumat yang digunakan dalam memproses serta menganalisis maklumat-maklumat risikan yang berkaitan dengan sindiket-sindiket pengedaran dadah;
- (d) meningkatkan pengetahuan serta kemahiran pegawai dan anggota Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik mengenai bahan-bahan yang kerap di gunakan dalam menghasilkan dadah jenis sintetik seperti syabu, ecstasy, dan lain-lain;
- (e) meningkatkan pengetahuan serta kemahiran pegawai dan anggota Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik dari sudut perundangan, penyiasatan dan risikan bagi memastikan pesalah yang terlibat didakwa dan dihukum dengan setimpalnya. Selain daripada itu memantapkan fizikal dan mental dengan memperbanyakkan lagi latihan serta kursus-kursus yang berkaitan; dan
- (f) meningkatkan perkongsian maklumat dan risikan dengan agensi penguatkuasaan dadah tempatan dan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan ingin mengetahui status laporan berhubung dakwaan terdapat segelintir anggota pasukan keselamatan yang memohon upah dan meminta bayaran daripada mangsa-mangsa banjir di Johor sekiranya ingin di selamatkan menggunakan bot-bot penyelamat.

Tuan Yang di-Pertua, satu kes bersangkut Segamat laporan nombor 7292 pangkah 06 bertarikh 28 Disember 2006 telah di terima oleh pihak polis berhubung dengan dakwaan terdapat anggota pasukan keselamatan memohon upah daripada mangsa banjir di Johor. Pihak polis telah melakukan siasatan dengan memanggil suspek-suspek dan pengadu yang terbabit untuk dirakam percakapan mereka.

Walau bagaimanapun, pengadu tidak dapat mengecam suspek yang terlibat dalam kejadian yang tersebut kerana menurut pengadu suasana gelap masa kejadian. Sehubungan itu tiada siasatan lanjut dilakukan disebabkan ketiadaan bukti dan keterangan yang kukuh untuk kes ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed telah membangkitkan berkenaan tahap keselamatan di kawasan kediaman dan bank-bank yang agak meragukan kerana dikawal oleh pengawal-pengawal keselamatan asing.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan kediaman, bank-bank, atau mana-mana premis yang memerlukan khidmat pengawal keselamatan adalah bebas untuk melantik mana-mana syarikat pengawal keselamatan yang berlesen untuk mendapatkan khidmat berkenaan. Kementerian hanya memberi kebenaran kepada syarikat kawalan keselamatan yang layak dan berlesen di bawah seksyen 2(a) dan 2(b) Akta Agensi Persendirian 1971 bagi menggaji warganegara Nepal, iaitu bekas tentera untuk bekerja sebagai pengawal keselamatan di Malaysia dengan syarat tidak melebihi 5% daripada jumlah anggotanya.

Namun demikian pengawal keselamatan warganegara Nepal tidak dibenarkan bertugas sebagai pengawal bersenjata atau *armed security guard* dengan izin dan juga tidak dibenarkan bertugas di sasaran-sasaran penting negara seperti stesen jawatankuasa elektrik, stesen pemancar TV, loji-loji air dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, pihak kerajaan menyeru dan berharap semua pihak mengubah sikap dan mengutamakan khidmat pengawal keselamatan tempatan berbanding dengan pengawal warga negara asing.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar telah membangkitkan berkenaan dengan penahanan individu melalui Akta ISA perlu mempunyai bukti yang kukuh agar penahanan individu terbabit tidak menimbulkan sebarang keraguan dan juga tidak menganiayai keluarga tahanan.

Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) 1960, adalah sejajar dengan peranan akta berkenaan yang digubal sebagai satu undang-undang pencegahan. Setiap tangkapan tahanan dan juga sekatan di bawah akta ini bertujuan untuk mencegah seseorang daripada melakukan sebarang perbuatan dengan apa pun cara yang memudaratkan:

- (i) Keselamatan Malaysia;
- (ii) Penyelenggaraan perkhidmatan perlu di dalam Malaysia; dan
- (iii) Kedudukan ekonomi Malaysia.

Semenjak AKDN 1960 dikuatkuasakan pada 1 September 1960, kerajaan telah berjaya mematahkan kegiatan yang merancang keselamatan negara. Kejayaan ini telah menghasilkan keamanan yang berkekalan di samping mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan pembangunan negara yang membanggakan. Semua tangkapan dan tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 telah di lakukan mengikut lunas undang-undang dan kepentingan keselamatan Malaysia di bawah seksyen 773.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** [Bangun]

**Datuk Fu Ah Kiow:** Di bawah akta ini, pihak polis diberi kuasa menangkap dan menahan tidak lebih daripada 60 hari, bagi tujuan soal siasat dan membuat cadangan sama ada seseorang itu perlu dikenakan perintah tahanan di bawah seksyen 81 ISA.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, bagi laluan.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Nanti saya habiskan perenggan ini dulu. Di bawah seksyen 8(a) AKDN 1960 atau perintah sekatan di bawah seksyen 8(5) akta ini, mereka yang tidak bersalah akan di bebaskan tanpa syarat sebelum tempoh 60 hari.

Sekiranya Yang Amat Berhormat Menteri Keselamatan Dalam Negeri berpuas hati bahawa wujud alasan-alasan yang munasabah untuk menahan dan mencegah seseorang itu daripada bertindak dalam apa-apa cara yang boleh memudaratkan keselamatan Malaysia ataupun untuk penyelenggaraan perkhidmatan-perkhidmatan perlu ataupun kedudukan ekonomi maka, Yang Amat Berhormat Menteri Keselamatan Dalam Negeri boleh mengeluarkan perintah tahanan di bawah seksyen 81 akta ini atau perintah sekatan di bawah seksyen 8(5) akta ini tidak melebihi tempoh dua tahun. Bagi mengelakkan sebarang penganiayaan majikan, terhadap keluarga orang-orang tahanan juga turut diambil perhatian yang serius oleh kerajaan sebagai salah satu segi pemulihan terhadap orang-orang tahanan itu sendiri.

Sebarang bentuk bantuan yang akan diberikan adalah berdasarkan aduan dan permohonan daripada pihak keluarga yang terbabit. Secara umumnya aduan atau permohonan berkaitan bantuan kebajikan adalah diajukan kepada pihak Tempat Tahanan Perlindungan, Taiping. Sebaik aduan diterima pihak TTP akan mendapatkan beberapa maklumat berkaitan biodata isteri dan keluarga orang tahanan berserta jumlah tanggungannya untuk ditinjau lanjut.

Seterusnya permohonan tersebut akan dipanjangkan kepada pihak Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah untuk diadakan temu duga dan siasatan lanjut sama ada keluarga terbabit benar-benar wajar untuk diberikan bantuan kebajikan atau sebaliknya. Apabila proses temu duga dan siasatan telah selesai dan pihak Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah berpuas hati bahawa terdapat keperluan yang wajar untuk diberikan bantuan, maka bantuan dalam bentuk kewangan secara bulanan akan disalurkan terus kepada keluarga berkenaan. Sila...

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan iaitu, adakah tahanan ISA-ISA yang masih ada sekarang ini ditahan kerana faktor politik ataupun kefahaman politiknya? Saya bukan bermaksud dia ahli politik parti-parti tertentu, tetapi kalau dia terlibat seperti menyimpan senjata api peluru ataupun kefahaman-kefahaman yang boleh melibatkan kepada huru-hara seperti Al Maunah, saya tidak bermaksud sedemikian tetapi orang politik yang ditahan di bawah ISA kerana kefahaman politik dia. Ada lagi atau tidak?

**Datuk Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengesahkan di sini antara 80 orang yang masih ditahan di bawah akta ini, tiada satu pun ditahan disebabkan perbezaan pandangan politik dan pendirian politik. Tidak ada dengan izin, *political detainees* kebanyakan

adalah ditahan disebabkan kegiatan militan agama dan juga ada pemalsuan dokumen dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat...

**Puan Mumtaz binti Md Nawi:** Mohon laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan Mumtaz

**Puan Mumtaz binti Md Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah berkaitan dengan apa yang telah pun dinyatakan tadi bahawa pihak kerajaan akan membantu keluarga dan kebajikan keluarga orang yang ditahan di bawah ISA, setakat ini ada atau tidak kerajaan mempunyai jumlah berapa keluarga yang telah dibantu daripada aduan yang dikemukakan oleh keluarga mangsa. Terima kasih.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Saya tidak ada angka tersebut, tetapi yang seperti saya jawab tadi segala bantuan akan disalurkan ke atas permohonan dan oleh pihak-pihak keluarga yang terlibat dan selagi ada permohonan dan aduan kita akan buat kajian bersama dengan pihak kebajikan masyarakat daerah dan juga kerajaan akan memberi bantuan supaya keluarga mereka tidak menghadapi masalah.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Mohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Tadi ada telah disebutkan bahawa di antara mereka yang ditahan adalah mereka yang terlibat dalam militan agama. Jadi saya ingin tahu apakah yang dimaksudkan dengan militan agama dan apakah bentuk-bentuk agama yang menjadi militan? Terima kasih.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Asas dan faktor-faktor yang diambil kira semasa Kementerian Keselamatan Dalam Negeri membuat sesuatu keputusan ialah sama ada fakta-fakta yang kita ada dan juga risikan-risikan, maklumat-maklumat yang ada bahawa subjek-subjek akan melakukan sesuatu untuk memudaratkan kestabilan dan juga kalau mereka yang terlibat dalam mungkin terlibat dalam sesuatu aktiviti atau telah melibatkan sesuatu aktiviti yang memudaratkan kedudukan ekonomi, mereka boleh ditahan.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Tuan Maijol Mahap dan Yang Berhormat Datuk Armani binti Mahiruddin membangkitkan berkenaan kesukaran yang dihadapi oleh polis marin untuk memerangi penyeludupan dadah jenis syabu di perairan Sabah. Tuan Yang di-Pertua, Polis Diraja Malaysia sentiasa berusaha memerangi penyeludupan dadah termasuk di perairan Sabah. Walau bagaimanapun pihak polis marin menghadapi beberapa kesukaran iaitu nombor satu, pasukan polis marin di Sabah diperuntukkan dengan 60 buah kapal dan bot ronda pelbagai jenis yang mana hanya 30 buah bot sentiasa digunakan dalam menjalankan rondaan dan tugas pada satu-satu masa. Baki bot digunakan sebagai *standby* dengan izin dan juga bagi proses penyelenggaraan.

Kekuatan keanggotaan semasa adalah sejumlah 645 orang anggota dan yang kedua ialah keadaan geografi Sabah yang mempunyai pantai yang luas dan sungai-sungai yang banyak

memudahkan pendaratan kumpulan jenayah pengedar dadah dan kemasukan pendatang tanpa izin yang mana menggunakan bot-bot atau sampan untuk menyusup masuk ke Sabah. Yang ketiga, sempadan Sabah yang berhampiran dengan Filipina dan Indonesia yang mana jangka masa perjalanan cuma lebih kurang 30 hingga 40 minit sahaja. Yang keempat, sejarah penduduk-penduduk negeri Sabah yang mempunyai talian persaudaraan yang rapat dengan penduduk-penduduk di selatan di Filipina juga merupakan faktor yang mana penyeludupan dadah terutamanya jenis syabu sukar dikawal kerana terdapat sebilangan imigran yang memasuki Sabah tanpa melalui pintu masuk yang sah. Mereka ini dilindungi oleh saudara mara yang berada di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Maijol Mahap juga ingin tahu status permohonan yang telah dibuat oleh Ketua Polis Sabah untuk penambahan peruntukan bagi pembelian bot untuk kegunaan polis marin di Sabah. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bagi keseluruhan pasukan polis marin, sejumlah RM226.7 juta telah diluluskan untuk perolehan 92 bot dan juga peralatan-peralatan yang berkaitan dengannya termasuk alat menyelam dan sebagainya. Bagi wilayah Sabah, 20 bot pelbagai jenis telah diperuntukkan, untuk bot ini di dalam proses pemulihan termasuk tender.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee dan Yang Berhormat Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta kementerian mengharamkan penerbitan dan penjualan buku bertajuk '*May 13: Declassified Documents on the Malaysian Riots of 1969*' dengan izin tulisan Dr. Kua Kia Soong yang mengandungi fakta-fakta yang tidak tepat dan mampu menggugat keharmonian antara kaum di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan Seksyen 7 peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 "*mana-mana penerbitan yang mengandungi bahan-bahan yang memudaratkan ketenteraman awam, kemoralan, keselamatan atau yang mungkin mengubah fikiran orang ramai atau yang berlawanan dengan undang-undang atau memudaratkan kepentingan awam atau kepentingan negara boleh dikenakan perintah larangan atau diharamkan.*"

Oleh yang demikian, penerbitan yang bertajuk '*May 13: Declassified Documents on the Malaysian Riots of 1969*' tulisan Dr. Kua Kia Soong yang dikatakan mengandungi fakta-fakta yang tidak tepat yang mampu menggugat keharmonian hubungan antara kaum di negara ini akan dikaji oleh kementerian bagi memastikan buku berkenaan tidak mengandungi unsur-unsur yang tidak diingini dan boleh memudaratkan ketenteraman awam, mengancam keselamatan negara dan menggugat kesejahteraan rakyat. Sehubungan itu juga jika buku berkenaan di dapati mengandungi bahan-bahan yang boleh memudaratkan keselamatan ketenteraman awam dan menjejaskan kesejahteraan rakyat, kementerian akan mengambil tindakan mengenakan perintah larangan mengikut akta berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menjawab...

**Tuan M. Munusamy a/l Mareemuthu:** Mohon laluan

**Puan Mumtaz binti Md Nawi:** Mohon laluan.

**Tuan M. Munusamy a/l Mareemuthu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan buku yang tersebut itu akan dijual dalam pasaran dalam dua minggu dengan harga RM20 ringgit. Saya berharap pihak kementerian akan mengambil tindakan serta merta untuk mengkaji dengan serta merta untuk memastikan adakah buku-buku itu patut diharamkan atau tidak sebelum buku itu dijual dalam pasaran sebab buku itu telah dilancarkan pada minggu lalu. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan Mumtaz.

**Puan Mumtaz bin Nawī:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya walaupun mungkin tidak ada kaitan dengan ketenteraman awam, tetapi sebagaimana yang kita lihat dalam tajuk akhbar pada hari ini yang mengaitkan anak seorang Senator. Ini diletakkan di muka depan akhbar utama negara. Bagaimana pandangan Yang Berhormat tentang isu sekarang ini kerana dari segi kesahihan dan ketidaktepatan fakta itu perlu diperbetulkan oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Dua isu yang langsung berlainan tetapi saya jawab soalan pertama iaitu mengikut Akta Mesin dan Penerbitan, penerbitan buku-buku dan majalah yang tidak berkala mereka boleh terbit tanpa permit. Tetapi selepas diterbitkan dan jika Kementerian Keselamatan Dalam Negeri Bahagian PQ iaitu percetakan, didapati ada mempunyai bahan-bahan yang melanggar syarat-syarat di bawah akta ini, maka perintah larangan boleh dikeluarkan dan bila perintah larangan telah dikeluarkan dan diwartakan siapa yang mempunyai buku itu akan dituduh, akan dianggap telah melanggar akta ini dan boleh dikenakan tindakan undang-undang. Kementerian akan mengkaji kandungan buku-buku ini dengan secepat mungkin supaya tindakan yang sesuai boleh diambil.

Walaupun apa yang dibangkitkan oleh YB tadi tidak ada kaitan dengan apa yang telah dibahaskan ingin saya mengatakan di sini walaupun negara kita mengamalkan sikap yang bebas terhadap pemberitaan, tetapi saya sentiasa ingin menyeru pihak media khususnya perlu membuat pemberitaan yang berasas dan seimbang. Jika mana-mana pihak rasa teraniaya dan rasa bahawa nama dan imej dia telah pun dicemari dan difitnah akibat pemberitaan yang dikeluarkan dalam akhbar, saya menggalakkan mereka yang terlibat untuk mengambil tindakan mahkamah dan undang-undang terhadap akhbar tempatan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sudah habis menjawab tadi. Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya minta yang mewakili Kementerian Luar Negeri untuk menjawab.

### 3.23 ptg.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Joseph Salang Gandum]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Titah Ucapan Diraja di dewan ini dari 7 Mei

hingga 14 Mei 2007. Izinkan saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri Luar Negeri mengambil kesempatan ini untuk memberikan penjelasan terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan. Seramai dua Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu-isu yang menyentuh dengan kementerian saya. Antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam perbahasan ini ialah Yang Berhormat Senator Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain telah menyentuh isu-isu berhubung cadangan penubuhan Pangkalan Tentera Laut atau 'navel vest' Amerika Syarikat di Singapura. Yang Berhormat telah bertanya apakah dasar Malaysia mengenai cadangan Amerika Syarikat untuk menubuhkan pangkalan Tentera Laut di Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, kita belum lagi mendapat maklumat terperinci sama ada penubuhan pangkalan itu hanya bersabit dengan membekal kemudahan logistik dan bekalan-bekalan untuk kapal-kapal Tentera Laut Amerika Syarikat adalah menjadi kelaziman kapal-kapal tentera laut dari negara-negara asing masuk dari Amerika Syarikat kerap kali melalui Selat Melaka, yang mana laluan *innocent passage* dengan izin adalah sejajar dengan Konvensyen Undang-undang Laut Antarabangsa ataupun UNCLOS (*United Nations on Convention The Law of The Sea*) dan menggunakan kemudahan pelabuhan di Singapura.

Deklarasi Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) yang telah ditandatangani oleh Menteri-menteri Luar ASEAN pada 27 November 1971 menjadi asas, pendirian, neutraliti ASEAN dan telah menyumbang ke arah mewujudkan keadaan aman dan tenteram di rantau Asia Tenggara selama ini. Dalam usaha ASEAN menuju ke arah satu komuniti ASEAN yang mantap menjelang tahun 2015, kementerian saya berharap Singapura akan mengambil pandangan negara-negara jirannya di Asia sebelum membuat keputusan mengenai penubuhan pangkalan tentera laut itu. Singapura seharusnya dalam membenarkan penubuhan pangkalan tentera laut itu mengambil kira Deklarasi Zon Asia Tenggara sebagai Zon Aman, Bebas dan Berkecuali ataupun ZOPFAN yang ditandatangani di Kuala Lumpur pada 27 November 1971 oleh lima buah negara pengasas ASEAN termasuklah Singapura. ZOPFAN antara lain menggariskan hasrat untuk menjadikan Asia Tenggara bebas dari sebarang bentuk campur tangan oleh kuasa-kuasa luar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain telah juga mencadangkan agar Malaysia mengambil tindakan yang lebih agresif di dalam mengeratkan hubungan perdagangan dan pelaburan di antara Malaysia dengan negara China seperti mana polisi perdagangan dan pelaburan kita terhadap negara-negara Timur Tengah kerana ia akan menguntungkan banyak pihak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak terjalinnya hubungan diplomatik antara Republik Rakyat China (RRC) pada 31 Mei 1974, hubungan dua hala selama 33 tahun antara kedua-dua buah negara terus meningkat dan berada pada tahap yang kukuh

merangkumi pelbagai bidang hasil usaha dan kerjasama yang diambil oleh kedua-dua belah pihak. Antara langkah-langkah strategik yang telah diambil termasuklah pertukaran lawatan di peringkat tertinggi dari masa ke semasa dan penandatanganan perjanjian-perjanjian yang menggariskan dan menetapkan skop dan hala tuju kerjasama antara kedua-dua negara dalam pelbagai bidang.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi hubungan dagangan dua hala pula kedua-dua pihak telah bersetuju untuk mencapai sasaran jumlah sebanyak USD50 bilion pada tahun 2010. Untuk merealisasikan sasaran tersebut pelbagai usaha telah dan akan diambil seperti promosi galakan perdagangan tahunan RRC dan kedua-dua negara sedang mengkaji dengan terperinci cadangan untuk mengadakan Perjanjian Kerjasama atau EPA (*Economic Partnership Agreement*).

Negara-negara ASEAN juga telah mengadakan *Free Trade Agreement (FTA)* dengan RRC. Perjanjian-perjanjian ini diharap akan dapat digunakan sebagai mekanisme bagi menggalak dan meluaskan lagi kerjasama di antara Malaysia dan RRC di masa hadapan.

Bagi tahun 2006, RRC merupakan negara dagang keempat terbesar untuk Malaysia yang mencecah RM101 juta iaitu peningkatan sebanyak 18.6% berbanding tahun 2005 yang mencecah sebanyak 85.1 bilion. Manakala Malaysia pula merupakan rakan dagang kedua terbesar di negara ASEAN bagi negara RRC.

Dari segi pelaburan pula, jumlah pelaburan Malaysia di RRC berjumlah sebanyak USD393 juta yang melibatkan 336 projek. Ini adalah peningkatan sebanyak 8.8% berbanding tahun sebelumnya dan telah meletakkan Malaysia sebagai pelabur ke-16 terbesar terbesar di RRC. Pelaburan Malaysia di RRC merupakan 0.62% pelaburan luar RRC bagi tahun 2006.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan bersama Rangka Kerjasama Hubungan Dua Hala untuk masa hadapan dengan izin *Joint Statement On The Framework For the Future Bilateral Cooperation* yang ditandatangani pada 31 Mei 1999 dan kenyataan bersama dengan izin *joint communiqué* yang dikeluarkan pada 15 Disember 2005 sempena lawatan rasmi Perdana Menteri RRC ke Malaysia mencerminkan komitmen dan kesungguhan Malaysia dan RRC untuk mengambil langkah-langkah yang strategi untuk memupuk dan meluaskan kerjasama antara kedua-dua negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik juga meminta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada hubungan dua hala Malaysia dengan Mongolia terjejas berikutan dengan tindakan sesetengah pihak memberikan komen yang tidak diingini berkaitan kes Altantuya semasa pilihan raya kecil di Ijok yang mana tindakan tersebut ditayangkan di siaran asing seperti CNN.

Tuan Yang di-Pertua, hubungan dua hala antara Malaysia dengan Mongolia tidak terjejas ekoran komen-komen berkenaan kes Altantuya Shaariibu. Perkara seperti kes ini seharusnya tidak dibincangkan kerana ia dengan izin *sub-judice*. Sehingga kini hubungan diplomatik dua hala di antara Malaysia dan Mongolia yang telah wujud sejak tahun 1971 adalah berterusan baik

dan pada tahap memuaskan. Kerajaan Mongolia telah mengambil langkah mempertingkatkan hubungan sedia terjalin dengan Malaysia apabila buat pertama kalinya negara tersebut melantik seorang duta iaitu L. Davaagiv ke Malaysia tetapi bermastautin di Bangkok, Thailand.

Jalinan hubungan dua hala Malaysia dan Mongolia ini turut dipereratkan lagi dengan kerjasama di peringkat antarabangsa termasuk Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan dalam forum serantau ASEAN (ARF). Malaysia juga mengalu-alukan usaha Mongolia untuk mempertingkatkan kerjasama serantau terutama dengan rantau Asia Tenggara.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan. Saya berharap daripada penjelasan tersebut ia dapat menjawab semua soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya juga ingin menyatakan di sini bahawa Kementerian Luar Negeri akan sentiasa mengambil perhatian ke atas pandangan, cadangan dan usul yang bernas yang telah dan akan diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih. .

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya minta Yang Berhormat yang mewakili Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

### **3.35 ptg.**

**Timbalan Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih dan Titah Diraja di Dewan yang mulia ini yang menyentuh bidang tugas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok, dalam menangani masalah pengurusan sisa pepejal, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menggubal dasar yang memberikan tumpuan kepada sistem pengurusan sisa pepejal yang menyeluruh, bersepadu, kos efektif, mapan, mesra alam di samping menggunakan teknologi yang mampu bayar dan menjamin kesihatan.

Kementerian juga menggalakkan pengurangan kuantiti sisa pepejal melalui program kitar semula 3R iaitu *Reduce*, *Reuse* dan *Recycle*, rawatan perantaraan dan pengurusan akhir. Mengenai teknologi pula seperti yang telah saya nyatakan sebentar tadi, dasar kementerian memberikan tumpuan kepada teknologi yang mampu bayar dan menjamin kesihatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Penilaian Teknologi Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan yang terdiri daripada pakar-pakar daripada jabatan, kementerian dan institusi pengajian tinggi akan menilai setiap cadangan yang dikemukakan. Terdapat lima teknologi yang telah dinilai iaitu *plasma gasification*, *material recovery facilities (MRF)*, *resource*

*recovery refused derive fuel waste to energy incinerator dan biotechnology high loaded anaerobic digestion* ataupun *bio-lad*.

Keberkesanan teknologi-teknologi ini masih dalam kajian. Bagaimana pun kementerian masih bergantung kepada teknologi *land field* yang didapati pada tahap memuaskan. Contohnya tapak pelupusan di Bukit Tagar dan Seelong.

Pada masa ini pengurusan sisa pepejal adalah di bawah perkara sanitasi senarai bersama Jadual Ke-9 kepada Perlembagaan Persekutuan di mana Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) mahupun tanggungjawab bersama dalam mengurus sisa pepejal. Sungguh pun ia dalam senarai bersama namun pada peringkat pelaksanaan sisa pepejal adalah diurus oleh PBT.

Kerajaan Persekutuan melalui KPKT turut menyalurkan peruntukan untuk membantu dan memberi kemudahan membina dan menaik taraf pusat pemindahan, pusat pengumpulan, kenderaan dan khidmat nasihat. Memandang masalah pengurusan sisa pepejal semakin serius, di mana pada masa ini sejumlah kira-kira 17,000 tan sisa pepejal dijana setiap hari dengan unjuran bahawa jumlah sisa pepejal akan meningkat kepada 31,500 tan sehari pada tahun 2020. MPKT akan membentangkan satu rang undang-undang pada sesi Parlimen pada bulan Jun ini untuk mengambil alih pengurusannya daripada PBT bagi meningkatkan keberkesanannya.

Beralih kepada isu waktu operasi pasar malam yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok dan Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin. Dimaklumkan bahawa pasar larut malam ini adalah bertujuan membantu peniaga-peniaga kecil bumiputera.

Shah Alam misalnya mempunyai satu pasar larut malam yang diuruskan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor. Pasar malam yang beroperasi sehingga larut malam sentiasa dipantau oleh pihak berkuasa tempatan melalui rondaan pegawai-pegawai penguat kuasa. Peniaga-peniaga perlu mematuhi syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan seperti menjaga kebersihan dan mematuhi masa yang ditetapkan. Pihak berkuasa seperti PBT boleh mengambil tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya sekiranya ada peniaga yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang kurang sihat.

Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi telah membangkitkan isu rasuah di kalangan PBT. Kementerian berpandangan bahawa proses kerja yang tidak telus serta kerenah birokrasi merupakan faktor utama yang memberi ruang kepada berlakunya rasuah di kalangan pegawai PBT. Sebagai contoh, kelewatan dalam memberi kelulusan lesen perniagaan ataupun permohonan pemajuan disebabkan oleh pelbagai syarat dan peraturan serta proses kerja yang tidak kemas dalam mendorong sesetengah pemohon untuk memberi rasuah bagi mempercepatkan proses tersebut.

Oleh itu KPKT memberi penekanan yang lebih utama kepada penambahbaikan proses kerja PBT. Contohnya pengeluaran *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) oleh para profesional dan pelaksanaan pusat setempat (*one stop centre – OSC*), bagi proses cadangan

pemajuan. Dengan penambahbaikan ini, maka segala urusan yang melibatkan peniaga, pemaju dan orang awam akan menjadi lebih cepat, telus dan sekali gus menutup peluang berlakunya rasuah di kalangan pegawai PBT. Walau bagaimanapun, tindakan yang tegas akan tetap diambil ke atas pegawai PBT yang didapati terlibat dalam gejala rasuah. Oleh itu, kerjasama orang ramai amat diperlukan bagi melaporkan sebarang salah laku yang melibatkan pegawai PBT.

Mengenai kes penyediaan tempat letak kereta oleh pemaju di Majlis Perbandaran Batu Pahat yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Majlis Perbandaran Batu Pahat telah menggunakan garis panduan pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa iaitu satu unit tempat letak kereta bagi setiap 500 kaki persegi bagi kawasan dalam bandar dan satu unit bagi 1,000 kaki persegi bagi luar bandar.

Yang Berhormat Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain telah mencadangkan supaya kementerian mengadakan garis panduan supaya pegawai-pegawai baru tidak menghapuskan perancangan pegawai-pegawai terdahulu yang telah dibangunkan dengan kos yang tinggi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPKT sentiasa peka terhadap sistem penyampaian PBT kerana ia merupakan agensi utama yang memberi perkhidmatan kepada rakyat. Pertukaran pegawai PBT, khususnya Datuk Bandar ataupun Yang di-Pertua merupakan proses biasa yang bertujuan untuk memantapkan lagi sistem penyampaian PBT.

Dalam menjalankan tugasnya, Datuk Bandar dan Yang di-Pertua juga tertakluk kepada dasar, kaedah dan peraturan yang telah ditetapkan. PBT juga dibantu oleh Ahli Majlis yang berfungsi sebagai penasihat kepada PBT dalam melaksanakan sesuatu perancangan dan pembangunan. Selain daripada itu, KPKT juga dari masa ke semasa sentiasa mengadakan pelbagai langkah penambahbaikan yang bertujuan untuk meningkatkan lagi sistem penyampaian PBT sama ada dari aspek proses dan prosedur kerja, penguatkuasaan undang-undang ataupun garis panduan yang berkaitan.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Yip Kum Fook, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sentiasa peka kepada keperluan penjagaan taman awam termasuk juga taman metropolitan kerana ia boleh membantu meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat. Walau bagaimanapun, bagi memastikan ia dapat dimanfaatkan secara optimum, beberapa faktor khususnya dari aspek perancangan perlu diambil kira seperti lokasi yang sesuai serta elemen kepadatan penduduk.

Dalam hubungan ini, kementerian melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia akan menyediakan Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Tanah Lapang dan Rekreasi yang menentukan jenis-jenis tanah lapang mengikut hierarki dan fungsinya. Garis panduan tersebut tidak mengklasifikasikan taman metropolitan tetapi mempunyai klasifikasi taman wilayah dan taman bandar. Berdasarkan garis panduan tersebut, taman wilayah disediakan untuk bandar yang mempunyai jumlah penduduk melebihi sejuta orang. Ia berfungsi sebagai tapak untuk sukan tahap nasional dan pelbagai aktiviti sosial di samping sebagai pusat

tumpuan bagi penduduk bandar, luar bandar dan sebagai tempat untuk menikmati keindahan semula jadi.

Manakala taman bandar pula disediakan untuk bandar yang mempunyai jumlah penduduk kurang daripada satu juta orang yang mana di antara kemudahan yang disediakan ialah kompleks sukan dan taman yang menarik. Taman bandaran ini merupakan pusat kegiatan yang aktif dan tersusun serta menjadi pusat tumpuan penduduk di samping kawasan untuk menikmati keindahan semula jadi. Bagi memastikan penyediaannya, rancangan untuk mengadakan taman wilayah dan taman bandar adalah...

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad.

**Datuk Azizah binti Mohd. Dun:** Saya habiskan ayat ini dahulu, boleh? Adalah antara dua guna tanah yang diperuntukkan di bawah penyediaan rancangan tempatan bagi PBT yang memerlukannya.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Agensi yang penting kita lihat, salah satu yang menjadikan tunggak kepada sistem penyampaian sama ada impak negatifnya ataupun positifnya termasuklah KPKT ataupun PBT di peringkat bawah. Ini kerana ini adalah antara agensi-agensi yang langsung berurus dengan akar umbi masyarakatnya. Persoalan yang saya hendak bangkitkan di sini dua perkara, Tuan Yang di-Pertua.

Yang pertama, sama ada beban tugas ataupun tanggungjawab yang dipertanggungjawabkan PBT hari ini di seluruh negara wujud justifikasi dan sumber tenaga ataupun tenaga manusia ataupun pekerja di peringkat PBT. Rata-rata kita lihat jumlah masyarakat yang berurus dengan PBT di peringkat akar umbi adalah berlipat ganda dan penambahan termasuk warganegara asing yang juga perlu dipertanggungjawabkan dengan urusan PBT. Itu yang pertama. Adakah seimbang tanggungjawab dengan beban tugas yang dialami di seluruh PBT terutamanya Bahagian Penguat Kuasa? Kadang-kadang undang-undang PBT terlalu banyak yang memerlukan tindakan. Sebaliknya tanggungjawab pihak berkuasa tidak seimbang dengan beban tugas. Tuan Yang di-Pertua, itu yang pertama.

Yang kedua, saya ingin mendapat pandangan juga berkaitan dengan Skim Perkhidmatan PBT. Sama ada ia masih lagi dalam Skim Tertutup (*Closed Service*). Impak ataupun negatifnya *Closed Service* adalah banyak. Kalau boleh saya ingin mendapat pandangan bila hendak dirancang sama ada *Closed Service* ini perlu dibuka. Andainya berlaku seseorang itu terlalu lama ataupun dengan izin, *deadwood* di dalam sesuatu PBT membolehkan mereka ditukar sepertimana Skim Gunasama di peringkat Persekutuan. Terima kasih.

**Datuk Azizah binti Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, balik kepada taman metropolitan, saya menyentuh sebelum itulah. Walau bagaimanapun, berkenaan dengan sama ada seimbang tanggungjawab dengan bilangan petugas-petugas di

pihak berkuasa tempatan. Memang selalulah kita dengar rungutan daripada pihak berkuasa tempatan bahawa mereka mempunyai tugas yang banyak tetapi kekurangan pegawai-pegawai dan kakitangan, khususnya di kalangan penguat kuasa. Tetapi setiap masa pihak berkuasa tempatan dengan persetujuan pihak berkuasa negeri akan membuat penyusunan semula dan membuat permohonan untuk menambah pegawai-pegawai dan kakitangan mereka.

Untuk kerja-kerja yang lain, kerja-kerja yang mana pihak kementerian meminta pihak berkuasa tempatan menambahbaikkan seperti mengadakan pusat setempat (*one stop centre*) bagi memastikan kerja-kerja meluluskan kebenaran untuk pemajuan dan sebagainya yang mana telah kita pendekkan ini. Seperti yang telah dimaklumkan Kerajaan Persekutuan ataupun JPA telah bersetuju untuk menambah 533 orang pegawai dan kakitangan dan ini sedang diuruskan. Jadi, kerja-kerja itu tidak akan membebankan lagi kepada pihak berkuasa tempatan.

Walau bagaimanapun, pihak berkuasa tempatan akan sentiasa jika mereka mempunyai keupayaan dari segi kewangan boleh memohon untuk menambah pekerja-pekerja ataupun kakitangan mereka. Itu yang pertama.

Untuk yang kedua iaitu skim perkhidmatan. Untuk makluman Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini memanglah kerajaan pada masa ini sedang membuat kajian yang terperinci tentang skim perkhidmatan pihak berkuasa tempatan ini kerana kita semua tahu memang masa ini masih lagi merupakan skim tertutup dan memang adalah masalah-masalah yang ditimbulkan seperti Yang Berhormat seperti *deadwood* dan sebagainya yang menyebabkan prestasi pencapaian mereka masih diragui ataupun kurang cemerlang. Kerajaan sedang mengkaji beberapa skim yang sesuai untuk diguna pakai. Insya-Allah apabila ini selesai nanti ia akan diumumkan oleh pihak kerajaan. Saya teruskan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya. Silakan.

**Datuk Azizah binti Mohd. Dun:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga setiap pihak berkuasa tempatan sememangnya telah pun diarahkan menyediakan Piagam Pelanggan bagi membolehkan setiap pelanggan mengetahui tempoh masa yang diperlukan bagi sesuatu urusan, khususnya berkaitan dengan kelulusan lesen dan pembangunan. Selain itu kementerian juga telah meminta supaya PBT menyediakan borang penilaian pelanggan bagi mendapatkan maklum balas berhubung mutu perkhidmatan yang disediakan. Beberapa akta undang-undang kecil, garis panduan serta carta aliran kerja telah dikemaskinikan dari masa ke semasa bagi tujuan penambahbaikan mutu perkhidmatan sedia ada agar proses kerja PBT lebih cepat dan telus. Dalam perkara ini kementerian memandang serius terhadap isu sorok fail seperti yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kerana ia boleh menjejaskan imej agensi kerajaan. Sehubungan itu ia boleh dilaporkan kepada pihak pengurusan PBT ataupun kerajaan negeri untuk diambil tindakan tatatertib sewajarnya jika terbukti adanya manipulasi seperti ini di kalangan pegawai dan kakitangan PBT.

Bagi memantapkan lagi jentera pelaksana proses penambahbaikan sistem penyampaian prosedur dan proses serta pelaksanaan pusat setempat bagi cadangan pemajuan pula, Jabatan Perkhidmatan Awam telah meluluskan sebanyak 533 jawatan pelbagai gred untuk pusat setempat atau OAC di PBT. Pengisian jawatan tersebut dilaksanakan secara kontrak manakala 23 jawatan pula secara pinjaman, 66 jawatan diisi oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa serta 45 jawatan lagi diisi oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Beralih kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Armani binti Haji Mahiruddin berkaitan cadangan Ahli Yang Berhormat agar aktiviti penebangan pokok bagi tujuan pembinaan kawasan perumahan perlu diberi perhatian serius agar pencemaran alam sekitar tidak berlaku dan denda yang dikenakan ke atas pesalah hendaklah setimpal dengan kesalahan tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian turut memandang serius terhadap perkara ini dan pihak berkuasa perancang tempatan sentiasa memproses dan meluluskan permohonan kebenaran merancang bagi sesuatu projek perumahan dengan mengenakan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh setiap pemaju. Antaranya:

- (i) pemaju hendaklah mengikut pelan susun atur yang telah diluluskan;
- (ii) tiada perbuatan merosakkan tanah atau alam sekitar sama ada secara fizikal, topografi, semula jadi dan landskap;
- (iii) tiada pemusnahan atau perubahan semula jadi tanah;
- (iv) tiada penebangan pokok-pokok yang bersaiz 0.8 meter ukur lilit;
- (v) menanam semua pokok-pokok; dan
- (vi) penyediaan semula kawasan lapang;

Secara umum syarat-syarat yang dikenakan perlu dipatuhi oleh pemaju. Sekiranya pemaju gagal mematuhi syarat-syarat yang dikenakan, maka penguatkuasaan boleh dibuat oleh pihak berkuasa perancang tempatan melalui seksyen 28 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 di mana pemaju yang melanggar syarat-syarat tersebut jika disabitkan kesalahan ini, boleh didenda tidak lebih daripada RM100,000 atau penjara tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Berkaitan dengan ini juga peranan PBT dalam memastikan pelaksanaan projek-projek pembangunan tidak menimbulkan sebarang kesan negatif terhadap alam sekitar juga ditekankan melalui penguatkuasaan Akta Kerajaan Tempatan, Akta Perancangan Bandar dan Desa dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan. Penebangan pokok khususnya bagi kawasan tanah rizab sememangnya dilarang. Kementerian juga telah mengeluarkan arahan kepada semua PBT supaya mengambil tindakan untuk mewartakan kawasan lapang masing-masing agar tidak dimajukan dengan sewenang-wenangnya.

Yang Berhormat Datuk Dr. Jins Shamsudin telah menyarankan agar PBT memainkan peranan untuk memastikan pembangunan seimbang dari segi pembangunan fizikal dan rohani. Untuk makluman Yang Berhormat, KPKT melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia telah menyediakan garis panduan dan doktrin perancangan dan pembangunan sejagat yang bermatlamat mewujudkan keseimbangan di antara pembangunan fizikal dengan pembangunan insan dari segi spiritual dan nilai-nilai murni. Yang pertama ialah integrasi nilai kerohanian dalam perancangan dan pembangunan iaitu hubungan manusia dengan pencipta, hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam sekitar. KPKT juga melaksanakan program *Local Agenda 21* ataupun LA 21 yang menekankan konsep kerjasama antara PBT, masyarakat dan sektor swasta bagi sama-sama meningkatkan kualiti persekitaran ke arah pembangunan mapan.

Mengenai perlindungan kepada pembeli rumah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin, KPKT melalui pindaan Akta Pemajuan Perumahan, Kawalan dan Pelesenan 1966, pada tahun 2002 telah mengambil beberapa langkah penting untuk memperketat proses kelulusan permit iklan dan jualan. KPKT juga mempergiatkan aktiviti pemantauan semua iklan yang dikeluarkan oleh pemaju-pemaju perumahan bagi memastikan semua pemaju perumahan mematuhi peraturan-peraturan berkaitan iklan.

Mulai tahun 2003 mana-mana pemaju perumahan yang telah melanggar mana-mana peraturan berkaitan iklan boleh dikenakan tindakan kompaun. Kegagalan pemaju perumahan mematuhi setiap peraturan berkaitan iklan dan jualan akan dikenakan kompaun RM1,000.00 bagi setiap kesalahan. Dari tahun 2003 sehingga 23 Disember 2006 sejumlah 628 notis kompaun telah dikeluarkan bagi kesalahan iklan pemajuan perumahan. Walau bagaimanapun sebagai pembeli adalah menjadi hak dan tanggungjawab mereka sebagai salah satu pihak yang berkontrak untuk menyemak dan memastikan maklumat-maklumat pembelian dalam perjanjian jual dan beli yang disediakan oleh peguam yang dilantik adalah teratur dan betul sebelum menandatangani perjanjian tersebut. Pembeli juga boleh menyemak dengan KPKT tentang rekod pemaju perumahan berkenaan. Terdapat garis panduan yang disediakan oleh KPKT kepada bakal pembeli rumah yang boleh diperoleh daripada Bahagian Pengawasan dan Penguatkuasaan atau laman web KPKT.

Untuk makluman, perjanjian jual dan beli mengikut Jadual H - Bangunan Kediaman Bertingkat menyatakan jika pemaju perumahan gagal menyiapkan mana-mana kemudahan bersama (*common facilities*) yang dinyatakan dalam perjanjian jual dan beli dalam tempoh 36 bulan dari tarikh perjanjian, pembeli boleh menuntut ganti rugi mengikut bilangan hari lewat pada kadar 10% daripada baki 20% terakhir harga rumah melalui Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah.

Kementerian menyanjung tinggi keprihatinan Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah Omar yang membangkitkan isu rumah setinggan dan perumahan untuk golongan miskin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Wilayah Persekutuan masih belum boleh dikategorikan sebagai

kawasan setinggan sifar. Ini kerana sehingga Mac 2007 masih terdapat sebanyak 11,530 keluarga setinggan masih belum dipindahkan di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan sebanyak 1,167 keluarga masih belum dipindahkan di Wilayah Persekutuan, Labuan. Kerajaan berusaha untuk memindahkan golongan setinggan ke penempatan sementara yang paling hampir dengan penempatan asal mereka untuk sementara waktu sehingga rumah tetap yang ditawarkan siap dibina di penempatan asal atau yang berhampiran dengan kawasan penempatan asal mereka.

Namun begitu kerajaan juga mempunyai kekangan mendapatkan tanah yang sesuai sama ada dari segi lokasi dan harga yang berpatutan di kawasan berhampiran kerana ketiadaan tanah di kawasan bandar ataupun hanya terlalu sedikit setinggan yang dipindahkan di kawasan berhampiran. Sebagai contoh projek perumahan rakyat PPR oleh Jabatan Perumahan Negara di lapangan terbang lama, Air Panas, Setapak, Lembah Subang, Pudu Hulu dan sebagainya adalah terletak dalam kawasan bandar. Rumah-rumah ini dilengkapi dengan semua kemudahan asas seperti mana yang termaktub dalam syarat pemajuan perumahan dan sebahagian besar projek-projek tersebut terletak dalam kawasan bandar. Pada amnya dasar kerajaan adalah untuk menyediakan rumah yang mencukupi, berkualiti dan mampu dibeli atau disewa khususnya untuk golongan miskin dan berpendapatan rendah.

Selain daripada itu, pihak pemaju swasta dikehendaki untuk turut membina rumah kos rendah dan kos sederhana dalam projek-projek perumahan yang mereka bangukan mengikut syarat-syarat yang dikenakan oleh kerajaan-kerajaan negeri.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*].

Antara usaha kerajaan yang lain adalah menawarkan pinjaman sebanyak RM20,000.00 melalui Skim Pinjaman Perumahan kepada golongan berpendapatan rendah di antara RM500.00 sehingga RM1,200.00. Skim Rumah Mesra Rakyat di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad juga turut menawarkan bantuan pinjaman perumahan sehingga RM40,000.00 bagi golongan berpendapatan rendah di bawah RM1,000.00 yang tidak memiliki rumah sendiri ataupun mendiami rumah usang. Pihak kerajaan...

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Minta laluan Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya minta maaf sebab saya undur balik, sebab terlampau laju, tidak sempat hendak mencelah. Cuma hendak minta penjelasan tentang masalah pembelian rumah ini. Dahulu ada cadangan untuk menggunakan Konsep Bina dan Jual. Jadi saya hendak tahu bila hendak dilaksanakan fasal bina dan jual ini? Sekarang ini, jual dan bina. Kita bina dan jual ini bila hendak dimulakan?

**Datuk Azizah binti Mohd. Dun:** Sebenarnya ini Yang Berhormat, tidak disebut di dalam isu-isu yang ditimbulkan, tetapi untuk memberikan penjelasan... Sudah pun juga saya jawab di Dewan yang mulia ini. Bina dan jual ini bermula pada tahun 2007 ini bersekali dengan

jual, kemudian bina selama dua tahun. Kita akan lihat selepas itu, bagaimanakah penerimaan semua pihak. Sudah dimulakan bermula daripada tahun ini Yang Berhormat. Terpujanglah kepada pemaju-pemaju, mereka mahu memilih mana-mana konsep.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Pohon laluan. Saya ingin bertanyakan sedikit mengenai dengan apa yang sedang diucapkan oleh Yang Berhormat iaitu mengenai dengan rumah-rumah kos rendah. Adakah kementerian mempunyai satu prosedur untuk memastikan bahawa rumah-rumah kos rendah itu benar-benar dimiliki oleh mereka yang memerlukan rumah dan tidak dibeli oleh orang-orang yang mempunyai pendapatan yang sedikit lebih kemudian disewakan pula kepada mereka yang dari golongan miskin. Terima kasih.

**Datuk Azizah binti Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan rumah setinggan atau PPR itu, memanglah disediakan untuk setinggan-setinggan yang ada di tempat yang berkenaan. Pemilihan itu dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan kerana merekalah yang mengetahui siapakah setinggan-setinggan yang ada di tempat atau di bandar mereka. Bagi rumah kos rendah pula, kita telah memperkenalkan sistem pendaftaran terbuka. Sistem pendaftaran terbuka secara *on-line* ini bersama-sama dengan pihak berkuasa negeri dan pihak-pihak yang terlibat di mana mereka yang layak untuk membeli rumah kos rendah boleh mendaftarkan diri mereka. Daripada situ kita akan tahu siapa yang layak dan sepatutnya boleh dibenarkan membeli rumah-rumah kos rendah ini. Jadi kita amat berharaplah sistem ini akan dapat membantu kita memastikan tidaklah timbul perkara seperti mana Yang Berhormat bimbang tadi. Okey, saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Pihak kerajaan terpaksa...

**Puan Heng Seai Kei:** [Bangun].

**Tuan Yang di-Pertua:** Mintalah.

**Puan Heng Seai Kei:** Minta laluan. Terima kasih. Berhubung dengan isu rumah kos rendah, adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan peruntukan khas untuk golongan ibu tunggal yang biasanya kehilangan tempat tinggal mereka selepas diceraikan? Terima kasih.

**Datuk Azizah binti Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk rumah-rumah yang kita bina, rumah-rumah PPR biasanya memang kita akan sediakan juga untuk golongan seperti ibu tunggal dan rumah-rumah kos rendah ini pun... bukan sahaja ibu tunggal, malahan bapa tunggal pun perlu diambil kira dalam kita menyediakan rumah-rumah ini. Jadi, jangan bimbanglah Yang Berhormat. Terima kasih.

Pihak kerajaan terpaksa berhati-hati untuk menyerahkan hak milik tanah kepada mana-mana setinggan yang menduduki tanah kerajaan kerana dikhuatiri ia akan menjadi *precedence* yang akan menggalakkan berlakunya pencerobohan ke atas tanah kerajaan. Walau bagaimanapun, atas dasar kemanusiaan, kerajaan akan memberi wang sagu hati bagi membantu golongan tersebut berpindah dari penempatan setinggan ke rumah yang ditawarkan oleh kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed juga telah membangkitkan mengenai isu setinggan di mana beliau telah mencadangkan diwujudkan sistem maklumat geografi atau GIS bagi kawasan setinggan dalam usaha bagi mencapai setinggan sifar. Kerajaan Persekutuan mengalu-alukan cadangan yang dikemukakan. KPKT akan menggalakkan pihak berkuasa tempatan untuk melaksanakan sistem tersebut dalam usaha mencapai dasar setinggan sifar di kawasan masing-masing.

Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu membangkitkan isu perumahan Orang Asli yang kurang bermutu serta bilangan yang tidak mencukupi dan isu membina lebih banyak tempat tinggal untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat Orang Asli oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) sebagai contoh menjadikan tahun 2008 tahun miliki rumah bagi Orang Asli.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak bertanggung jawab dalam membina rumah untuk Orang Asli. Pembinaan rumah untuk Orang Asli adalah di bawah program Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Walau bagaimanapun, golongan Orang Asli yang layak masih boleh menyertai Program Perumahan Rakyat (PPR) mahupun lain-lain program di bawah Pejabat Kemajuan Negeri. SPNB ada menyediakan Skim Perumahan Mesra Rakyat bagi golongan berpendapatan rendah. Walau bagaimanapun pemohon mestilah memohon terus kepada SPNB. Selain daripada itu, para pemohon yang mempunyai tanah untuk dicagarkan pun layak untuk mengemukakan permohonan pinjaman perumahan yang berjumlah RM20,000.00 dari kementerian ini.

Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah juga telah membangkitkan mengenai program membantu kemiskinan bandar dan cadangan kajian semula paras garis kemiskinan (PGK). PGK sekarang yang diguna pakai oleh kementerian ini adalah PGK bandar yang dihasilkan oleh Unit Perancang Ekonomi, (UPE), Jabatan Perdana Menteri berasaskan metodologi 2005 yang mengambil kira perbelanjaan isi rumah dan kadar inflasi. Ia sememangnya berbeza-beza di antara negeri. Malah terdapat perbezaan yang ketara di antara PGK bandar dan luar bandar yang dikeluarkan oleh UPE. KPKT akan berbincang yang dengan Unit Perancang Ekonomi untuk melihat semula PGK ini.

Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar membangkitkan semakin banyak gejala sosial hasil dari peningkatan tempat berjudi dan pusat hiburan sedangkan kerajaan sedang berusaha menuju ke arah Islam Hadhari. Masalah sosial di kalangan golongan muda akibat dari pembukaan kelab-kelab malam serta pusat-pusat hiburan yang dibuka sehingga lewat malam dan sehingga ke pagi turut dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Jins Shamsudin.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian amat prihatin terhadap kesan aktiviti perjudian dan hiburan yang boleh meningkatkan gejala-gejala sosial di negara ini. Sehubungan itu, beberapa langkah kawalan melalui penguatkuasaan undang-undang di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan telah dijalankan dari masa ke semasa khususnya yang

berkaitan dengan pengeluaran lesen premis bagi aktiviti-aktiviti tersebut. Tindakan penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi-agensi penguatkuasaan yang lain khususnya pihak polis juga sentiasa diambil. Kementerian juga telah meminta supaya PBT mengetatkan lagi syarat-syarat lesen tempat-tempat hiburan serta mengambil tindakan yang lebih tegas seperti menutup premis jika ia telah melanggar syarat-syarat lesen. Di bawah Enakmen Hiburan Negeri dan Peruntukan 107, Akta Kerajaan Tempatan, PBT boleh mengenakan sebarang syarat ataupun sekatan yang difikirkan wajar dan lesen boleh dibatalkan pada bila-bila masa. Selain itu, pengusaha pusat-pusat hiburan perlu mematuhi syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan. Bagaimanapun usaha untuk menangani isu-isu sosial yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat memerlukan kerjasama semua pihak khususnya orang ramai.

Yang Berhormat Datuk Armani binti Haji Mahiruddin, telah membangkitkan isu mengenai banjir di Sabah dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian melalui Jabatan Kerajaan Tempatan ada menyalurkan peruntukan pembangunan kepada pihak berkuasa tempatan di negeri Sabah seperti peruntukan di bawah projek-projek kecil di kawasan PBT.

Antara skop yang termasuk di bawah peruntukan ini adalah membina dan menaik taraf kemudahan infrastruktur seperti jalan, parit dan longkang. Walau bagaimanapun disebabkan peruntukan yang ada adalah terhad, peruntukan akan diberikan kepada projek yang memerlukan keutamaan. Bagi masalah banjir pada awal tahun 2007 yang lalu, peruntukan untuk membaiki kerosakan infrastruktur akibat banjir di negeri Sabah adalah sebanyak RM2.2 juta di mana Majlis Daerah Beaufort sejumlah RM1.4 juta diperuntukkan dan Majlis Daerah Kota Marudu. Pitas pula sebanyak RM800,000.

Walaupun bagaimanapun, buat masa ini kerajaan tiada sebarang peruntukan khusus untuk membina dan menggantikan rumah-rumah mangsa banjir yang rosak teruk akibat banjir. Di bawah Skim Pinjaman Perumahan (SPP), golongan berpendapatan rendah boleh memohon pinjaman sehingga RM20 ribu bagi membina semula rumah-rumah mereka bagi tujuan tersebut sekiranya mereka mempunyai tanah sebagai cagar. Memandangkan peruntukan tanah adalah kecil, ia tidak dapat menampung keperluan ini.

Yang Berhormat Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor membangkitkan isu mengenai penambakan Sungai Kelantan bagi tujuan pembinaan perumahan swasta yang mana telah menyebabkan banjir dan menyusahkan penduduk setempat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat hanya satu projek yang melibatkan projek penambakan Sungai Kelantan untuk tujuan pembangunan yang mana dilaksanakan oleh pihak swasta. Adalah sukar bagi kementerian ini untuk menjustifikasikan bahawa penambakan sungai tersebut telah menyebabkan banjir kerana banjir memang berlaku walaupun sebelum dilaksanakan projek penambakan.

Sehingga kini belum ada satu kajian dijalankan yang mengesahkan bahawa projek penambakan sungai akan menyebabkan banjir. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga,

projek ini telah melalui prosedur-prosedur sebagaimana biasa yang diamalkan dan telah mendapat kelulusan daripada pihak tertentu, termasuk Jabatan Teknikal seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Projek-projek tersebut pada kebiasaannya telah mengambil kira langkah-langkah pengawalan banjir termasuk pendalaman sungai dan juga pembinaan benteng selaras dengan ulasan dan keperluan JPS.

Selain itu PBT juga mempunyai peranan yang penting dalam memastikan pelaksanaan sebarang projek pembangunan tidak akan menimbulkan kesan yang negatif kepada alam sekitar melalui penguatkuasaan Akta Kerajaan Tempatan, Akta Perancang Bandar dan Desa dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan. Seksyen 69, 70 dan 71, Akta 171 misalnya memberi kuasa kepada pihak berkuasa tempatan untuk mengambil tindakan ke atas mereka yang melakukan kacau ganggu ke atas sungai. Namun begitu kes sedemikian rupa memerlukan semakan terperinci dari segi nama pemaju dan kedudukan kelulusan daripada PBT.

Sekiranya terdapat maklumat lanjut, kementerian boleh mendapatkan maklumat lanjut daripada PBT, kerajaan negeri dan juga maklumat kedudukan permohonan lesen pemajuan perumahan di Bahagian Pelesenan dan Khidmat Nasihat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor membangkitkan isu berkaitan perancangan pembangunan yang mengakibatkan kejadian banjir yang lebih teruk. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah membantu pihak berkuasa tempatan menyediakan Rancangan Tebatan (RT) bagi setiap daerah. RT menggariskan pelan pengezonan bagi setiap kegunaan tanah termasuk zon penampungan. Kajian RT mempunyai penyeragaman elemen cadangan masa hadapan bagi mengurangkan konflik dan bencana yang disebabkan oleh perancangan pembangunan.

Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan telah membangkitkan mengenai peralatan menyelamatkan mangsa banjir. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia kini lebih bersedia bagi menghadapi banjir dengan penambahan 100 unit bot aluminium dan 16 unit bot jenis komposit *cobbler* yang diperoleh pada akhir tahun 2006 yang lepas. Jaket keselamatan yang rosak semasa kejadian banjir yang lalu telah diganti, di samping bot aluminium dan bot *cobbler* jaket keselamatan juga dibekalkan. Setiap bot aluminium dilengkapi sebanyak 10 unit jaket dan setiap *cobbler* dilengkapi sebanyak 15 unit jaket keselamatan. Ini bermakna sebanyak 340 unit jaket keselamatan ditambah pada akhir tahun 2006.

Mengenai gesaan Ahli Yang Berhormat supaya tindakan tegas diambil terhadap pegawai penyelamat meminta wang daripada mangsa banjir, siasatan kementerian mendapati tiada anggota bomba yang terlibat.

Yang Berhormat Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin membangkitkan isu pembangunan kawasan pertumbuhan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kajian

Rancangan Fizikal Negara telah mengenal pasti beberapa koridor pembangunan sebagai tumpuan pembangunan dan pusat pertumbuhan. Bagi setiap koridor pembangunan termasuk Koridor Pembangunan Kuantan akan dijalankan satu kajian pembangunan. Koridor Pembangunan Kuantan-Pantai Timur sedang dalam kajian. Temerloh-Mentakab dikenal pasti sebagai konotasi perantaraan dan pusat pertumbuhan bandar akan diambil kira dalam Kajian Rancangan Struktur Negeri Pahang dan Rancangan Tempatan Daerah untuk mengenal pasti langkah dan garis panduan rancangan pembangunan.

Yang Berhormat Datuk Armani binti Haji Mahiruddin turut mencadangkan supaya usaha meningkatkan tahap keselamatan rakyat melalui CCTV diperbanyakkan di kawasan strategik dan terdedah dengan risiko bahaya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyediaan CCTV merupakan salah satu daripada langkah-langkah yang perlu dilaksanakan oleh PBT di kawasan-kawasan strategik bagi meningkatkan keselamatan pengguna di bawah Program Bandar Selamat bagi tujuan tersebut.

Di bawah pelaksanaan Program Bandar Selamat, penyediaan CCTV memerlukan penyelarasan yang rapat di antara pihak Polis Diraja Malaysia dan pihak berkuasa tempatan. Kementerian melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa sedang menyediakan draf Garis Panduan Perolehan Spesifikasi Sistem CCTV dan penyelenggaraan di kawasan PBT sebagai panduan perancangan dan pemasangan CCTV di kawasan pentadbiran masing-masing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, draf garis panduan ini masih di peringkat perbincangan sebelum ianya diangkat untuk kelulusan Jemaah Menteri dan sekiranya diluluskan kelak, ianya akan dipanjangkan kepada semua PBT di seluruh negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat sebanyak 25 kawasan PBT yang bertaraf majlis bandar raya dan perbandaran telah mempunyai kemudahan CCTV.

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah mencadangkan supaya dikeluarkan arahan kepada pemilik bangunan untuk mengecat semula bangunan dan memasang lampu sempena sambutan kemerdekaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PBT sentiasa memberi perhatian kepada aspek kebersihan dan keceriaan, khususnya kepada bangunan-bangunan awam serta tempat-tempat awam bagi menjadikan sesebuah bandar tersebut kelihatan terurus dan terancang.

Kementerian ini turut menyalurkan peruntukan kepada PBT setiap tahun bagi tujuan menaik taraf kemudahan dan infrastruktur awam serta kerja-kerja pengindahan bandar. Bagi bangunan-bangunan milik persendirian pula, ia terpulang kepada pemilik bangunan tersebut untuk mengambil inisiatif bagi mengecat semula bangunan masing-masing. Kementerian percaya bersempena dengan sambutan Hari Kemerdekaan, ramai daripada mereka akan mengambil langkah untuk mengindahkan lagi bangunan milik mereka.

Mengenai isu kebersihan tandas awam yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Siw Chun, kementerian telah mewujudkan Jawatankuasa Kebersihan Tandas Awam yang

dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi mengatur dan menyelaraskan langkah-langkah untuk memperbaiki kebersihan tandas awam ke tahap yang memuaskan seiring dengan kemajuan negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui jawatankuasa tersebut, Kementerian telah melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

- (i) menyediakan garis panduan reka bentuk tandas awam;
- (ii) sistem penilaian kebersihan tandas awam; dan
- (iii) menerapkan budaya menjaga kebersihan tandas awam melalui kempen, seminar dan pameran, kursus pengurusan dan penyelenggaraan tandas awam untuk pegawai PBT.

Kementerian akan turut mengadakan satu kajian maklum balas mengenai tahap kebersihan tandas awam di negara ini melalui perkhidmatan SMS. Melalui sistem ini, nombor talian SMS maklum balas akan diedarkan kepada pihak berkuasa tempatan untuk dipamerkan di setiap tandas awam di kawasan PBT. Dengan ini orang ramai yang menguruskan kemudahan tandas awam tersebut akan berpeluang untuk memberi pandangan, aduan, kerosakan dan lain-lain kepada Kementerian untuk tujuan pemantauan.

Selain dari itu, mengenai cadangan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Nor Hayati, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian memang mempunyai cadangan untuk memberi peluang kepada ibu-ibu tunggal untuk menguruskan kebersihan tandas awam secara kontrak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, beberapa PBT seperti Majlis Bandar Raya Shah Alam telah pun melaksanakan perkara ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memandang serius terhadap isu iklan, perniagaan, pemberi pinjaman wang yang lebih dikenali sebagai 'Along'. Kementerian mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan ke atas iklan-iklan perniagaan pemberi pinjaman wang di akhbar sekiranya iklan-iklan tersebut tidak mempunyai permit iklan yang diberikan oleh pendaftar pemberi pinjaman wang.

Dalam setiap iklan pemberi pinjaman wang hendaklah mengandungi butiran seperti berikut:

- (i) nombor lesen pemberi pinjaman wang dan tarikh gesaannya;
- (ii) nombor permit iklan;
- (iii) nama, alamat dan nombor telefon pemberi pinjaman wang berlesen; dan
- (iv) kaedah faedah yang ditawarkan.

Sekiranya pemberi pinjam wang berlesen mengeluarkan brosur, ia hendaklah diberikan secara percuma kepada setiap peminjam. Mana-mana individu atau syarikat pemberi pinjam wang yang mengiklankan perniagaan tanpa permit yang sah yang dikeluarkan kementerian, jika disabitkan kesalahan boleh dihukum denda tidak melebihi RM10 ribu atau penjara selama tempoh tidak melebihi dari 12 bulan atau kedua-duanya sekali. Kementerian telah mengadakan mesyuarat dengan wakil-wakil syarikat akhbar, Polis Diraja Malaysia dan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri berhubung dengan pengiklanan perniagaan pemberi pinjam wang di akhbar pada 17 Februari 2005. Dalam masalah tersebut pihak akhbar telah dimaklumkan akta berhubung dengan pengiklanan sesuatu syarikat pemberi pinjam wang.

Kementerian meminta kerjasama dari semua pihak supaya menyiarkan iklan syarikat pemberi wang yang mempunyai permit iklan yang diberikan oleh Pendaftar sahaja. Berikutan mesyuarat pemantauan kementerian terhadap iklan-iklan pemberi pinjam wang di akhbar baik harian mahupun tabloid didapati bilangan iklan tersebut semakin berkurangan dan iklan-iklan yang disiarkan juga telah menepati kehendak Akta dan Peraturan-Peraturan Peminjam Wang Kawalan dan Pelesenan 2003. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kementerian telah membuat siasatan terhadap beberapa iklan yang mirip iklan perniagaan pemberi pinjam wang tanpa lesen. Walau bagaimanapun, siasatan kementerian mendapati bahawa iklan-iklan pinjaman wang tersebut adalah daripada badan-badan koperasi yang ditubuhkan di bawah Akta Koperasi di mana badan koperasi ini gagal dalam menyatakan nama koperasi mereka dengan jelas dalam iklan tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh saya ganggu sebentar. Terima kasih. Setidak-tidaknya memberi peluang kepada Yang Berhormat pulihkan pernafasan buat sementara waktu. Ahli-ahli Yang Berhormat selepas ini kita masih ada 24 kementerian yang perlu jawab dan gulung perbincangan. Andai kata kita peruntukan setengah jam, kita masih memerlukan 12 jam untuk tamat. Hakikatnya kita hanya mempunyai 7 1/2 jam kecuali usul dibentangkan pada esok hari. Walaupun peruntukan 34(8) sedikit sebanyak memberi saya kemampuan untuk menghadkan masa ucapan, tetapi saya percaya di peringkat ini tidak manis menggunakan peruntukan peraturan mesyuarat tersebut.

Maka saya ada satu cadangan, permintaan saya kedua-dua belah pihak barisan kerajaan menghadkan dengan menjawab perbincangan. Kita ada dua corak kerana Dewan bersidang jawab pertanyaan-pertanyaan dan jawab perbincangan. Sebaik-baiknya cubalah supaya jawapan itu dengan izin *politically savvy reply and winding up*. Kepada pihak barisan di sebelah kiri pula, permintaan saya ialah tidak adil dan tidak patut kalau kita bangun dan ganggu dengan mengemukakan perkara-perkara yang baru. Sudah lima hari kita berucap macam-macam perkara kita tambahkan, banyak kerja penyelidikan telah dibuat sebelum ucapan jawapan dan penggulungan dibuat. Jadi, tidak adillah kalau kita sampuk demi sampuk dengan

perkara-perkara yang baru. Maka berdasarkan penerangan tersebut, saya ketengahkan permintaan saya ini untuk pandangan. *[Masalah rakaman]* Sila teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Azizah binti Mohd. Dun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah habis ini. Tuan Yang di-Pertua, akhir kata sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi memberikan pandangan dan cadangan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Segala cadangan dan pandangan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil perhatian dan tindakan sewajarnya oleh kementerian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya.

#### 4.24 petang.

**Timbalan Menteri Kementerian Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya harap Yang Berhormat tidak terguris hati tadi.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** ... Saya akan sejauh dan sebaik mungkin mengikut arah panduan yang diberi oleh Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Saya merakamkan ucapan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya hendak bangga dengar ungkapan itu, tetapi saya terdengar di hujung itu .... uhmm uhmm....

*[Ketawa]*

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** *[Ketawa]* Yang ini yang dimaksudkan *politically savvy* Tuan Yang di-Pertua. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara mengenai bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ketika perbahasan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Diraja bagi Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Negara yang Kesebelas. Saya akan menjawab ataupun memberikan penjelasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Puan Heng Seai Kie telah membangkitkan isu mengenai sistem perolehan sektor awam dan memetik Laporan Audit 2005 yang menyatakan 33 buah hospital kerajaan yang dibina di bawah RMK-8 telah dilaksanakan tanpa sebarang tender terbuka. Di samping itu bangunan hospital tersebut didapati tidak menepati syarat dan kurang berkualiti. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam Rancangan Malaysia Kelapan, Jabatan Kerja Raya telah membina 21 buah hospital dan selebihnya dibina sendiri oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Semua hospital yang dibina oleh Jabatan Kerja raya adalah memenuhi spesifikasi dan kualiti yang telah ditetapkan dalam dokumen kontrak. Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Husin dan Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Tajul

Urus bin Haji Mat Zain, dan Yang Berhormat Senator Tuan Lee Sing Chooi telah membangkitkan isu pemantauan Rancangan Malaysia Kesembilan yang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu yang saya sebutkan *politically savvy* itu. Mula-mula dia sebut semua nama, ambil hati dahulu, kemudian jawab isu.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Isu ketirisan, isu agihan projek RMK-9 dan isu Integriti dalam industri binaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah menubuhkan struktur jawatankuasa pemantauan yang lebih mantap untuk memantau pelaksanaan projek-projek RMK-9. Jawatankuasa Pemantauan tertinggi adalah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Kerja Raya sementara Jawatankuasa Kerja Pemantauan dan Pelaksanaan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian, manakala Jawatankuasa Kerja Pemantauan bagi projek-projek kementerian pelanggan pula dipengerusikan bersama Ketua Pengarah Kerja Raya dan Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan Kementerian Kerja Raya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian yang dibuat oleh bahagian pembangunan bumiputera, Kementerian Kerja Raya yang menunjukkan 85% nilai projek dari 51 sampel yang diambil untuk kajian tersebut telah mengalami ketirisan. Jumlah projek yang telah diluluskan kepada kontraktor bumiputera bagi tempoh kajian 2005/2006 adalah sebanyak 400 dengan nilai RM 917 juta. Ketirisan bukan bermaksud kontraktor bumiputera tidak mampu atau Ali-Baba, ketirisan berlaku sebab tiada syarikat bumiputera menjual bahan binaan yang diperlukan oleh kontraktor bumiputera atau tiada kontraktor bumiputera yang memiliki dan menyewakan peralatan jentera yang diperlukan oleh syarikat bumiputera. Isu di sini lebih kepada kontraktor sukar mendapat bekalan bahan binaan dari syarikat bumiputera atau sukar menyewa jentera dari syarikat bumiputera.

Sungguhpun begitu, saya tidak menafikan usaha memperkasa kontraktor bumiputera patut diteruskan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian saya telah mengambil beberapa langkah bagi membangun dan mengukuhkan kapasiti kontraktor bumiputera. Jadi untuk memperkasakan kontraktor bumiputera, dua langkah utama perlu dibuat. Pertama, meningkatkan kualiti kontraktor pekerja bumiputera, di antara program yang telah dan sedang dilaksanakan adalah program latihan dan akreditasi personel binaan dan kontraktor. Memperlengkapkan ilmu pengetahuan dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan pengurusan, kewangan, kemahiran teknikal dan ICT. Usaha-usaha ini diharapkan akan dapat membantu membentuk kontraktor kita supaya berdaya saing di peringkat pasaran tempatan dan global pada bila-bila masa sahaja. Adalah menjadi hasrat kerajaan menerusi program tersebut, tahap kontraktor dapat dipertingkatkan dari gred rendah ke gred yang lebih tinggi lagi. Sehingga tahun 2006, seramai 750,852 orang telah dilatih dalam pelbagai bidang yang dinyatakan di atas.

Kedua, mengambil tindakan sokongan yang lain. Di antara langkah-langkah serta tindakan yang telah dan sedang dan akan terus dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya bagi mengurangkan ketirisan adalah seperti berikut:

- (i) menganjurkan program *match making* dengan izin kontraktor iaitu menemukan kontraktor bumiputera yang baru ditawarkan kontrak kerja dengan pengeluar dan pembekal bahan binaan bumiputera yang ada di pasaran;
- (ii) memudah cara kan program permuafakatan kontraktor. Program ini adalah bagi menemukan semua kontraktor kelas besar dengan kontraktor kelas kecil bagi mewujudkan rangkaian kerjasama di antara bakal kontraktor utama dengan subkontraktor bumiputera.
- (iii) memudah cara program penubuhan dengan izin *trading hub* bahan binaan bumiputera. Program ini adalah untuk mewujudkan rangkaian niaga di antara pengeluar bahan binaan dengan pengusaha-pengusaha kedai *hardware's* bahan binaan bumiputera di seluruh negara;
- (iv) program agihan 10% kerja kepada kontraktor kelas F. Kementerian Kerja Raya juga telah mengambil inisiatif mewujudkan dasar baru kementerian iaitu mensyaratkan kontraktor-kontraktor yang berjaya ditawarkan kerja JKR untuk mengagihkan sebanyak 10% dari nilai kerja yang diperolehi kepada kontraktor-kontraktor kelas F; dan
- (v) program pinjaman melalui Skim Kumpulan Wang Amanah Kontraktor. Kementerian juga sedang mengkaji syarat-syarat untuk mewajibkan kontraktor bumiputera yang mendapat bantuan kewangan melalui Skim Kumpulan Wang Amanah Kontraktor yang diselia oleh Bahagian Pembangunan Bumiputera Kementerian Kerja Raya supaya melaksanakan perolehan bahan binaan dan lantikan subkontraktor dari syarikat-syarikat bumiputera.

Mengenai isu integriti, Kementerian Kerja Raya telah pun menggubal Pelan Pengukuhan Integriti yang juga meliputi industri binaan. Pada masa ini, CIDB sedang membangunkan Modul Pengukuhan Integriti dan Kod Etika Kontraktor Binaan. Langkah ini dijangka akan dapat meningkatkan integriti di kalangan penggiat industri binaan, dengan izin *industry players*.

Dari segi sistem perolehan, kementerian telah mengambil daya usaha untuk meningkatkan ketelusan sistem perolehan melalui sistem e-tender yang sedang dibangunkan dalam empat fasa. Fasa pertama telah pun dilaksanakan iaitu iklan tender menerusi laman web. Fasa kedua adalah untuk pembelian muat turun dan pengisian dokumen tender. Bagi Fasa

ketiga pula adalah penghantaran tender dan Fasa keempat, penilaian tender. Fasa kedua, ketiga dan keempat kini dalam proses pengujian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kerja Raya telah pun mendapat persijilan ISO9001:2000 pada 9 Mei 2006. Ini bermakna semua proses dan prosedur kerja utama jabatan tersebut termasuk pengurusan kontrak telah pun mengamalkan sistem pengurusan kualiti bertaraf antarabangsa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian dan Jabatan Kerja Raya adalah terikat untuk melaksanakan sistem perolehan selaras dengan sistem perolehan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Hanya kerja-kerja kecil yang bernilai di bawah RM20,000 dan jenis dan kerjanya terkandung dalam senarai Jadual Kerja Harga JKR akan diagihkan secara undian. Kerja-kerja yang tidak tersenarai dalam Jadual Kerja Harga akan dilaksanakan secara sebut harga. Kerja-kerja yang melebihi daripada RM200,000 akan dilaksanakan secara tender terbuka atau tender terhad. Kerja-kerja yang dilaksanakan secara tender terhad adalah kerja-kerja yang memerlukan kepakaran khusus yang diketahui hanya beberapa syarikat tertentu di pasaran yang mempunyai kepakaran tersebut. Lain-lain kaedah perolehan yang diguna pakai adalah tertakluk kepada kelulusan Kementerian Kewangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Kerja Raya telah menenderkan sebanyak 1,398 projek di bawah RMK-9.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat senator yang telah mengambil bahagian dan menyentuh mengenai perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Kerja Raya semasa membahaskan Usul Menjunjung Kasih ke Atas Titah Diraja. Jika ada perkara-perkara yang telah dibangkitkan tetapi tidak dijawab, sila maklumkan kepada saya supaya penjelasan secara bertulis dapat diberikan kepada Ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi.

#### **4.34 ptg.**

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada 12 Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian membahaskan beberapa perkara dan isu yang menyentuh bidang tugas Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi semasa perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih dan Perbahasan Titah Diraja di Dewan yang mulia ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk memberi penjelasan berhubung dengan perkara dan isu yang telah dibangkitkan. Antaranya ialah isu-isu kenaikan tarif air oleh SYABAS, kawalan dan penapisan program-program TV swasta serta isu penggunaan bahasa Malaysia, isu-isu mengenai siaran Astro, pembendungan laman web lucah dan program merapatkan jurang digital antara kawasan bandar dan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok membangkitkan apakah wajar SYABAS menaikkan kadar tarif air di sekitar Lembah Klang sedangkan tahap kualiti air masih di takuk lama dan apakah status pelaksanaan penggantian paip-paip lama kepada paip baru yang menyebabkan air berkeladak. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kenaikan tarif air bagi negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan yang berkuat kuasa pada 1 November 2006 adalah selaras dengan perjanjian konsesi yang telah ditandatangani di antara SYABAS, Kerajaan Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan di mana SYABAS telah berjaya mengurangkan NRW daripada 42.78% kepada 37.28% iaitu pengurangan sebanyak 5.5% dan melebihi sasaran 5% seperti yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi.

Berkaitan dengan tarif air di masa akan datang, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah penstrukturan semula industri perkhidmatan air negara, salah satu kriteria utama bagi penentuan kadar tarif di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara atau SPAN ialah semakan tarif bukanlah secara automatik tetapi perlu mengikut satu proses penilaian yang rapi dan terbuka serta mengambil pandangan pelbagai pihak termasuk pihak pengguna. Selain itu, melalui Forum Air yang akan diwujudkan di bawah SPAN, pengguna diberi peluang untuk memberikan input dan pandangan terhadap cadangan semakan kenaikan tarif.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Program Pengurangan Air Tak Berhasil (NRW), program-program yang perlu dilaksanakan oleh pihak SYABAS adalah meliputi kerja-kerja penggantian paip air yang usang dan pelaksanaan *district metering zone* dan SCADA. Bagi kerja-kerja penggantian paip air, SYABAS perlu melaksanakan program-program penggantian paip lama kepada paip baru sepanjang 900 km. Setakat ini sepanjang 475 km paip baru telah siap dipasang di mana 285 km daripadanya telah siap diuji untuk digunakan.

Kementerian dimaklumkan pihak SYABAS akan dapat menyiapkan program penggantian paip air ini pada penghujung tahun 2007. Kementerian yakin melalui program penggantian paip yang sedang dilaksanakan, masalah air berkeladak akan dapat diatasi di kawasan liputan SYABAS secara berperingkat-peringkat sehingga semua kesemua pakej penggantian paip air ini siap sepenuhnya seperti yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, pihak pengguna juga perlu memeriksa keadaan sistem paip dalaman dan juga tangki-tangki simpanan air kerana ia juga akan menjejaskan kualiti air tidak diselenggarakan dengan sempurna.

Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Lee Chee Keong pula bertanyakan apakah galakan yang telah diberikan oleh pihak kerajaan untuk meningkatkan pengetahuan tentang masalah air kepada generasi muda. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam usaha meningkatkan pengetahuan tentang masalah air, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi telah melancarkan Kempen Kesedaran Penjimatan Air Peringkat Kebangsaan pada 31 Julai 2006 yang lalu. Kempen yang akan dilaksanakan selama 24 bulan adalah dengan kerjasama Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA). Tujuan kempen ini adalah untuk

mempertingkatkan kesedaran orang ramai di negara ini mengenai kepentingan untuk menggunakan air secara berhemah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, Senator Datuk Dr. Jins Shamsudin, Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir, Senator Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah, Senator Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae dan Senator Tuan Ismail bin Kasim memohon supaya kerajaan mengawal dan menapis siaran program-program TV swasta termasuk penggunaan bahasa Malaysia dalam siaran stesen TV swasta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan mengambil perhatian dan memandang serius program-program TV swasta termasuk program realiti yang menggunakan SMS agar program-program tersebut tidak melanggar Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia serta lain-lain peraturan dan garis panduan semasa.

Ini termasuklah memastikan kesemua program-program yang disiarkan oleh stesen-stesen TV swasta tidak bersifat melampau dan mematuhi tatasusila dan juga menepati aspirasi nasional yang ditetapkan. Kementerian ini menerusi SKMM mempunyai mekanisme perundangan di pelbagai peringkat untuk mengawal kandungan TV dan media elektronik. Kandungan program seperti drama-drama dari luar negara sentiasa dipantau dengan teliti dan tindakan yang sesuai akan diambil sekiranya ianya melanggar peraturan-peraturan yang sedia ada. Kawal selia kandungan dilakukan menerusi beberapa syarat lesen termasuklah mewajibkan tapisan oleh Lembaga Penapisan Filem, LPF mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Bagi stesen TV berbayar seperti ASTRO, mekanisme penapisan adalah secara sendiri berdasarkan garis panduan yang sama. Dalam hal ini, SKMM sebagai pengawal selia stesen-stesen penyiaran swasta bekerja sama rapat dengan pihak LPF untuk memastikan kesemua bahan siaran ditapis terlebih dahulu dan mendapat kelulusan oleh pihak LPF sebelum ianya disiarkan. Di samping itu, kerajaan juga telah mengambil beberapa langkah proaktif untuk mengawal stesen-stesen TV swasta di Malaysia melalui mekanisme berikut:

- (i) menguatkuasakan peruntukan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998;
- (ii) pematuhan kod panduan dan komunikasi multimedia; dan
- (iii) mekanisme pemantauan melalui Jawatankuasa Penyelarasan Pemantauan Siaran Stesen Televisyen dan Radio Awam dan Swasta.

Bagi tempoh 2000 hingga 2006 sebanyak tujuh kes pelanggaran syarat lesen di bawah SKMM 1998 telah diambil terhadap stesen-stesen TV swasta di mana kompaun bernilai RM115,000 telah dikenakan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat

menyentuh isu penapisan program-program TV swasta yang bertentangan dengan nilai-nilai dan dasar kerajaan jawatankuasa khas bagi mengkaji peranan dan tanggungjawab stesen penyiaran sebagai media elektronik untuk memajukan agenda rakyat, kerajaan dan negara dalam pembinaan bangsa Malaysia telah ditubuhkan. Jawatankuasa tersebut telah dipengerusikan oleh ...

**Tuan Ismail Kasim:** Mohon laluan Yang Berhormat. Bila Yang Berhormat bercakap tentang media, saya bagi pihak Ahli-ahli rakan-rakan Senator melahirkan perasaan kesal yang tidak terhingga dalam paparan akhbar muka depan iaitu Utusan Malaysia hari ini, "Anak Senator didakwa". Di mana pada pandangan saya, saya merasakan tidak ada anak Senator di Dewan yang mulia ini yang dibawa kepada pendakwaan dan saya merasakan berita ini adalah berita yang tidak tepat. Jadi kita memohon kepada Utusan untuk memohon maaf kerana menghina Senator yang sedang bersidang sekarang ini, Dewan Parlimen yang bersidang ini di muka depan seperti mana yang tersiar pada hari ini. Terima kasih.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Laluan Yang Berhormat. Saya juga bersetuju tentang perkara ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat memberi laluan?

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Silakan, silakan.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Saya juga minta RTM dan TV3 kerana semalam berita ini menjadi berita sensasi dan menjadi tajuk utama. Mereka juga perlu memohon maaf kepada Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih saya akan maklumkan kepada TV3 berhubung dengan pandangan Yang Berhormat dan untuk RTM saya akan maklumkan kepada kalau ada menteri atau timbalan menteri nya yang ada pandangan berhubung dengan perkara yang dinyatakan. Jawatankuasa dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan dianggotai oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, Kementerian Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan berperanan untuk mengkaji semula dasar kandungan penyiaran yang diguna pakai kini khususnya meliputi aspek kesesuaian kandungan, siaran dan unsur-unsur budaya dan nilai tempatan.

Jawatankuasa kerja juga akan diwujudkan di bawah jawatankuasa khas tersebut dalam peringkat akhir menghalusi garis panduan menyeluruh mengenai program penyiaran televisyen sebagai dokumen rujukan utama untuk badan-badan penyiaran dalam menyiarkan kandungan bagi tontonan awam. Mengenai isu penggunaan bahasa Malaysia, stesen TV di Malaysia digalakkan menyiarkan filem-filem tempatan sebagai usaha untuk menggalakkan perkembangan industri kandungan tempatan. Malah syarat lesen juga telah memperuntukkan siaran kandungan tempatan melalui penggunaan bahasa Malaysia iaitu sebanyak 60% adalah tidak benar sama sekali dengan kenyataan bahawa stesen-stesen TV swasta di Malaysia menyiarkan 60% filem dari luar.

Secara purata, peratusan tayangan kandungan dalam bahasa Malaysia melalui stesen-stesen TV swasta semakin meningkat dari setahun ke setahun dan sudah melepasi syarat 60% kandungan dalam bahasa Malaysia. Berdasarkan pemantauan dan pengauditan pada tahun 2006 yang dilaksanakan oleh SKMM, didapati purata peratusan penggunaan bahasa Malaysia bagi stesen-stesen TV swasta tidak berbayar secara keseluruhan melebihi 60%.

Pendekatan kawal selia yang diambil perlu mengambil kira kos penerbitan yang tinggi dan kekurangan kandungan tempatan berbanding kandungan dari negara luar. Bagi beberapa stesen TV swasta yang belum mematuhi syarat lesen mengenai penggunaan bahasa Malaysia, usaha-usaha sedang dipertingkatkan bagi memastikan supaya dasar tersebut dipatuhi di samping memastikan kelangsungan operasi stesen-stesen tersebut yang pernah mengalami kesulitan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, kandungan siaran TV pada masa ini mempunyai banyak kepelbagaian dan memenuhi cita rasa setiap golongan. Stesen-stesen TV tidak terhad kepada setiap golongan. Stesen-stesen TV tidak terhad kepada siaran yang bercorak hiburan semata-mata, tetapi juga meliputi aspek-aspek pembangunan kekeluargaan, pendidikan, integrasi nasional, kemanusiaan dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, stesen-stesen penyiaran swasta adalah tertakluk kepada syarat lesen yang memperuntukkan siaran berita sekurang-kurangnya 30 minit pada jam 8.00 malam. Waktu perdana yang diterima pakai oleh semua badan penyiaran awam dan swasta ialah dari jam 8.00 malam hingga 10.00 malam.

Waktu perdana dikhususkan untuk siaran berita dan juga rancangan-rancangan yang berformat pendidikan, pengetahuan dan pembangunan insan. Isu-isu berkaitan siaran ASTRO. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Ismail Kasim, Senator Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain, Senator Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae, Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir, Senator Wan Ubaidah binti Omar membangkitkan isu kenaikan yuran langganan ASTRO, hak eksklusif dan kandungan siaran ASTRO. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian mengambil perhatian dengan kenaikan yuran langganan yang dikenakan oleh ASTRO baru-baru ini dari RM5 hingga RM15.

Kenaikan yuran langganan ini adalah berasaskan perkiraan komersial berdasarkan kos pengeluaran dan pelaburan yang dilaksanakan oleh ASTRO meliputi penambahan saluran rancangan dan peningkatan kos hak penyiaran program sukan luar negara. Walau bagaimanapun pengguna mempunyai pelbagai pakej pilihan siaran yang merangkumi pelbagai jenis rancangan dan kini mempunyai pilihan untuk melanggan pakej asas pada kadar RM37.95 sebulan. Pada masa ini kerajaan belum bercadang untuk mengawal yuran langganan yang dikenakan oleh ASTRO kerana perkhidmatan yang ditawarkan adalah jenis perkhidmatan TV berbayar berdasarkan prinsip-prinsip permintaan dan penawaran selaras dengan prinsip SKMM 1998.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ASTRO telah diberi hak eksklusif melalui lesen penyiaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Penerangan pada tahun 1997 sebagai badan penyiaran satelit di Malaysia untuk tempoh masa 25 tahun. Selain dari perkhidmatan TV berbayar yang ditawarkan oleh ASTRO kerajaan juga membenarkan siaran perkhidmatan TV swasta bebas ke udara secara percuma. Stesen-stesen TV awam dan juga stesen-stesen TV swasta tidak dihalang bagi menyiarkan program-program popular seperti mana yang disiarkan oleh ASTRO. Dalam pada itu selain daripada teknologi satelit terdapat beberapa teknologi baru seperti Next Generation Network atau NGN yang akan memberi pilihan kepada pengguna bagi perkhidmatan siaran TV berbayar seperti IP TV dan perkhidmatan *video on demand*.

Pihak SKMM juga telah mengeluarkan dua lesen pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan untuk TV berbayar iaitu MITV Corporation Sdn. Bhd. dan Network Guidance Sdn. Bhd., Fine TV agar terdapat persaingan sihat dalam pasaran siaran televisyen berbayar. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan gangguan siaran ASTRO yang disebabkan oleh masalah teknikal kesan daripada gangguan semasa hujan lebat, petir. Masalah ini tidak dapat dihapuskan sama sekali di dalam operasi penyiaran satelit. Walau bagaimanapun, usaha berterusan sedang dijalankan oleh pihak ASTRO untuk mengurangkan gangguan tersebut dan sehingga kini telah mampu mencapai keupayaan transmisi sebanyak 99.85%.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik ...

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Minta laluan Yang Berhormat.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Silakan.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua saya tertarik dengan penjelasan Yang Berhormat tadi tentang ASTRO. Apakah kementerian tidak boleh mengawasi tentang kenaikan yuran ASTRO ini? Kalau kita lihat daripada segi iklan, ASTRO juga mengenakan iklan dan begitu juga dengan yuran. Jadi kalaulah dikenakan iklan dengan yuran, apakah di Astro tidak dapat keuntungan maka terpaksa menaikkan yuran? Apakah ini ertinya kenaikan yuran tidak membebankan rakyat? Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat, adakah kementerian tidak dapat mengawasi Astro ini? Terima kasih.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebagaimana yang telah saya jelaskan, perkhidmatan adalah merupakan satu perkhidmatan TV berbayar yang merupakan satu permintaan dan satu penawaran yang mana perlu dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Walau bagaimanapun bagi pihak kementerian, kita meminta Astro supaya mengadakan lebih banyak pakej-pakej kecil yang mana mungkin merupakan siaran-siaran berita yang ingin ditonton atau didengar oleh ramai lagi masyarakat di negara ini. Berhubung dengan Astro, mereka diberi syarat lesen eksklusif sebagaimana yang saya nyatakan tadi di bawah Kementerian Penerangan pada ketika lesen ini diberikan satu ketika dulu.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik mengenai isu-isu syarikat Astro berkemungkinan dijual kepada pihak asing apabila ianya telah mencapai status syarikat gergasi, pada masa ini kementerian tiada maklumat mengenai perkara ini dan akan diteliti apabila isu ini berbangkit.

Program merapatkan jurang digital antara kawasan bandar dengan luar bandar serta penetrasi pemilikan komputer peribadi. Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad mencadangkan supaya jurang IT *digital divide* di kalangan masyarakat bandar dan luar bandar dirapatkan dan berharap penetrasi penggunaan komputer peribadi (PC) di luar bandar ditingkatkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyediaan infrastruktur komunikasi seperti talian telefon komputer dan talian internet di kawasan luar bandar adalah bertujuan bagi merapatkan jurang digital antara penduduk bandar dan luar bandar agar setiap lapisan rakyat berpeluang menikmati kemajuan ICT di negara ini.

Kementerian ini akan terus berusaha untuk melaksanakan program-program merapatkan jurang digital seperti Projek Pemberian Perkhidmatan Sejagat, Universal Service Provision dan Program Internet Desa. Melalui program-program ini, kementerian membangunkan pusat-pusat ICT komuniti di luar bandar yang dikenali sebagai Tele-centre. Sebanyak 42 Pusat-pusat Internet Desa (PID) telah dilaksanakan di pejabat-pejabat pos, 359 Tele-centre Komuniti di klinik-klinik desa serta 510 di perpustakaan-perpustakaan desa.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, sebanyak 300 lokasi baru Tele-centre akan dibangunkan di perpustakaan-perpustakaan desa. Setiap Tele-centre tersebut disediakan dengan kemudahan ICT, internet, latihan ICT dan aplikasi disediakan secara percuma untuk menggalakkan penduduk di kawasan luar bandar berpeluang menikmati perkembangan ICT.

Melalui Projek Rangkaian SchoolNet pula, kementerian ini bersama-sama Kementerian Pelajaran telah menyediakan kemudahan internet jalur lebar kepada semua sekolah bantuan kerajaan di seluruh negara. Dengan pelaksanaan projek ini, diharapkan setiap murid-murid dan guru-guru berpeluang menikmati perkembangan ICT dan internet untuk digunakan dalam sesi pembelajaran dan pengajaran yang lebih cekap dan berkesan.

Kementerian mengambil pendekatan menyelarkan pembangunan Tele-centre dengan lain-lain kementerian seperti Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang melaksanakan Program InfoDesa serta kerajaan negeri dalam melaksanakan pusat-pusat Tele-centre di kawasan-kawasan luar bandar. Kementerian berharap dengan pelaksanaan Tele-centre yang meluas, ia akan dapat memberi peluang kepada komuniti luar bandar menikmati kemudahan ICT seterusnya meningkatkan kadar penetrasi pemilikan komputer di rumah-rumah.

Kementerian juga akan terus menyokong inisiatif mana-mana agensi termasuk sektor swasta dalam usaha meningkatkan tahap pemilikan komputer. Contohnya inisiatif Telekom

Malaysia melalui Program EZ 2 Own Broadband PC amatlah disokong kerana program ini menawarkan komputer dan internet dengan harga yang berpatutan.

Selain itu strategi My ICMS 886 yang diterajui oleh kementerian ini juga turut menumpukan usaha untuk mempertingkatkan kadar pemilikan komputer dan langganan jalur lebar melalui Kempen One Home, One Internet Access dengan sasaran sebanyak 90% isi rumah akan mempunyai akses internet pada tahun 2010.

Seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Wan Ubaidah binti Omar tentang penyalahgunaan internet iaitu capaian kepada lama-laman web lucah, pornografi dapat dibendung melalui kemudahan perisian penapisan kandungan internet yang boleh dilanggan dari pemberi perkhidmatan seperti dengan izin XBlocker dan TM Net kepada pengguna dengan kadar yuran bulanan yang rendah. Ini merupakan inisiatif yang boleh diambil oleh individu dalam membendung capaian ke laman-laman dan *pop-up box* laman-laman web lucah dan pornografi.

Sebagai langkah jangka panjang, kementerian ini dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menganjurkan program kesedaran dan pendidikan mengenai penggunaan internet secara positif.

Isu *blog*, Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Lee Chee Keong meminta supaya media elektronik termasuk *blogger* agar mengurangkan berita yang tidak berasas yang boleh mengurangkan perpaduan antara kaum. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, media elektronik swasta dikawal siaran kandungan melalui peruntukan syarat-syarat lesen dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Antara kandungan yang dilarang melalui syarat lesen ialah kandungan yang mengganggu sensitiviti bangsa atau agama di dalam negara ini, kandungan yang bertentangan dengan nilai-nilai moral dan kebudayaan masyarakat Malaysia.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memantau kandungan media elektronik swasta dan menyiasat aduan terhadap kandungan yang disiarkan. Secara amnya penyalahgunaan kemudahan internet yang menggalakkan rakyat untuk menentang kerajaan boleh didakwa di bawah Akta Hasutan 1948.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja penjelasan yang dapat saya beri ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Saya berjanji bahawa kementerian akan sentiasa mengambil perhatian terhadap sebarang teguran dan pandangan yang membina dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menangani semua masalah yang berkaitan dengan kepentingan orang ramai. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

**4.57 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ng Lip Yong]:**

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan pandangan yang membina mengenai perkara-perkara yang ada hubung kait dengan bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) semasa perbahasan Titah Ucapan Diraja. Izinkan saya memberi jawapan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Yang Berhormat Senator Datuk Jins Shamsudin telah membangkitkan isu supaya MITI berperanan dengan membawa bersama penerbit filem tempatan dalam misi perdagangan di luar negara bagi mempromosikan filem-filem Malaysia di pasaran antarabangsa. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri amat mengalu-alukan penyertaan semua sektor barangan dan perkhidmatan di dalam semua misi galakan perdagangan dan pelaburan yang dianjurkan oleh kementerian. Selain daripada itu, MITI juga amat menggalakkan penyertaan pihak swasta di dalam pameran-pameran perdagangan peringkat antarabangsa yang disertai oleh Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, jadual misi galakan perdagangan dan pelaburan tahunan ada dipamerkan di laman web MITI serta agensi-agensi seperti MATRADE dan MIDA.

Penerbit-penerbit filem yang berminat boleh mendaftarkan diri untuk mengambil bahagian di dalam misi yang diingini. Bagi tahun ini, MITI akan mengadakan sembilan lagi misi ke luar negara. Jika penerbit-penerbit filem tempatan mendapati misi galakan perdagangan dan pelaburan ini tidak bersesuaian bagi tujuan promosi filem-filem tempatan, mereka boleh menghubungi MATRADE untuk mengatur program-program promosi khas seperti penyertaan dalam pameran-pameran antarabangsa yang berkaitan yang berkaitan dan mengadakan mesyuarat perniagaan dua hala dengan pihak-pihak luar negara yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Senator Tuan Tay Puay Chuan menyentuh tentang isu pelaburan asing di Malaysia khususnya dari negara China. Bagi tempoh tahun 2000 sehingga 2006, jumlah pelaburan asing dari negara China dalam projek perkilangan yang diluluskan adalah bernilai RM3,620 juta. Antara sektor yang menerima pelaburan terbesar dari China adalah produk logam asas, kimia dan produk kimia, kayu dan produk kayu, kelengkapan pengangkutan dan produk elektrik dan elektronik.

Antara langkah-langkah spesifik yang diambil oleh kerajaan untuk menarik pelaburan dari China adalah mengadakan misi pelaburan dan perdagangan ke China. Bagi tahun 2007, misi pelaburan dan perdagangan ke Shanghai, Beijing, Guangzhou, yang merupakan pusat kewangan terbesar China, akan diadakan dari 24 sehingga 31 Mei 2007 atau hujung bulan ini.

Objektif misi ini adalah untuk menarik lebih ramai pelabur China melabur di Malaysia dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Antara sektor perkilangan yang di kenal pasti berpotensi adalah peralatan mesin, mesin pembungkusan, mesin automasi kilang dan robotik,

dan mesin pemrosesan khas, membantu mengendalikan seminar pelaburan di peringkat negeri atau *provincial* di China

Mengenal pasti dan menghubungi syarikat China yang berpotensi di dalam sektor yang disasarkan untuk dimaklumkan tentang peluang pelaburan di Malaysia dan memberi khidmat nasihat kepada ahli pelaburan China berkenaan polisi pelaburan, insentif, peraturan dan prosedur yang diguna pakai di Malaysia.

Selain daripada itu, pakej galakan cukai yang di sediakan untuk Wilayah Pembangunan Iskandar turut menjadi faktor untuk menarik pelabur dari luar dan pelabur dari China khususnya untuk melabur di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, sekian saja penjelasan yang ingin saya berikan kepada beberapa isu penting yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Pertahanan.

#### **5.02 ptg.**

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada dua Ahli Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih Ttuh Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah menyentuh bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Pertahanan.

Yang Berhormat Senator Puan Mumtaz binti Md. Nawawi, mencadangkan supaya pengasingan kem Program Latihan Khidmat Negara antara pelatih lelaki dan perempuan, kajian mengenai cadangan ini sedang dijalankan melibatkan jurulatih PLKN para pelatih dan masyarakat secara keseluruhan untuk mendapat pandangan dan pendapat mereka berkenaan cadangan pengasingan kem mengikut jantina.

Hasil kajian yang dijalankan seterusnya akan dicadangkan dan dikemukakan kepada mesyuarat Majlis Lembaga Latihan Khidmat Negara untuk pandangan sewajarnya sebelum kementerian ini membuat keputusan.

Untuk pengetahuan, PLKN ini tidak dapat pada awal dulu, masyarakat bantah mengenai adanya kem yang bersama lelaki dan perempuan, kerana ini adalah berterusan daripada latihan yang telah kita asaskan di sekolah rendah dan sekolah menengah. Oleh itu, sehingga kini kita tidak dapat melihat keseluruhannya adakah perlu dan bagaimana kita hendak mengadakan perbelanjaan tambahan bagi kita mengadakan pecahan jantina seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Armani binti Haji Mahiruddin meminta pihak ATM meningkatkan pengawalan perairan di Sabah. Sukacita di nyatakan di sini bahawa Angkatan Tentera Malaysia sentiasa membantu pihak-pihak penguatkuasaan yang lain untuk mempertingkatkan pengawalan di perairan Sabah pada setiap masa. Tentera Laut Diraja Malaysia telah mengatur gerak, dua buah kapal dan dua buah bot tempur dalam operasi di

Sabah Timur, merangkumi perairan dari Tawau dan Kudat, dua buah kapal di perairan Gugusan Semarang, peninjau Laut China Selatan dan sebuah kapal di Laut Sulawesi.

Manakala Tentera Udara Diraja pula membuat rondaan maritim di perairan Laut China Selatan sebanyak dua kali seminggu dan di perairan Sabah Timur sebanyak empat kali seminggu.

Sementara itu, tentera darat pada sebarang masa...[*Gangguan rakaman*] troop ataupun anggota kita di dua puluh penempatan di perairan ataupun di persisiran pantai dan pulau-pulau di Sabah Timur. Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang telah dibangkitkan, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

#### 5.06 ptg.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Mohd. Sharif bin Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu yang ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada lapan orang Ahli Senator iaitu; Senator Puan Heng Seai Kie, Senator Tuan Ahmad bin Husin, Senator Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae, Senator Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad, Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir, Senator Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed, Senator Siw Chun a/p Eam dan Senator Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor yang telah bangun berucap dan menyentuh isu-isu berkaitan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani baru-baru ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang juga turut mengambil bahagian dalam membahaskan isu-isu dalam sektor pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Puan Heng Seai Kie menyentuh mengenai isu tempoh pajakan tanah untuk projek pertanian dan konsep Taman Kekal Pengeluaran Makanan yang dicadangkan diperluaskan skopnya ke kawasan yang strategik dan merangkumi pekebun kecil tanpa mengira kaum dan agama. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, TKPM diwujudkan bagi mencapai hasrat kerajaan untuk mengadakan kawasan pengeluaran makanan yang kekal. Ianya dilaksanakan melalui memorandum dengan izin, *memorandum of understanding* di antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan, di mana kerajaan negeri mewartakan kawasan dan kerajaan pusat menyediakan peruntukan untuk membangunkan kawasan yang berkenaan.

Sebenarnya Taman Kekal Pengeluaran Makanan mula dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan dengan jumlah keluasan yang telah dibangunkan seluas 2,424 hektar dan melibatkan pengusaha seramai 338 orang, yang terdiri daripada belia, usahawan dan pihak swasta. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, seluas 3,338 hektar lagi akan dibangunkan menjadikan jumlah keseluruhan kawasan dibangunkan dalam tempoh tersebut adalah 5,764

hektar dengan melibatkan seramai 1,172 pengusaha yang akan menjana pengeluaran sebanyak 407,117 tan dengan nilai pengeluaran sebanyak RM468 juta.

Perlaksanaan program ini melibatkan penyertaan pihak swasta dan usahawan yang bertindak sebagai *anchor company*, penglibatan *anchor company* di dalam Taman Kekal Pengeluaran Makanan adalah teraju kepada peserta lain terutamanya dari segi pemasaran dan pengalaman teknologi terkini. Ini adalah bertujuan untuk menyokong pembangunan pertanian secara komersial dan berskala besar dan seterusnya mencapai sasaran pendapatan bersih sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan. Pemilihan peserta adalah terbuka tanpa mengira kaum dan agama melalui temu duga, tempoh pajakan program ini bergantung kepada komitmen dan prestasi yang ditunjukkan para peserta.

*Anchor company* juga menyediakan khidmat perundingan, khidmat kepakaran teknikal serta pinjaman dengan pendekatan MOA kepada peserta Taman Kekal Pengeluaran Makanan. Peserta digalakkan mengamalkan pertanian baik di bawah skim-skim persijilan akreditasi seperti Sijil Akreditasi Ladang Malaysia, Sijil Organik Malaysia supaya pengeluaran hasil adalah berkualiti dan selamat dimakan.

Bagi memastikan para peserta tidak menggunakan racun perosak secara berlebihan, Jabatan Pertanian selaku jabatan yang menguatkuasakan Akta Racun Makhluk Perosak 1974 mempunyai program pemantauan sisa baki racun perosak di peringkat ladang secara berjadual manakala bagi Kementerian Kesihatan pula menjalankan analisis ke atas *sample* sayur-sayuran di pasaran. Kementerian ini sentiasa menjalankan kempen-kempen kesedaran penggunaan racun. Di samping itu pihak kementerian turut mempromosikan amalan pertanian baik, di mana para peserta didedahkan kepada penggunaan racun perosak untuk mengawal tanaman secara berhikmah di kebun-kebun mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Husin membangkitkan mengenai penggunaan benih padi sah untuk para petani di kawasan Lembaga Pertubuhan Peladang dan BERNAS bagi meningkatkan pengeluaran yang tinggi dan supaya tidak ada kekeliruan yang berlaku. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian telah membuat keputusan supaya penanam padi di Malaysia menggunakan benih padi sah sepenuhnya mulai musim pertama tahun 2009. Bagi merealisasikan keputusan tersebut, kementerian telah mengenal pasti dan melantik empat pengeluar benih padi sah untuk mengeluarkan sebanyak 74,500 tan metrik benih padi sah yang diperlukan menjelang tahun 2009. Pengeluar-pengeluar yang telah dikenal pasti ialah Jabatan Pertanian, BERNAS, Pertubuhan Peladang kawasan Lahar Bubu, FELCRA Plantation Berhad.

Selain daripada berfungsi sebagai pengeluar padi sah adalah menjadi tanggungjawab Jabatan Pertanian untuk membuat pengesahan terhadap benih padi yang dikeluarkan oleh pengeluar-pengeluar yang telah dikenal pasti. Untuk mengeluarkan benih padi sah, pengeluar-pengeluar hanya boleh memperoleh benih padi asas daripada MARDI dan peningkatan

pemeriksaan oleh pihak yang membuat pemeriksaan perlu diikuti sehinggalah benih-benih padi sah dapat dikeluarkan dan petani-petani pula hanya boleh membeli benih-benih padi sah daripada pengeluar-pengeluar yang telah dilantik sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae membangkitkan mengenai persediaan pihak kementerian dalam memperkasa sektor agro makanan dan hab halal dunia. Sebenarnya sektor agro makanan berpotensi untuk dimajukan sebagai pemacu tumbuhan ekonomi negara yang baru. Usaha akan diteruskan untuk mentransformasikan sektor ini menjadi satu industri yang komersial, moden dan berdaya saing seperti mana yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Pihak kementerian telah bersedia majukan sektor ini melalui pelaksanaan projek-projek dengan berlandaskan strategi-strategi yang dirangka seperti berikut:

- (i) meningkat produktiviti pengeluaran makanan pertanian melalui pemindahan teknologi terkini di kalangan petani, penternak dan nelayan;
- (ii) menarik penyertaan usahawan dan pelabur swasta bagi komersialkan pengeluaran makanan pertanian;
- (iii) mengamalkan *agriculture practices* supaya hasil pertanian yang dikeluarkan menepati kehendak dewan antarabangsa seperti Hazard Analysis dan Critical Control Point, Codex dan Euro Gap;
- (iv) meningkatkan sistem penyampaian dan khidmat sokongan seperti pembinaan infrastruktur termasuk pengairan dan saluran, pusat pengumpulan, kemudahan pasca tuai dan rumah sembelih daging, bimbingan teknikal dan perkembangan, rangkaian bilik sejuk dan kemudahan-kemudahan lain;
- (v) meningkatkan kemahiran masyarakat tani melalui program perkembangan dan latihan termasuk perkembangan modal insan;
- (vi) menambah laluan pasaran bagi meningkatkan eksport keluaran pertanian dan menerokai pasaran baru;
- (vii) meningkatkan infrastruktur dan kemudahan logistik bagi menyokong produktiviti yang tinggi.

Kementerian juga telah merangka strategi dan program bagi melaksanakan beberapa projek kewajaran besar dalam usaha memodenkan dan menjanakan tumbuhan sektor agro makanan. Projek-projek ini termasuklah Zon Industri Akuakultur, Pusat Feedlot Nasional, Taman Kekal Pengeluaran Makanan, Pembangunan Usahawan Industri Tani dan Pembangunan Ladang Kontrak.

Inisiatif untuk menjadikan Malaysia sebagai hab halal dunia melibatkan usaha dari pelbagai kementerian termasuk juga pihak swasta. Pihak kementerian kini bersama-sama menyumbang usaha untuk membangunkan Malaysia sebagai hab halal dunia. Pengeluaran produk makanan halal akan terus digalakkan oleh pihak kementerian untuk merebut peluang daripada potensi pasaran eksport halal yang luas dengan mempertingkatkan kaedah pemprosesan dan pembungkusan produk-produk keluaran berasaskan daging, ikan dan tanaman.

Selaras dengan usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab halal dunia, pihak kementerian sedang menjalankan kajian yang dapat memberikan gambaran mengenai potensi Malaysia untuk menjadi hab makanan halal antarabangsa. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, usaha untuk menubuhkan beberapa taman makanan halal yang baru telah dikenal pasti yang bertujuan untuk mempertingkatkan hasil produk makanan halal yang memenuhi piawaian halal dan standard antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Saripah Aminah binti Syed Mohamed mencadangkan agar Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) membantu siswazah yang menganggur dan menarik minat mereka ke dalam sektor pertanian dan apakah rancangan yang diambil. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Disember 2006, seramai 5,777 orang usahawan tani telah diwujudkan di bawah Program Pembangunan Usahawan Peladang. LPP juga telah mewujudkan 24 orang usahawan di kalangan siswazah menganggur di bawah Program Pembangunan Usahawan Peladang yang telah melaksanakan sebanyak 10 projek tanaman, lima projek ternakan, lima projek ternakan air dan empat projek pemprosesan. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, program ini diteruskan dan sebanyak 10,000 orang usahawan peladang akan diwujudkan sebagai pemangkin kepada Program Memodenkan dan Transformasi Sektor Pertanian. Program ini akan terus memberi peluang kepada siswazah menganggur bagi menceburi diri dalam Program Pembangunan Usahawan Peladang melalui pendekatan usahawan baru, usahawan mentor dan usahawan mentee.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya mengucapkan terima kasih atas semua pandangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad, Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Kasim dan Yang Berhormat Senator Datuk Yaakob bin Haji Mohammad terhadap peranan kementerian dan FAMA dari segi pemasaran hasil pertanian negara yang dikatakan kurang berdaya saing berbanding Singapura. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian saya sedar dan telah menyediakan rancangan serta tindakan yang agresif untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Pendekatan *contract farming* sebenarnya merupakan kaedah yang memanfaatkan petani bagi membolehkan mereka berdaya saing dalam pasaran global. Ia telah dilaksanakan oleh *multinational company* serta diiktiraf oleh FAO sebagai satu pendekatan yang cekap dan berkesan. Oleh yang demikian dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan pendekatan

*contract farming* akan dilaksanakan sebagai *high impact* projek yang dipantau di bawah *National Implementations Directorate*. Kementerian menyasarkan penglibatan seramai 22,243 peserta dan keluasan 35,926 hektar kawasan akan dibangunkan bagi usaha ini.

Bagi penekanan kepentingan *value added* dalam pertanian kementerian saya memang menyedarinya. Susulan daripada itu kementerian ini telah ditukar daripada Kementerian Pertanian kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan telah mewujudkan bahagian industri asas tani untuk membangunkan usahawan industri berasaskan pertanian dengan seramai 10,000 usahawan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan. Ia mengambil pendekatan bagi meningkatkan pendapatan petani, penternak dan nelayan serta kualiti produk yang dihasilkan bagi menembusi dan meningkatkan pasaran domestik dan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai peningkatan kualiti hasil pertanian, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memang mengambil inisiatif agresif melalui penggunaan penjenamaan *Malaysia Best* secara lebih meluas. Bagi produk pertanian segar, FAMA telah melaksanakan program memperbaiki amalan lepas tuai melalui penggredan, pembungkusan, pelabelan dan penjenamaan. Melalui kaedah ini produk-produk dapat dijual dengan harga premium yang melebihi 15% dari harga produk biasa. Setakat ini seramai 18 orang pengusaha telah diiktiraf dan layak mendapat penjenamaan *Malaysia Best*.

Bagi memastikan amalan lepas tuai diterapkan sebagai budaya dan amalan berterusan, FAMA juga sedang dalam proses untukewartakan peraturan penggredan, pembungkusan dan pelabelan. Bagi produk asas tani, FAMA juga menyediakan program mempertingkatkan persembahan produk dan penjenamaan bagi produk PKS yang melibatkan aktiviti yang meliputi reka bentuk, analisa produk dan khidmat nasihat persembahan produk. Usaha-usaha ini akan membolehkan produk PKS memasuki pasaran yang lebih luas. Seramai 2,000 orang PKS telah mendapat manfaat daripada usaha ini.

FAMA juga telah memilih produk berpotensi dan dijenamakan di bawah jenama Agromas dan Olymas bagi membolehkan produk-produk usahawan kecil dan sederhana memasuki pasar raya atau *hypermarket*. Setakat ini sebanyak 36 jenis produk dengan 60 *stock keep in unit* dengan nilai RM200 juta telah dipasarkan. Selain itu, FAMA juga mengaturkan pasaran bagi produk-produk ini untuk dijual di pasar tani, karnival jualan di peringkat negeri dan daerah, program konsesi dan *outlet-outlet* promosi.

Seramai 2,000 usahawan telah menerima perkhidmatan dari FAMA melibatkan nilai jualan sebanyak RM320 juta pada tahun 2006. Secara purata usahawan di bawah FAMA telah menunjukkan peningkatan jualan iaitu dari RM5,000 sebulan pada tahun 2005 kepada RM12,600 sebulan pada tahun 2006 hasil daripada perkhidmatan yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, FAMA dalam Rancangan Malaysia Kesembilan difokuskan untuk membantu petani-petani kecil. Petikan daripada Buku

RMK-9, bab tiga, menyebut FAMA akan memberi tumpuan dalam membantu pemasaran keluaran pertanian oleh petani dan usahawan kecil serta melaksanakan fungsi kawal selia. 80% aktiviti FAMA ditumpukan untuk membantu petani-petani kecil yang tidak tersusun, tidak ekonomi dan tidak komersial. Ini adalah tugas yang amat mencabar bagi meningkatkan pendapatan mereka dan mendekatkan jurang perbezaan sosioekonomi antara bandar dan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad dan Senator Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor mengenai MARDI perlu mempromosikan *variety* baru dan paten-paten baru kepada petani adalah seiring dengan fungsi, misi dan matlamat kementerian di mana segala hasil penemuan penyelidikan yang terbaik sentiasa dipromosi, dipindah dan dipastikan, diguna pakai oleh kumpulan sasaran melalui agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian, Lembaga Pertubuhan Peladang, FAMA dan lain-lain agensi.

MARDI memindah dan mempromosikan hasil penemuan penyelidikan seperti *variety-variety* baru kepada kumpulan sasaran dengan memberi khidmat sokongan teknikal kepada agensi dan jabatan kerajaan yang terlibat dalam projek pembangunan pertanian. Sebagai contoh, MARDI telah mengisytiharkan *variety* baru padi berhasil tinggi seperti MR 219, MR 220, MR 232 dan padi berkualiti tinggi MRQ 50 dan MRQ 74. Begitu juga *variety* buah-buahan baru seperti Betik Eksotika 2 dan Nanas Maspine.

MARDI juga mempromosikan dan memindah teknologi melalui beberapa kaedah seperti program pembangunan usahawan, skim anak angkat MARDI, inkubator, *test paid*, peningkatan skala teknologi, perintis teknologi dan ladang contoh.

Bagi teknologi yang dipatenkan oleh MARDI, kebiasaannya teknologi tersebut dikomersialkan melalui pelesenan kepada syarikat tempatan seperti telur omega-3, mesin pemprosesan makanan dan lain-lain. Bagi bioteknologi pertanian, beberapa teknologi telah dibangunkan dan diguna pakai oleh pengusaha seperti tisu kultur pisang, orkid nanas, teknologi...

**Tuan Ismail bin Husin:** Penjelasan. Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya Yang Berhormat berhubung dengan benih padi. Adakah kawalan dibuat terhadap penghasilan benih? Kerana apa yang saya difahamkan menerusi rungutan yang dibuat oleh petani terhadap PPK di mana setiap kali masa menanam padi, benih-benih padi ini sebenarnya tidak mencukupi dalam pasaran, maksud saya benih yang bermutu. Jadi adakah Jabatan Pertanian, MARDI ataupun BERNAS ataupun mana-mana pihak dapat mengawal benih yang berkualiti tinggi untuk memastikan kerana daripada benih inilah kita akan dapat meningkatkan produktiviti hasil ketika musim menuai nanti. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Terpulang kepada Yang Berhormatlah. Yang Berhormat hendak *rewind* atau tidak. *Rewind*, gostan...gostan.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua. Mengenai dengan benih padi, salah satu faktor yang menentukan kepada peningkatan hasil padi. Salah satunya adalah

benih padi yang berkualiti. Oleh sebab tersebut, kementerian telah mengenakan satu peraturan baru di mana mulai musim pertama tahun 2009, semua petani-petani dimestikan menggunakan benih padi sah, bukan benih padi cap sah. Bermakna dengan izin *certificate feeds* yang dikeluarkan oleh syarikat tadi termasuk Jabatan Pertanian, termasuk Lembaga Pertubuhan Peladang sebab syarikat ini akan mengeluarkan benih padi yang mencukupi supaya ia selaras dengan matlamat kita untuk meningkatkan taraf tahap sara diri (SSL) daripada 70% sekarang ini menjadi 90% pada akhir Rancangan Malaysia Kesembilan. Jadi benih yang sah itu, yang dijamin berkualiti, yang rintang kepada penyakit, yang boleh mengeluarkan hasil yang tinggi, benih itu yang akan diguna oleh petani-petani kita nanti. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sebab tadi itu cuba berseloroh sebab saya bersimpati kepada Yang Berhormat. Bukan mudah Yang Berhormat hendak cari balik Yang Berhormat baca tadi itu. Yang banyak-banyak muka surat itu.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Dato' Musa Haji Sheikh Fadzir mengemukakan isu penswastan MITP di Batu Maung Pulau Pinang oleh LKIM dan dianggap merugikan wang kerajaan dan membebankan rakyat terutamanya nelayan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, konsep penswastan projek kerajaan ialah membenarkan, membiayai dan mengendalikan projek tersebut secara komersial di samping memastikan liabilitinya.

Walaupun Pelabuhan Perikanan MITP di Batu Maung telah diswastakan, pihak LKIM tidak mengabaikan golongan nelayan tempatan di Batu Maung agar mereka terus menerima faedah dan mereka tidak dipinggirkan.

Penetapan struktur ekuiti syer empat puluh, enam puluh adalah keputusan yang dicapai dalam rundingan antara syarikat swasta dengan pihak pelaksanaan penswastan iaitu Unit Perancang Ekonomi bagi pihak kerajaan. Keputusan yang dicapai mengambil kira ekuiti LKIM yang dijanakan dari tanah dari kawasan konsesi serta faktor risiko yang akan ditanggung oleh syarikat dan kerajaan.

Isu pembiayaan LKIM sebanyak 40% faedah bank bagi pinjaman penyambung, dipersetujui sebelum syarikat usaha sama MITP diwujudkan. Rasional bayaran tersebut ialah untuk melaksanakan pembinaan fasal satu Kompleks Pendaratan Tuna Batu Maung. Pembiayaan tersebut diimbuh semula oleh MITP.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Siw Chun membangkitkan persediaan kerajaan dalam melaksanakan...

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Laluan Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Beri laluan.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang ia merugikan nelayan Yang Berhormat, sebab kita lihat pada hari ini, kalau dulu persatuan nelayan

tidak dikenakan bayaran tetapi hari ini persatuan nelayan ini dikenakan tiap-tiap bayaran. Kalau dulu perbelanjaan persatuan nelayan ini hanya tiga ribu ringgit sebulan. Hari ini sampai empat puluh ribu ringgit. Jadi sudah tentulah ini akan merugikan nelayan Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat dan baru-baru ini pihak MITP sendiri telah menghantar satu notis mengatakan bahawa persatuan nelayan kena bayar sehingga lima ratus ribu ringgit. Bermakna tidak sampai dua tahun, kena bayar lima ratus ribu ringgit.

Jadi apakah konsep ini menguntungkan nelayan? Jadi saya berharap Yang Berhormat, perkara ini perkara yang begitu serius. Saya mintalah kalau dulu menteri boleh melancarkan projek ini di Kompleks LKIM, saya minta menteri turun padang, jumpa nelayan dan selesaikan masalah ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Puan Chun membangkitkan persediaan kerajaan dalam melaksanakan cita-cita negara, corak pertanian tradisional kepada pertanian moden, permintaan terhadap bekalan beras negara dan R&D yang dijalankan oleh MARDI. Untuk Ahli Yang Berhormat, kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memang bersedia untuk melaksanakan cita-cita negara dalam mentransformasikan sektor pertanian yang lebih maju.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan telah diperuntukkan siling pembangunan sebanyak RM6.96 bilion. Ini merupakan lebih 70% daripada siling keseluruhan yang diluluskan bagi sektor pertanian sebanyak RM11.5 bilion. Ini merupakan siling yang paling besar, yang pernah diagihkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Siling besar ini mencerminkan satu tanggungjawab yang berat dan amat mencabar, kerana kita akan memajukan sektor agro makanan ini sebagai enjin pertumbuhan ekonomi negara selepas sumbangan sektor perkilangan dan perkhidmatan. Memandangkan tahap sara diri *self-sufficiency level*, dengan izin bagi keperluan beras negara pada masa kini pada kadar 72%. Negara masih mengimport kira-kira 38% beras daripada luar bagi menampung keperluan domestik.

Kerajaan adalah positif terhadap peningkatan pengeluaran beras negara, walau pun jumlah peningkatan tersebut masih kecil namun peningkatannya adalah konsisten. Kerajaan telah menasaskan tahap sara diri dalam pengeluaran beras kepada 90% pada tahun 2010. Oleh yang demikian bagi mencapai matlamat tersebut, kerajaan telah menyediakan berbagai-bagai bantuan bagi membantu dan memotivasikan pesawah-pesawah untuk meningkatkan pengeluaran padi mereka. Antaranya ialah pemberian subsidi harga padi, skim baja padi Kerajaan Persekutuan dan baru-baru ini kerajaan telah melancarkan dua insentif baru, iaitu insentif peningkatan hasil dan insentif pengeluaran padi.

Selain itu, pihak kerajaan telah menetapkan penggunaan benih padi sah sepenuhnya bagi penanaman padi bermula musim pertama 2009. Tujuan penggunaan benih padi sah

berkenaan adalah untuk menjamin pengeluaran padi yang lebih tinggi, berkualiti dan mempunyai daya tahan yang tinggi terhadap penyakit padi seperti penyakit karah.

Yang Berhormat Senator Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor menyentuh berkenaan pinjaman Bank Pertanian Malaysia, kepada petani yang memerlukan cagaran dan kerendah birokrasi mendapat pinjaman daripada Bank Pertanian Malaysia.

BPM membantu pembangunan sektor pertanian industri asas tani melalui pelaksanaan program pembiayaan kredit kepada petani, penternak dan nelayan dan usahawan asas tani. Pada masa sekarang aktiviti pembiayaan kredit BPM ini dilaksanakan menggunakan dua sumber, iaitu dana daripada kerajaan dan dana yang digemblengkan sendiri oleh Bank Pertanian Malaysia melalui deposit awam.

Melalui pembiayaan kredit menggunakan dana kerajaan, pinjaman yang diluluskan kepada petani, penternak dan nelayan dikenakan kadar faedah yang rendah iaitu antara 3.75% hingga 4% setahun. BPM tidak menyukarkan petani untuk mendapat pinjaman dengan syarat-syarat yang ketat. Sebaliknya semua permohonan dipertimbangkan berasaskan dan menggunakan pendekatan 5C, iaitu dengan izin *character, capacity, condition, capital* dan *collateral* dalam menilai pengusaha dan peminjam untuk pemberian kredit.

Dalam hal ini *merit character* yang berpaksikan modal insan merupakan kriteria yang utama, di mana perlu mengambil kira daya maju projek dan kemampuan membayar balik bagi setiap pinjaman yang dipohon. Bagi pinjaman di bawah program 'MOA Inc.', ia penglibatan secara *integrated* semua agensi dan juga pegawai di kementerian untuk memastikan projek ini berjaya di mana syarat-syarat pinjaman dipermudahkan daripada permohonan biasa.

Melalui sistem penyampaian BPM, kelulusan pinjaman bahawa satu permohonan yang lengkap akan mendapat keputusan dalam tempoh tidak melebihi 11 hari bagi kelulusan di peringkat cawangan, 24 hari bagi kelulusan di peringkat negeri, 35 hari bagi kelulusan jawatankuasa pengurusan dan 44 hari bagi kelulusan lembaga pengarah. Jadi permohonan pinjaman yang mendapat keputusan melebihi dari ketetapan yang telah dinyatakan biasanya disebabkan permohonan yang tidak lengkap ataupun pemohon telah mengubah cadangan asal projek ataupun permohonan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod sejak ditubuhkan pada 1 September 1999 sehingga pada 30 April 2007, BPM telah meluluskan pinjaman kepada 1,000,431 orang peminjam dengan nilai RM14.03 bilion. Baki pinjaman semasa sehingga 30 April 2007 adalah RM3.45 bilion dengan bilangan 133,423 peminjam, di mana nilai pinjaman kurang daripada RM100,000 seramai 130,020 iaitu 97% dan nilai pinjaman lebih daripada RM1 juta adalah hanya seramai 309 peminjam yang merupakan 0.23% sahaja.

Untuk makluman, bagi pinjaman semasa mengikut cagaran sehingga 30 April 2007, adalah seperti berikut:

	<b>Bil. Pemohon</b>	<b>Peratus</b>	<b>Nilai Pinjaman</b>
Tanpa cagaran	84,913	68.0%	RM1,217.4 juta
Tidak cagar penuh	2,194	1.8%	RM 990.8 juta
Cagaran penuh	37,223	30.2%	RM1,247.0 juta

BPM merupakan sebuah bank yang awal menawarkan Skim Kredit Mikro dan modal usahawan tani. Sehingga 30 April 2007, BPM telah meluluskan pinjaman kepada 30,409 orang dengan nilai RM325.5 juta. Ini tanpa cagaran Tuan Yang di-Pertua.

Kementerian sememangnya sedang menjalankan usaha untuk menjadikan BPM lebih dinamik dan lebih berupaya membantu petani, penternak, nelayan dan usahawan asas tani melalui cadangan penstrukturan semula BPM di mana modal berbayar dapat ditingkatkan ke RM1 bilion. Modal berbayar yang lebih tinggi akan memberi BPM kapasiti yang lebih meluas bagi meningkatkan aktiviti peminjaman, pengukuhan, keupayaan yang berterusan dan perkhidmatan yang lebih baik kepada sektor pertanian dan komunitinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira semua isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah saya jawab. Sekiranya masih ada perkara-perkara yang tidak disentuh atau diperjelaskan, pegawai-pegawai daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mencatat kesemuanya dan akan memberi maklum balas dengan kadar yang segera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Kementerian Sumber Manusia.

### 5.29 ptg.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan isu-isu mengenai Kementerian Sumber Manusia di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Kamarudin bin Haji Ambok telah membangkitkan isu bahawa Menteri Sumber Manusia mempunyai kuasa untuk melantik ejen pemeriksa kilang dan jentera atau *license inspector* bagi pihak kerajaan melalui proses penswastaan. Beliau ingin tahu setakat ini adakah pelantikan ini telah dibuat atau belum. Jika belum beliau berharap pelantikan dibuat secara tender terbuka dan telus bagi memastikan penguatkuasaan Akta Kilang dan Jentera agar lebih efektif.

Bagi makluman Dewan yang mulia ini, proses penswastaan ini diurus oleh Unit Perancang Ekonomi yang telah dimulakan pada tahun 1996. Bagi tujuan implementasi Akta Kilang dan Jentera telah dipinda pada tahun 2006 dengan diperuntukkan kuasa kepada menteri untuk melantik *liaison person* untuk menjalankan apa-apa fungsi yang dinyatakan di dalam

pindaan akta tersebut. Setakat ini pihak Menteri telah pun melantik satu syarikat yang dikenali sebagai '*Biloxi Certification Sdn. Bhd.*' bagi menguruskan *liaison person*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Yang Berhormat Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok juga ingin tahu kadar kemalangan maut yang berlaku di sektor pembinaan di Wilayah Persekutuan setakat Mac 2007 dan bentuk tindakan yang diambil oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan mengikut peruntukan undang-undang sedia ada, serta langkah pencegahan bagi membendung kemalangan maut di tapak binaan. Beliau juga ingin tahu berapa kes yang melibatkan kemalangan maut di tapak binaan telah dibawa ke mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh Januari hingga Mac 2007, sebanyak 12 kes kemalangan maut telah dilaporkan berlaku di tapak bina di sektor Wilayah Persekutuan. Bagi membendung kemalangan sebegini kerajaan telah mengguna peruntukan sedia ada seperti tindakan penguatkuasaan dan pendakwaan serta menambah aktiviti promosi dan dialog ke atas sektor ini. Di antara langkah pencegahan tambahan yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) mengeluarkan peraturan sistem pengurusan keselamatan kesihatan pekerjaan;
- (ii) mengeluarkan tata amalan *high right hazard identification, reassessment, risk control*, dengan izin, digunakan oleh kontraktor di tapak bina yang berisiko kepada orang awam, pusat bandar dan kawasan penginapan;
- (iii) mengkaji keperluan untuk mewajibkan semua kontraktor memohon kebenaran untuk beroperasi dalam bentuk *safety case* di mana mewajibkan kontraktor utama menghantar permohonan dan membentangkan langkah-langkah keselamatan yang akan diambil. Kebenaran akan dibatalkan sekiranya pihak kontraktor utama gagal mengikut *safety case* yang telah diluluskan;
- (iv) melalui penguatkuasaan berbentuk operasi dan ulangan ke atas tapak bina yang efektif;
- (v) mengadakan dialog bersama kontraktor, pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi lain.

Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Dewan yang mulia ini, di Wilayah Persekutuan sehingga bulan Mac 2007 sebanyak lapan kes yang melibatkan kemalangan maut telah dibawa ke mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok juga membangkitkan isu mengenai seorang pekerja yang telah meninggal dunia apabila dia terlibat dengan kemalangan *crane sky lift* semasa menjalankan kerja-kerja menukar lampu jalan di Seberang Prai. Beliau ingin tahu mengenai kemalangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian memandang serius ke atas kemalangan maut yang berlaku. Siasatan sedang dijalankan dan ia merangkumi semua aspek termasuk kecuaiian manusia dan juga kemahiran dalam mengendalikan *sky lift* tersebut. Mangsa kemalangan itu serta kesnya telah pun disiasat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator juga mendapati banyak jentera yang diimport mempunyai butang kawalan yang ditulis dalam bahasa Jepun, Korea, Taiwan, Jerman dan Itali. Beliau meminta supaya semua butang kawalan kepada jentera-jentera di import di terjemah ke dalam bahasa Malaysia.

Bagi makluman Dewan yang mulia ini, adalah menjadi tanggungjawab majikan membuat perkiraan bagi menjamin keselamatan dan ketiadaan risiko berkaitan dengan penggunaan atau pengendalian loji. Ini termasuk memberi latihan, memberi kefahaman, memberi maklumat, memberi arahan dan sebagainya termasuk menterjemahkan bahasa-bahasa yang tidak difahami kepada bahasa ibunda, iaitu bahasa Malaysia untuk difahami, khususnya oleh pengendali-pengendali jentera.

Dalam penggunaan mesin-mesin import pula majikan perlu menyediakan maklumat dan arahan penggunaan butang kawalan yang boleh difahami oleh pengendali. Tidak diberikan kebenaran kepada mana-mana pengendali jentera untuk mengendalikan jentera sekiranya mereka tidak faham dan juga tidak arif dengan apa yang akan ditugas atau dijalankan oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok juga membangkitkan isu keselamatan lif penumpang kawasan perumahan awam yang telah dirosakkan oleh vandalisme, budak-budak nakal, orang yang tidak bertanggungjawab. Saya mencadangkan CCTV di pasang pada semua lif di kawasan perumahan. Sukacita dimaklumkan bahawa kementerian ini tidak ada halangan dan menggalakkan lif penumpang dipasang dengan CCTV tetapi beberapa faktor harus dipertimbangkan.

- (i) kos pemasangan yang mahal dan ia perlu dibuat oleh orang yang mahir dalam bidang tersebut agar tidak mengganggu sistem perjalanan lif. Saya difahamkan kos harga CCTV ini antara RM30 ribu hingga RM40 ribu dan ini memang ternyata mahal.
- (ii) kerja-kerja pemasangan CCTV perlu dikawal selia oleh syarikat lif yang berdaftar dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;
- (iii) Kos penyelenggaraan termasuk kos gaji orang yang mahir mengendalikan sistem CCTV;
- (iv) *service charge* yang tinggi terpaksa ditanggung oleh penduduk; dan
- (v) kekerapan dan tahap kerosakan jentera lif yang disebabkan oleh vandalisme.

Di samping itu, kementerian ini menyarankan agar sebarang kerosakan kepada jentera lif dapat diajukan terus kepada syarikat penyelenggaraan lif yang berdaftar walaupun setiap bulan lif tersebut diperiksa oleh orang yang mahir dari syarikat tersebut. Jika tidak ada tindakan susulan daripada syarikat lif tersebut, aduan bolehlah dibuat terus kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan negeri-negeri berkenaan untuk tindakan lanjut.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok membangkitkan isu mengenai penggabungan Kumpulan Sime Darby, Kumpulan Guthrie...

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Yang Berhormat, boleh bagi jalan?

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Ya, sila.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Terima kasih. Saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat, terhadap usaha kementerian Yang Berhormat melalui JKKP terhadap kerosakan lif:

- (i) siapa yang terlibat di dalam pemeriksaan lif;
- (ii) berapa kali dan kekerapan pemeriksaan;
- (iii) jumlah kes kemalangan yang terbaru;
- (iv) berapa ramai pegawai penguat kuasa;
- (v) apakah ada usaha untuk menswastakan pemeriksaan JKKP masa kini, terutama lif dan eskalator yang agak kritikal.

Selain itu juga saya mohon Yang Berhormat dapat kiranya memberikan angka terhadap kemalangan industri di negara kita yang saban hari berlaku terutamanya di tapak bina. Apakah angka terbaru; angka berkenaan kerajaan berpuas hati? Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Banyak soalan. Lif yang ada di negara kita, di Malaysia lebih kurang 25,000 lif dan lif ini sentiasa diperiksa oleh pegawai-pegawai penguat kuasa Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Kita mempunyai lebih daripada 500 orang pegawai dan kekerapan yang diperiksa, boleh dikatakan setiap tahun dan kita akan mengeluarkan sijil pengesahan setiap 15 bulan sekali.

Setiap 15 bulan dikeluarkan sijil itu bagi memastikan lif-lif itu berjalan dengan baik. Setakat ini kita dapati jumlah lif yang dikatakan rosak, yang kita kendalikan, yang kita periksa melebihi daripada 10% dan lif-lif yang rosak ini lazimnya yang berkaitan dengan pelbagai bentuk sistem yang ada dalam lif itu dan juga kita pastikan bahawa setiap kompelin yang kita terima, kita akan cuba selesaikan dalam tempoh yang terdekat.

Apa pun yang saya ingin sebutkan di sini bahawa tahap keselamatan lif-lif di negara kita adalah dalam kawalan dan juga dalam pemantauan serta pengendalian.

Mengenai dengan kes kemalangan industri, memang kemalangan ini banyak dan kita dapati kemalangan secara keseluruhannya lebih kurang 63,000 setahun dan kemalangan yang berlaku yang tidak termasuk kemalangan pergi kerja dan balik kerja adalah sekitar 43,000 kes.

Kemalangan di tapak bina pada tahun lepas sebanyak 733 kes yang melibatkan *fatal accident* ataupun kematian. Terima kasih.

Mengenai dengan penggabungan kumpulan Sime Darby, Kumpulan Guthrie dan Golden Hope di bawah Syarikat Synergy Drive Sdn Bhd., beliau meminta kementerian mewujudkan satu badan kawal selia bebas yang akan pemantauan secara berkala operasi syarikat penggabungan bagi menjamin kebajikan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Dewan yang mulia ini Kumpulan Guthrie, Sime Darby dan Golden Hope adalah syarikat perladangan dan turut menjadi ahli Malayan Agricultural Producers Association (MAPA) dan juga dikuasai oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB). Di samping itu Synergy Drive Sdn. Bhd. juga adalah syarikat yang dimiliki oleh PNB. Sekiranya penggabungan korporat itu berlaku, semua pekerja tersebut masih tertakluk dengan perjanjian bersama Malayan Agricultural Producers Association dan National Union of Plantation Workers (MAPA/NUPW) dan Perjanjian MAPA - *All Malayan Estate Staff Union* (AMESU). Oleh hal yang demikian, para pekerja tidak akan hilang kebajikan mereka. Bagi makluman Dewan yang mulia ini pada masa kini sektor pertanian perladangan masih memerlukan ramai pekerja. Sekiranya penggabungan syarikat-syarikat ini menjadi sebuah syarikat yang lebih besar iaitu Syarikat Synergy Drive Sdn. Bhd. masalah kelebihan pekerja tidak akan timbul kerana semua pekerja ini akan terus diserap, diambil oleh syarikat yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Heng Seai Kie ingin tahu bilakah cuti bersalin akan dilanjutkan kepada 60 hari kepada 84 hari atau 12 minggu seperti mana yang dipersetujui oleh Kerajaan Malaysia semasa Konvensyen Perlindungan Materniti (ILO) No.183 pada tahun 2000 dan Regiments No. 191. Beliau juga mendapati Malaysia merupakan antara 25 daripada 125 buah negara yang masih memperuntukkan cuti bersalin selama 60 hari dan berharap kerajaan akan dapat menghapuskan diskriminasi terhadap wanita dan menggalakkan keseimbangan dalam aspek kerajaan, kesihatan dan keselamatan. Beliau juga mendapati tempoh rehat yang mencukupi amat penting bagi wanita dan penyusuan bayi kerana sekiranya pekerja bekerja semula terlalu awal selepas bersalin akan meningkatkan risiko *acute complication* yang mengancam kesihatan si ibu.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini secara dasarnya tiada halangan terhadap cadangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berhubung cadangan perlanjutan tempoh cuti bersalin daripada 60 hari kepada 84 hari dalam sektor awam. Sungguhpun begitu satu kajian menyeluruh perlu diadakan bagi mengenal pasti implikasi pelaksanaannya sama ada dari segi kewangan, guna tenaga, sosial dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu, kementerian ini juga menjangkakan pelaksanaan dasar ini akan memberi kesan secara langsung kepada tuntutan memanjangkan tempoh cuti bersalin sektor swasta pada masa kini adalah selama 60 hari. Bagi makluman Dewan yang mulia ini walaupun kebanyakan negara maju memperuntukkan tempoh cuti bersalin melebihi daripada 60 hari

kepada pekerja mereka namun cara pembiayaan bayaran elaun cuti bersalin adalah berbeza-beza dan tidak ditanggung sepenuhnya oleh pihak majikan. Elaun-elaun tersebut dibayar sama ada melalui caruman majikan dan pekerja melalui tabung seperti Pertubuhan Keselamatan Sosial, tabung kebajikan oleh kerajaan dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu kementerian ini berpandangan bahawa pelaksanaan dasar ini akan memberi impak, memberi kesan kepada struktur faedah sosial majikan dan pekerja di negara ini terutama di sektor swasta. Oleh itu sebelum ia dipersetujui dan dilaksanakan, maka perbincangan bersama pihak majikan untuk mendapat maklum balas harus dipertimbangkan demi menjaga keharmonian, urusan dan iklim pelaburan negara ini di samping untuk tidak melebarkan jurang perbezaan di antara sektor awam dan juga sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ismail Kasim - Sudah haji atau belum ini? [*Ketawa*] Yang Berhormat Tuan Ismail Kasim telah membangkitkan isu gaji pengawal keselamatan *Nepalese* terlalu tinggi berbanding gaji pengawal keselamatan tempatan. Beliau ingin tahu kenapa wujud diskriminasi ini dan meminta sangat ia dikawal oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, penetapan gaji pegawai keselamatan adalah bergantung terus kepada penawaran dan permintaan pasaran terhadap perkhidmatan tersebut. Undang-undang negara tidak membenarkan majikan sama sekali mengamalkan perbezaan gaji di antara pekerja-pekerja tempatan dengan pekerja asing. Sekiranya ini berlaku, adalah satu kesalahan di bawah Akta Kerja 1955 yang membolehkan denda dikenakan sehingga RM10,000 bagi setiap kesalahan. Walaupun mungkin ada segelintir perbezaan pendapatan ini, tetapi secara dasarnya kita tidak mahu ada perbezaan gaji di antara pekerja asing dengan pekerja tempatan. Sekiranya ini berlaku - saya ulang suara, bahawa mengikut Akta Kerja 1955 majikan itu boleh dikenakan denda atau didakwa sehingga RM10,000 setiap kesalahan.

Walau bagaimanapun kementerian ini telah menubuhkan *Commission of Inquiry* semenjak tahun 1947 lagi bagi tujuan menetapkan gaji minimum untuk pengawal keselamatan. Dengan adanya kelak gaji minimum bagi semua pengawal keselamatan sama ada tempatan atau asing wajib dibayar kadar gaji yang sama. Penetapan gaji minimum ini juga dijangka dapat menarik minat lebih ramai orang tempatan untuk menceburi pekerjaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad telah membangkitkan isu mengenai banyak peluang pekerjaan adalah melalui *internet* sekarang. Pencari kerja yang tidak mempunyai komputer di rumahnya akan ketinggalan dan banyak peluang akan terlepas daripadanya. Beliau meminta pihak kementerian supaya membantu golongan ini. Bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sungguhpun terdapat kemungkinan mereka yang tidak mempunyai kemudahan komputer di rumah, mereka masih boleh memohon untuk mendapatkan pekerjaan iaitu dengan cara mendapat khidmat nasihat daripada *cybercafé* yang terdapat di serata bandar. Di samping itu mereka juga boleh hadir di pejabat Jabatan Tenaga Kerja yang berdekatan untuk mendapatkan pekerjaan melalui perkhidmatan *Electronic*

*Labour Exchange*, mengisi borang dan sebagainya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini kita mempunyai Jabatan Tenaga Kerja di seluruh Semenanjung lebih daripada 70 buah pejabat. Ini tidak menjadi masalah kepada mereka yang tidak tahu ataupun tidak mampu menggunakan *internet* ataupun kepada mereka yang tidak mempunyai komputer di rumah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Tajul Urus Mat Zain telah membangkitkan isu mengenai kemasukan 1.8 juta pekerja asing yang berdaftar di negara ini dan ingin tahu faedah yang kita peroleh hasil dari kemasukan mereka ini. Beliau juga ingin tahu, adakah polisi pengambilan pekerja asing kita mengikut *track* yang betul dan pekerja asing yang dibawa masuk mempunyai *skill* atau kemahiran pada tahap yang cukup rendah yang tidak ada semangat patriotisme.

Saya ingin jelaskan di sini bahawa jumlah pekerja asing yang seramai 1.8 juta ini juga memberikan sumbangan faedah di mana ia telah membawa impak yang agak besar iaitu menyumbangkan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar sejumlah RM17 bilion pada 2002. Kita jangkakan pada tahun 2006, sumbangan ini telah meningkat pada hampir-hampir 20 bilion. Walaupun begitu kita tidak nafikan bahawa pekerja-pekerja asing ini juga membawa pulang atau menghantar wang pulang kepada negara masing-masing.

Mengikut perangkaan kita pada tahun 2002, jumlah pulangan ataupun wang yang dipulangkan ke negara mereka sejumlah RM7.6 bilion tetapi sehingga 2006 kita menjangkakan sumbangan ataupun wang yang dihantar pulang ke negara masing-masing tidak melebihi RM9 bilion. Di samping itu, saya juga ingin menjelaskan di sini bahawa Yang Berhormat Senator Dato' Musa Haji Sheikh Fadzir juga telah membangkitkan isu mengenai pekerja asing yang dibawa masuk ke negara ini di mana lesen diberikan sewenang-wenangnya, sedangkan bilangan pekerja asing tersebut dikatakan perlu dikurangkan.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa memang pekerja asing sentiasa dibawa masuk kerana kita sedar bahawa pekerja asing juga masih diperlukan dalam beberapa sektor yang utama seperti dalam sektor pembinaan, pertanian, perladangan, pembuatan, pembinaan dan juga perkhidmatan. Sektor-sektor ini yang dihadiri ataupun yang banyak dimonopoli oleh pekerja asing adalah yang bersifat 3D - *Dirty, Dangerous and Difficult*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Ini menjadi kesukaran bagi rakyat Malaysia untuk menerima kerja-kerja dalam sektor ini. Namun demikian, perlu saya jelaskan bahawa sebelum dibenarkan mana-mana majikan mengambil pekerja asing, mereka ini terlebih dahulu mesti mengikuti terma dan syarat.

Di antara terma dan syarat yang diberikan ialah iaitu mereka perlu mengiklankan dan iklan ini adalah berputar dalam tempoh antara tujuh hari sehingga 30 hari. Tujuh hari lazimnya diberikan dalam sektor pertanian dan juga perladangan, manakala dalam sektor yang lebih sukar seperti pembinaan diberikan tempoh dalam masa 30 hari. Bila kita berpuas hati mengikut rekod yang telah didaftarkan di kementerian kita, khususnya di Jabatan Tenaga Kerja, maka mereka

masih lagi tidak mampu mendapatkan pekerja-pekerja tempatan maka barulah diberikan peluang itu untuk mereka mengambil pekerja-pekerja asing.

Di samping itu, saya ingin jelaskan juga mengenai dengan Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed mendapati kilang-kilang enggan mengambil pekerja tempatan kerana perlu membayar SOCSO, EPF dan lain-lain. Mereka cenderung untuk mengambil pekerja asing kerana penawaran tenaga kerja buruh asing adalah murah menyebabkan pekerja tempatan sukar memperoleh ataupun mendapat pekerjaan. Beliau juga membangkitkan isu mengenai *trend outsourcing* di Malaysia. Beliau mencadangkan satu kawalan ataupun koordinasi diambil oleh Kementerian Sumber Manusia untuk mengawal pengambilan pekerja-pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya maklumkan bahawa walaupun mereka tidak mencarum ataupun membayar caruman di SOCSO ataupun EPF, tetapi pekerja asing semuanya diwajibkan untuk membeli insurans. Tidak ada suatu pengecualian pun dikenakan kepada pekerja asing untuk tidak mengambil caruman melalui tidak diinsuranskan. Setiap pekerja asing mestilah dibayar insurans oleh setiap majikan sebanyak RM74 seorang setahun. Kita, pihak Kementerian Sumber Manusia telah pun mengeluarkan 24 lesen kepada 24 *insurance companies* di Malaysia. Tujuannya adalah tidak lain dan tidak bukan untuk memberikan perlindungan kepada pekerja-pekerja asing bila mereka mendapat kemalangan atau mala petaka. Mereka boleh menuntut...

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Ya, sila.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Saya hendak bertanya Yang Berhormat, masalah di Pulau Pinang ini. Kilang-kilang di Pulau Pinang ini kebanyakannya memang, saya tak nak sentuh tentang SOCSO dan sebagainya, tetapi saya masih tak faham kenapa kilang-kilang di negeri Pulau Pinang ini, pekerja-pekerjanya adalah orang Indonesia. Seolah-olah macam ramai pekerja yang memerlukan pekerjaan di kilang. Ramai yang kena *retrench* dahulu dan masih menanti untuk mendapat kerja di kilang. Tetapi ia seolah-olah macam kilang ini sudah tidak pedulikan orang dalaman. Dia lebih mementingkan kepada rakyat asing.

**Puan Mumtaz binti Md. Nawi:** Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ada kaitan dengan PERKESO. Kalaulah tadi bahawa kerajaan mewajibkan semua pekerja asing yang masuk ke Malaysia mesti ada insurans, adakah skim ini juga meliputi pembantu rumah yang bekerja di rumah-rumah kita di Malaysia ini? Kerana saya melihat dalam Akta PERKESO yang melindungi pekerja-pekerja Malaysia sendiri menetapkan bahawa pembantu rumah tidak boleh dicarumkan di bawah Akta PERKESO. Jadi kalau pembantu rumah asing kita wajihkan ada insurans kenapa dalam Akta PERKESO pembantu rumah orang tempatan tidak boleh dicarumkan di bawah PERKESO? Terima kasih.

**Tuan M. Munusamy:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat beri laluan?

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Ya, sila.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk. Fenomena yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar ini bukan sahaja di Pulau Pinang tetapi di semua tempat. Di Johor pun ada juga banyak kilang yang suka mengambil pekerja-pekerja asing dan mengabaikan pekerja-pekerja tempatan yang ingin bekerja. Fenomena seperti memberhentikan kerja mereka sebelum mereka mencapai umur 55 tahun pun ada juga. Satu lagi soalan berkenaan dengan insurans yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Datuk, adakah insurans ini meliputi bayaran tambang balik kepada pekerja-pekerja apabila mereka tamat kontrak ataupun tamat permit? Terima kasih.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat, boleh beri laluan?

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Ya.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat. Sebelum pekerja asing ini dibawa masuk atau diambil, adakah satu jawatankuasa ditubuhkan di antara kementerian Yang Berhormat dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang mana kita perlukan pekerja tempatan dahulu dan kalau pekerja tempatan tidak ada barulah dibawa masuk pekerja asing? Adakah jawatankuasa ini wujud? Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih kepada empat Yang Berhormat yang bertanya. Semuanya baik-baik soalan itu. Saya ingin menjelaskan yang pertama yang ditanya oleh Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar mengenai dengan kilang-kilang di Pulau Pinang yang juga berkaitan dengan Yang Berhormat Tuan M. Munusamy bahawa ia juga berlaku di tempat-tempat lain.

Perlu saya jelaskan bahawa mengikut peraturan, mana-mana kilang ataupun tempat kerja tidak boleh mengambil pekerja asing lebih daripada 50 peratus, tetapi terdapat juga kilang-kilang yang melanggar peraturan itu. Ini kita boleh buat pendakwaan ataupun *report* seterusnya kepada Kementerian Sumber Manusia di bawah Jabatan Tenaga Kerja untuk kita ambil tindakan. Kita tidak boleh melihat sebilangan sahaja yang keluar masuk. Kita kena pastikan betul-betul, adakah pekerja asing itu melebihi daripada pekerja tempatan. Kalau sekiranya dia melebihi daripada pekerja tempatan, itu pun perlu diberikan perhatian.

Keduanya mungkin mereka itu dibenarkan mengambil pekerja tempatan apabila terma dan syarat iaitu untuk mengiklankan memperoleh pekerja tempatan gagal untuk diperolehi. Mereka diberikan kebenaran. Jikalau tidak, ia boleh menjejaskan kepada produktiviti majikan tersebut. Kalau dikumpulkan secara keseluruhan, majikan-majikan ini pula boleh menjejaskan sumbangan produktiviti kepada negara.

Apa pun kerajaan sangat prihatin supaya pekerja-pekerja tempatan diutamakan. Sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi, sektor-sektor yang diberikan termasuklah sektor perkilangan selain daripada perladangan, pertanian, pembinaan dan juga perkhidmatan. Kepada soalan Yang Berhormat Puan Mumtaz...

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** ...saya ingin jelaskan bahawa mengikut Akta Pampasan Pekerja yang akan dipinda akan membolehkan pembantu rumah juga dibelikan insurans. Memang saya akui buat masa sekarang insurans tidak dibeli kepada majikan tetapi memandangkan bahawa pekerja yang disifatkan sebagai pembantu rumah juga mempunyai risiko sebagaimana kita dengar satu, dua kes seperti Nirmala Bonat dipukul, maka perlu diinsuranskan. Tetapi kes-kes penganiayaan dan penderaan yang berlaku di kalangan pembantu rumah adalah sangat kecil iaitu tidak sampai 0.05% daripada jumlah seluruh tenaga kerja rumah iaitu kira-kira 320 ribu pekerja asing di seluruh negara.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Saya hendak habiskan sedikit yang ini, boleh? Selepas ini saya beri.

Mengenai dengan Yang Berhormat Dato' Musa, adakah jawatankuasa ditubuhkan? Memang satu jawatankuasa untuk pengambilan pekerja asing ini ditubuhkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga melibatkan komitinya. Di antaranya termasuklah daripada Kementerian Sumber Manusia, daripada CIDB dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Apa pun keputusan muktamad adalah di bawah Jabatan Imigresen, di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Kita punya kementerian iaitu Kementerian Sumber Manusia hanya bertanggungjawab selepas mereka dibenarkan masuk dalam soal-soal penggajian dan perburuhan. Ya, sila Yang Berhormat.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat jawab soalan tadi ialah mengenai kilang-kilang dibenarkan mengambil pekerja asing maksimum sehingga ke 50%. Betul Yang Berhormat ya? Jadi persoalannya kenapa 50%, Yang Berhormat? Sedangkan kalau kita benarkan dia ambil 50%, sudah tentulah dia akan ambil 50%, dia tidak akan kurang daripada 50%. Kalau kita bagi maksimum 60%, dia akan ambil 60%. Jadi kenapa kita tidak kurangkan maksimumnya itu daripada 50% kepada 20% supaya kilang-kilang ini tidak ada pilihan dan terpaksa mengambil pekerja-pekerja daripada dalam negara.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Sebenarnya kita meletakkan 50%...

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Yang Berhormat, saya minta laluan sedikit dan hendak tambah berkenaan dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Sekali harung. Silakan.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nampak jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat memang cantik, tetapi faham atau tidak Yang Berhormat, *on the ground* ia tidak cantik. Kita tengok kilang sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Omar tadi itu ada di Pulau Pinang. Ada satu, dua kilang yang dipunyai oleh bekas Exco Kerajaan Negeri, 99.9% pakai pekerja asing daripada Indonesia dan Myanmar. Saya hendak tahu di sini, apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat itu ada atau tidak penguatkuasaan dijalankan di peringkat bawahan ini supaya *whatever that is on paper*, dengan izin, juga *dipractice on the ground*. Terima kasih.

**Puan Mumtaz binti Md Nawi:** Minta laluan sekali lagi.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Berkaitan dengan soalan ini ataupun...

**Puan Mumtaz binti Md Nawi:** Berkaitan dengan soalan saya tadi.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Nanti sekejap. Saya habiskan ini pasal ia ada kaitan. Nanti hilang pula kita punya jawapan. Saya hendak jelaskan memang penetapan kepada 50% itu berasaskan kepada permintaan dan berasaskan kepada kajian kita yang begitu *detail* dan juga mendalam. Kita tidak meletakkan suatu peratus yang agak rendah kepada pekerja asing itu memandangkan pengalaman, keadaan, kedudukan dan sebagainya. Namun demikian, ada sesetengah yang lebih daripada itu disebabkan apa yang telah saya sebutkan tadi sehingga sesetengah itu lebih daripada 50%. Ini disebabkan pengiklanan tawaran yang telah diberikan itu masih gagal untuk memperolehi pekerja tempatan, maka langsung diberikan kelonggaran setelah memenuhi terma dan syarat pengiklanan yang telah saya sebutkan itu.

Apa pun kerajaan memang tidak berhasrat untuk mengekalkan peratus ini dan kita bergerak ke arah meningkatkan serta mengutamakan pekerja tempatan. Jadi untuk ke arah itu, memang sebenarnya mengambil masa kerana kalau kita terlalu drastik dan tidak mengambil kira tentang keperluan oleh majikan-majikan ataupun kilang-kilang, ini akan menjejaskan produktiviti. Walau bagaimanapun, saranan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Dato' Omar tadi begitu bagus sekali. Insya-Allah, kita akan mengesyorkan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya faktor mengutamakan orang tempatan diambil kira tambahan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Sila Yang Berhormat.

**Puan Mumtaz binti Md Nawi:** Berkenaan dengan jawapan tadi, berkenaan bahawa pekerja asing termasuk pembantu rumah akan diberikan perlindungan insurans. Saya rasa kalau melibatkan unsur-unsur jenayah termasuk penderaan tidak akan diliputi oleh mana-mana insurans. Jadi perkara ini perlu kita perjelaskan supaya tidak menjadi satu kunci kepada mana-mana majikan yang berhati kejam untuk mendera mana-mana pembantu rumah. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya juga tadi menyentuh tentang Akta PERKESO yang tidak memasukkan pembantu rumah sebagai pekerja yang boleh dicarumkan di bawah PERKESO. Sekiranya

perkara ini benar, boleh tidak dibuat satu *review* dan pindaan kepada akta berkenaan kerana kita ingin menggalakkan pekerja-pekerja di Malaysia bekerja sebagai pembantu rumah yang sah dan dilindungi oleh PERKESO. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Ingin saya jelaskan bahawa PERKESO ini tidak melibatkan pampasan ke, insurans ke atau apa-apa kepada pekerja asing. PERKESO ini adalah khas untuk pekerja tempatan, tetapi bagi pekerja asing, dia ada satu skim yang lain iaitu yang dinamakan sebagai insurans. Jadi saya fikir kita tidak boleh sangat mengutamakan pekerja asing sehingga PERKESO pun perlu diubah...

**Puan Mumtaz bin Haji Md Nawi:** Bukan, bukan, untuk pekerja tempatan.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Untuk pekerja tempatan, insya-Allah memang ada. Itu menjawab ya. Pekerja tempatan tidak ada masalah. Terima kasih.

Saya ingin terus kepada sambungan penggulangan saya. Mereka cenderung untuk mengambil pekerja asing kerana penawaran tenaga kerja buruh asing adalah murah menyebabkan pekerja tempatan sukar mendapat pekerjaan. Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah juga membangkitkan isu mengenai trend *outsourcing* di Malaysia. Beliau mencadangkan satu kawalan atau koordinasi oleh Kementerian mengawal pekerja-pekerja asing. Bagi menjawabnya, insya-Allah, Kementerian memantau dengan begitu rapat dan begitu teliti sekali. Ini akan membolehkan kita tidak sewenang-wenangnya mengambil pekerja luar melalui trend ataupun kaedah *outsourcing* yang ada dilakukan sekarang ini. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memang bekerja rapat dengan Kementerian Sumber Manusia untuk memperoleh maklumat-maklumat keperluan tenaga-tenaga kerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebutkan di sini bagi mengawal...

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Yang Berhormat Datuk, minta laluan.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Ya.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Yang Berhormat Datuk tadi tidak menjawab soalan saya.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Soalan mana itu?

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Soalan yang saya tanya sama ada pemantauan dijalankan di peringkat bawahan berkenaan dengan pengambilan pekerja asing yang melebihi had *percentage* yang sudah disediakan oleh pihak Kementerian.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Oh, minta maaf.

**Tuan M. Munusamy:** Minta maaf, Yang Berhormat Datuk. Soalan saya juga belum dapat penjelasan berkenaan dengan insurans. Adakah *coverage* bagi tambang balik.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Nanti saya sebut yang ini. Yang Berhormat tanya tadi memang kita ada buat pemantauan. Saya sudah sebut bahawa kita mempunyai ramai

pegawai penguat kuasa iaitu lebih daripada 500 orang di seluruh negara bagi memastikan tempat-tempat kerja tidak melanggar peraturan-peraturan yang telah kita tetapkan itu.

Yang Berhormat Tuan M. Munusamy, maksud tambah balik ini tambah balik apa?

**Tuan M. Munusamy:** Tuan Yang di-Pertua, biasanya apabila pekerja-pekerja asing sudah tamat kontrak ataupun pas mereka sudah luput, ada menghadapi kesulitan untuk menghantar mereka balik dan mereka tinggal di kawasan negara ini tanpa dengan izin. Saya difahamkan ada juga satu jenis insurans yang dikeluarkan untuk melindungi supaya mereka boleh dapat tambang balik tiket kapal terbang. Adakah benar ataupun insurans ini akan meliputi itu?

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Tambah atau tambang?

**Tuan M. Munusamy:** Tambang.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Oh, tambang. Saya ingin jelaskan bahawa pekerja-pekerja asing ini lazimnya diberikan kontrak sehingga tiga tahun sahaja, maksimumnya. Tetapi kalau pekerjaan itu ataupun pekerja-pekerja asing itu didapati masih diperlukan, baik bagus kepakarannya, kemahirannya kebolehannya, kiranya bagus, boleh sampai lima tahun. Ada sesetengah syarikat juga ada mengeluarkan tambang untuk mereka pergi dan balik dan ada setengahnya tidak diberi dan ini bergantung kepada jenis perjanjian yang dibuat oleh agensi ataupun oleh mereka yang terlibat dari segi pengambilan pekerja. Ini bukanlah merupakan satu kemestian, tetapi merupakan satu *understanding*, satu kefahaman secara kolektif dan ini kita tidak menetapkan satu kaedah mesti, tetapi atas dasar persetujuan bersama termasuk kadar tambang dan juga kemudahan-kemudahan mahupun insentif yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengawal kemasukan pekerja asing di negara ini, dengan lebih teratur dan bersistematik, kerajaan telah menubuhkan pusat kelulusan setempat, mulai 1 Ogos 2005. Pusat ini beroperasi di bahagian pengurusan pekerja asing. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, pegawai-pegawai dari agensi berkaitan mengikut sektor iaitu dari Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (PKPK), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (KPIAT), Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ditempatkan di pusat tersebut.

Setiap agensi mempunyai peranan masing-masing dalam menentukan sama ada permohonan majikan bagi menggaji pekerja asing wajar diluluskan atau tidak. Ini penjelasan ulangan kepada Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir yang bertanya tadi. Majikan yang layak akan dikeluarkan perakuan kelulusan dan diminta membuat bayaran levi dalam tempoh 48 jam. Selepas bayaran levi dibuat, surat kelulusan akan dikeluarkan...[*Gangguan rakaman*] elemen, bayaran levi sebelum surat kelulusan dikeluarkan, bertujuan untuk mengelakkan majikan daripada mengemukakan permohonan yang tidak wajar serta mengurangkan peranan orang tengah, agen yang cuba mengambil kesempatan terhadap

majikan dengan menjual surat kelulusan yang diberikan. Secara ringkasnya kelebihan prosedur pengambilan pekerja asing di bawah sistem baru ini adalah seperti berikut:

- (i) sistem yang lebih murah dan cepat;
- (ii) kelulusan pada hari yang sama;
- (iii) mengurangkan *red tape* dan kerenah birokrasi;
- (iv) tidak ada elemen menjual surat kelulusan dan;
- (v) majikan akan memohon mengikut keperluan pekerja sebenar.

Sementara itu pengambilan pekerja asing dari negara sumber tidak dapat dielakkan kerana negara masih lagi bergantung kepada mereka dalam sektor-sektor strategik, terutama sektor perladangan dan pembinaan yang menghadapi masalah kekurangan pekerja. Hakikatnya perkara ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor, seperti tenaga kerja tempatan kurang berminat untuk bekerja di sektor-sektor ini di mana mereka lebih cenderung memilih pekerjaan makan gaji, *white collar job* dengan izin, kolar putih, selain taraf rakyat Malaysia yang semakin meningkat menyebabkan tenaga kerja tempatan lebih berminat untuk bekerja di sektor-sektor yang menawarkan pendapatan yang lebih tinggi dan baik.

Selain itu industri juga lebih cenderung mengambil pekerja asing kerana mereka lebih *committed* dan tidak terlalu ghairah mengambil cuti seperti mana pekerja tempatan. Keadaan ini bertambah rumit apabila taraf hidup rakyat Malaysia semakin meningkat, menyebabkan tenaga kerja tempatan tidak berminat untuk bekerja di sektor-sektor ini. Bilangan pekerja asing dalam sektor pembinaan pada masa kini adalah 14% daripada jumlah 1.9 juta pekerja asing secara keseluruhannya kini.

Angka telah diambil dengan menggalakkan majikan melaksanakan sistem automasi, mekanisasi, ini bermakna mana-mana pekerjaan yang boleh dilakukan dengan mesin ataupun menggunakan teknologi moden tidak lagi perlu menggunakan tenaga manusia untuk menjalankannya. Majikan di sektor pembinaan, digalakkan menggunakan barang pasang siap atau *industrialize building system* (IBS) supaya dapat mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing.

Manakala di sektor pertanian, menggunakan satu sistem yang dinamakan sebagai sistem '...', iaitu sistem mengait, mengambil buah, umpamanya buah kelapa sawit menggunakan alat yang lebih moden. Tuan Yang di-Pertua, selain itu pengambilan pekerja asing juga dilakukan melalui konsep *outsourcing* di mana perkhidmatan membekal dan mengurus dilakukan oleh syarikat dilantik oleh kerajaan. Konsep ini diperkenalkan bertujuan membantu menyelesaikan masalah kekurangan tenaga kerja untuk menjimatkan kos kepada syarikat-syarikat kecil yang tidak mampu mengaji pekerja asing secara sepenuh masa.

Ia turut membantu syarikat yang memerlukan tenaga kerja yang ramai dalam satu-satu masa tertentu seperti memenuhi tempahan kontrak. Secara ringkasnya, pengambilan pekerja asing adalah hanya bagi memenuhi keperluan pekerjaan yang tidak dapat diisi oleh pekerja tempatan sahaja. Namun demikian, kerajaan sentiasa menyebarkan peluang pekerjaan secara lebih intensif bagi jawatan-jawatan di sektor yang kekurangan tenaga kerja untuk diisi oleh pekerja tempatan dan majikan hanya akan dibenarkan menggaji pekerja asing sekiranya gagal mendapat pekerja tempatan untuk mengisi kekosongan tersebut.

Ini termasuk dalam peraturan di mana majikan perlu memenuhi syarat-syarat seperti berdaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja di bawah Seksyen 63A dan 60K serta mendapat perakuan melalui *job clearing system* (JCS) dengan izin. Majikan juga perlu menyediakan polisi insurans iaitu skim pampasan untuk pekerja asing dan keperluan menyediakan dan menjalankan kursus induksi di negara sumber dan mendapatkan *certificate of eligibility* bagi setiap pekerja yang akan masuk bekerja di Malaysia. Saya ingin jelaskan di Dewan yang mulia ini, di antara kandungan terpenting dalam kita menjalankan kursus induksi ini:

- (i) memahami Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris;
- (ii) adat resam dan budaya;
- (iii) undang-undang dan peraturan negara, dan
- (iv) mereka sewajarnya dan sewajibnya lulus pemeriksaan kesihatan.

Maka, apabila mereka mencapai tahap ini, barulah mereka diberikan visa pekerjaan untuk bekerja di negara ini. Kalau gagal mereka tidak akan diberikan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed juga membangkitkan isu bahawa adalah dijangka dalam tempoh lima tahun akan datang, masalah mencari pekerjaan akan menjadi punca kemiskinan di bandar dan hanya pekerja yang berkelayakan dan berkemahiran akan diserap dalam sektor guna tenaga. Beliau juga membangkitkan isu mengenai persaingan hidup dan keupayaan memperoleh pendapatan yang telah dirampas oleh warga asing dari Indonesia, Bangladesh, Pakistan dan India.

Beliau mendapati banyak pekerjaan seperti kerja binaan diisi oleh pekerja Indonesia. Sehubungan itu, beliau minta perancangan secara teliti mengenai kualiti sumber manusia dibuat. Beliau juga membangkitkan isu mengenai 50 ribu siswazah menganggur dan minta perkara ini harus diberi perhatian yang serius. Beliau mendapati kadar pengangguran negara pada masa kini 3.8% dan masalah ini bersifat struktur di mana pengangguran berpunca daripada perpindahan pekerjaan atau melompat pekerjaan yang mengakibatkan pengangguran sementara ataupun cari pekerjaan selepas tamat pengajian yang mengakibatkan pengangguran sementara. Beliau minta pengangguran sementara dipendekkan dengan kepantasan sistem pengambilan pekerja.

Peningkatan mobiliti buruh dan kesungguhan dan kesanggupan mereka yang menganggur untuk tidak terlalu memilih pekerjaan. Beliau turut mencadangkan supaya siswazah yang menganggur yang berdaftar dengan Kementerian Sumber Manusia diberi pengurangan kadar cukai pada syarikat-syarikat yang mengambil siswazah menganggur yang telah berdaftar dengan Kementerian Sumber Manusia atau Unit Perancangan Ekonomi. Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini terdapat empat sumber maklumat mengenai bilangan siswazah menganggur.

- (i) Pendaftaran graduan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara yang dijalankan mulai 24 September hingga 7 Oktober 2005. Pendaftaran ini menunjukkan seramai 59,315 graduan telah mendaftar dengan 41.5% masing menganggur;
- (ii) Berdasarkan laporan kajian pengesanan graduan 2005 oleh Kementerian Pengajian tinggi menunjukkan seramai 22,582 graduan masih tidak bekerja.

Penyiasatan tenaga buruh yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pula menunjukkan pada suku tahun pertama 2006, bilangan graduan menganggur adalah seramai 73,200 orang. Manakala sumber keempat adalah graduan yang mendaftar melalui *job clearing system* KSM setakat 30 April 2007. Manakala graduan yang berdaftar secara aktif enam bulan bagi tempoh sah pendaftaran seorang pencari kerja adalah seramai 43,741 graduan dengan 57.3% masih tidak mempunyai pekerjaan.

Berdasarkan kepada pendaftaran pencari kerja graduan di JCS, analisis trend menunjukkan pendaftaran tinggi pada pertengahan tahun dan menurun pada penghujung dan awal tahun. Trend kadar pengangguran tersebut adalah disebabkan oleh pelbagai faktor seperti kadar pertumbuhan ekonomi yang pesat, tapi tidak seiring dengan kewujudan peluang-peluang pekerjaan yang setaraf, graduan yang terlalu memilih, keluaran graduan daripada institusi pengajian tinggi pada Jun/Julai yang semakin meningkat setiap tahun, wujud masalah ketidaksepadanan (*mismatching*) antara kelulusan dan kemahiran yang diperlukan oleh industri. Terdapat juga majikan yang terlalu memilih untuk mendapatkan calon pekerja yang berpengalaman serta mempunyai kemahiran-kemahiran khusus seperti kebolehan menguasai bahasa Inggeris dan kemahiran berkomunikasi, perhubungan awam dan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, lepasan graduan IPTA dan IPTS yang tinggi dan meningkat setiap tahun di mana bilangan keluaran graduan 2005 menghampiri 150,000 orang. Kewujudan peluang-peluang pekerjaan juga turut meningkat walaupun dalam peratusan yang rendah dan bertumpu di negeri-negeri utama yang terdapat perindustrian. Ini ditunjukkan oleh pendaftaran majikan di *job clearing system* dengan izin, di mana pada tahun 2006 sebanyak 35,637 kekosongan telah dilaporkan dengan lebih 70% adalah bagi jawatan di peringkat pengurusan dan

pegawai kanan, profesional dan juga juruteknik. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin jelaskan juga bahawa kadar peratus pengangguran negara pada hari ini bukan 3.8, tapi sebenarnya kadar ataupun peratus pengangguran negara buat masa kini ialah 3.4% sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menjelaskan bahawa pekerja asing sebenarnya tidak merampas pekerjaan yang didaftar oleh *job seekers* ataupun pencari kerja kerana pekerja-pekerja asing adalah pekerja yang terlibat dalam sektor buruh menggunakan kudrat, manakala pekerja-pekerja tempatan yang mendaftar dengan Kementerian Sumber Manusia adalah pencari-pencari kerja yang mempunyai peringkat yang lebih tinggi, jauh lebih kemampuan dari segi ilmunya dan dia tidak bersaing di peringkat buruh. Pekerja asing hanya bersaing di peringkat buruh di sektor perladangan...

**Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Minta laluan.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** ... pembinaan, perkhidmatan dan akhirnya di sektor perkhidmatan. Sila Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih timbalan menteri. Memang betul pekerja asing tidak merampas peluang bekerja *job seekers* dengan izin. Tapi masalah sekarang ini adalah rakyat Malaysia sendiri khasnya penganggur-penganggur sekolah menengah yang tidak ada kelulusan tinggi untuk memegang jawatan-jawatan tinggi yang mempunyai kelayakan untuk bekerja sebagai pekerja di peringkat bawahan tidak berpeluang untuk mencuba kebolehan mereka di kilang-kilang, oleh kerana kecenderungan pihak-pihak majikan untuk mengambil pekerja asing ini lebih daripada orang tempatan atas faktor-faktor yang kita dah sedia maklum. Gaji murah kemudian dari segi hal-hal yang lain lagilah. Jadi, keadaan ini menyebabkan hari ini menimbulkan masalah-masalah di kampung, di kawasan-kawasan luar bandar dan apabila anak-anak tempatan yang *drop-out* daripada sekolah ini tidak memiliki pekerjaan-pekerjaan di peringkat bawah ini, maka mereka berkeliaran dan akhirnya mereka terlibat dengan kerja-kerja yang tidak berfaedah dan secara tidak langsungnya terlibat dengan kegiatan-kegiatan jenayah.

Jadi, hal-hal yang macam inilah saya berpendapat bahawa Kementerian Sumber Manusia ini perlu bukan sahaja mengadakan peraturan-peraturan yang kemas, efisien dan sebagainya tetapi juga penguatkuasaan dalam soal pengambilan pekerja oleh majikan ini perlu diberi keutamaan. Jadi, ini faktor yang besar hari ini bagaimana pihak berkuasa hendak menentukan peraturan yang ditetapkan dalam soal pengambilan pekerja asing, dalam soal majikan mengambil pekerja, ini dapat dilaksanakan seperti mana yang ditetapkan. Jika tidak, dari segi pihak kementerian dia boleh berkata bahawa secara seriusnya mereka telah mengambil tindakan. Tetapi dari segi praktiknya di peringkat bawah, boleh dikatakan setengah-setengah kilang, setengah-setengah syarikat menggunakan pekerja asing yang dah habis tempoh, yang tidak pulang dan sebagainya. Jadi keadaan-keadaan ini saya berpendapat bahawa Kementerian Sumber Manusia perlu menghalusi penguatkuasaan di peringkat bawah dan mengenakan

tindakan yang setimpal kepada majikan yang lari daripada mengikut undang-undang dan peraturan. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih. Itu merupakan satu pandangan dan juga mempunyai kandungan cadangan yang baik, iaitu perlu menghalusi peraturan-peraturan saya fikir termasuk mencadangkan untuk mengemas kini, pertama di peringkat bawah. Kita boleh terima pandangan-pandangan itu, sebab itu saya ingin jelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kementerian yang juga termasuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak statik, tidak beku dari segi menerima pandangan-pandangan kerana kita sedar bahawa kita perlu dan wajar mengutamakan pekerja-pekerja tempatan.

Saya bukan kata nak jawab sangat tapi nak jelaskan lagi pada apa yang telah saya jawab tadi, iaitu sebelum mereka dibenarkan mengambil pekerja-pekerja asing, kita telah pun mengiklankan dan ini menjadi satu *term*, satu syarat sekurang-kurangnya tujuh hari sehingga 30 hari untuk diberikan peluang kepada orang tempatan.

Mungkin tujuh hari itu pendek, mungkin perlu diperpanjang lagi. Sebenarnya daripada perangkaan yang kita terima di bawah Bursa ELX (*Electronic Labor Exchange*) iaitu penjudoh, satu bursa untuk mendaftarkan pekerjaan. Kita tak nampak sangat ada ramai tenaga ataupun rakyat Malaysia yang ingin bekerja di sektor-sektor yang hari ini dimonopoli oleh orang-orang asing. Tetapi kita mempunyai terlalu tinggi jumlah rakyat Malaysia yang ingin terus mendaftar dalam sektor-sektor walaupun kerani tetapi di sektor...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat memerlukan berapa lama masa lagi agaknya?

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab Yang Berhormat telah berucap lebih dari satu jam.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Saya ingat dalam 10-15 minit lagi boleh tamat.

**Tuan Yang di-Pertua:** 5-10 minit boleh?

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh, saya cuba. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi, syarat-syarat ini sebenarnya sentiasa dikaji dan saya menerima baik pandangan Yang Berhormat Tajul itu dan kita akan bawalah dalam kementerian supaya trend yang agak boleh diperkemas kini ini terus diperketatkan lagi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, berhubungan cadangan untuk meningkatkan mobiliti buruh, meningkatkan kepantasan sistem pengalihan pekerja dan sebagainya, usaha menangani masalah pengangguran yang berlaku termasuk pengangguran graduan sebenarnya telah dan sedang dilakukan oleh kerajaan di bawah pembahagian program seperti berikut:

- (i) Memantau perkembangan dan mobiliti pekerja.
- (ii) Meningkatkan aksesibiliti JCS oleh pencari kerja di seluruh Malaysia termasuk membina *kiosk-kiosk* JCS yang baru.

- (iii) Meningkatkan dan mempelbagaikan kemahiran bekerja yang lebih *marketable*.
- (iv) Mempelbagaikan sumber pertumbuhan ekonomi secara langsung dan mencetuskan pertumbuhan pekerjaan baru.
- (v) Mengadakan perbincangan dengan syarikat-syarikat besar seperti berstatus MSC dan syarikat GLC untuk graduan dan juga orang baru keluar daripada kolej ataupun lepasan sekolah SPM.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan untuk meningkatkan mobiliti buruh, meningkatkan kepastian sistem pengaliran pekerja dan sebagainya, usaha menangani masalah pengangguran yang berlaku termasuk pengangguran graduan sebenarnya telah dan sedang dilakukan oleh kerajaan di bawah pelbagai program seperti berikut:

- (i) memantau perkembangan dan mobiliti pekerja
- (ii) meningkatkan *accessibility* GCS oleh pencari pekerja di seluruh Malaysia termasuk membina *kiosk-kiosk* GCS yang baru
- (iii) meningkatkan dan mempelbagaikan kemahiran pekerja yang lebih *marketable*
- (iv) mempelbagaikan sumber pertumbuhan ekonomi secara langsung dan mencetuskan pertumbuhan pekerjaan baru
- (v) mengadakan perbincangan dengan syarikat-syarikat besar seperti berstatus MSC dan syarikat GLC untuk graduan dan juga orang baru keluar daripada kolej atau lepasan sekolah, SPM
- (vi) menggalakkan graduan melibatkan diri dalam bidang perniagaan dan juga bekerja sendiri terutama semasa Skim Latihan Graduan oleh Perbadanan Sumber Manusia Berhad dilaksanakan. Kita juga bekerjasama dengan pihak kementerian-kementerian lain dalam menyebarkan maklumat-maklumat pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, guna tenaga dijangka bertambah pada kadar 1.9% setahun dan menyumbang kepada peluang pekerjaan kira-kira 1.2 juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan. Selain daripada itu ingin juga saya jelaskan kesan globalisasi, liberalisasi dan ...

**Tuan Ismail Kasim:** Mohon laluan Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Ya, silakan.

**Tuan Ismail Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat tentang persediaan kita untuk

menyediakan tenaga mahir yang terlatih iaitu menerusi penubuhan Pusat Latihan Perindustrian. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat, berapa banyak pusat ini telah ditubuhkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini dan di negeri mana dan berapa peruntukan dan berapa ramai sebenarnya bilangan pelajar yang dijangka dapat diambil bagi setiap tahun dan apakah pusat latihan ini mendapat sambutan yang sewajarnya daripada penuntut-penuntut lepasan daripada SPM?

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih memang kita sedar bahawa keperluan untuk menubuhkan pusat-pusat latihan seperti Universiti Latihan Perindustrian seperti *Advance Technology Center* ataupun ADTECH ataupun CIAST pusat lanjutan kemahiran memang tidak mencukupi kerana pada hari ini kita menerima permohonan sejumlah kira-kira 36,000 setahun sedangkan kita dapat isi sejumlah 18,000 orang sama ada untuk tahun pertama atau tahun kedua. Maksimum pun kita boleh pergi tidak lebih daripada 20,000 ini bermakna kira-kira 16,000 lagi terpaksa kita tolak. Oleh itu kita menyedari bahawa pusat-pusat yang ada iaitu sebanyak 27 pusat-pusat latihan di seluruh negara ini perlu diperbesar, yang ada dibesarkan dan keduanya perlu ditambah.

Oleh itu pihak kementerian telah pun menambah lagi empat institut latihan perindustrian dan lagi empat pusat teknologi tinggi ataupun *Advance Technology Centre* dan di antara pusat-pusat itu iaitu di Bintulu Sarawak juga di Kemaman Terengganu, di tempat saya sendiri di Marang, yang seterusnya di Jerantut di Taiping dan selain daripada itu di Pulau Pinang dan juga di Perak. Jadi pusat-pusat ini dijangka akan dapat menampung di antara 500 sehingga ke 1,000 orang setiap satu dan kita dapat isikan di antara kira-kira 12 sehingga 15 kursus dan sebuah pusat latihan itu menampung ataupun memerlukan perbelanjaan kira-kira RM180 juta sehingga RM220 juta dan apabila lapan-lapan pusat latihan ini siap kita akan dapat menambahkan lagi jumlah kita sehingga tujuh ataupun lapan ribu orang.

Ini masih lagi tidak mencukupi dan walaupun begitu pihak Kementerian Sumber Manusia sentiasa bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain. Oleh itu pemohon-pemohon boleh memohon juga di Institut Kemahiran Belia Negara dengan Kementerian Pembangunan dan Usahawan, dengan Kementerian Belia dan Sukan dan juga pusat-pusat latihan yang dimiliki oleh negeri-negeri di seluruh Malaysia. Saya hendak habis ini Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Rawisandran a/l Narayanan:** Yang Berhormat, saya minta laluan.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Ya silakan Yang Berhormat Tuan Rawisandran a/l Narayanan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Rawisandran a/l Narayanan:** Tuan Yang di-Pertua saya hendak tahu berapa peratus pengambilan ini terdiri daripada kaum keturunan India?

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Untuk pengetahuan Yang Berhormat Tuan Rawisandran a/l Narayanan, kita sebenarnya tidak meletakkan mana-mana kaum ikut peratus

daripada segi pengambilan kita buka semua. Kita tidak letak Melayu 70% kah, India 10% kah, kita terbuka. Tidak ada peratus tertentu ditentukan berdasarkan kepada kaum. Namun demikian apabila kita terima dari segi pengambilan, kemasukan, boleh dikatakan berasaskan kepada komposisi semula jadi penduduk negara ini yang paling ramai majoritinya Melayu diikuti oleh Cina dan juga diikuti oleh India.

Malah ada satu pusat latihan iaitu di Pulau Pinang, Institut Latihan Kasapilay peratus yang paling ramai ialah kaum India dan dari segi penolakan pun peratus yang paling rendah kalau ada berlaku pun ialah daripada India diikuti oleh Cina dan seterusnya oleh Melayu. Jadi dari segi peratus kita tidak tetapkan tetapi kita berasaskan kepada jumlah permohonan yang ada. Pendek kata kita tidak berasaskan kepada kaum tetapi kita berasaskan kepada permohonan, minat, kebolehan dan keupayaan mereka. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sambung sedikit lagi, Kementerian Sumber Manusia juga telah menyediakan peluang bagi mendapat latihan bayaran melalui pelbagai institut latihan perindustrian yang telah saya sebutkan tadi. Ini kita anggap sebagai satu usaha untuk mewujudkan satu *human capital* ataupun modal insan dan yang berkemahiran untuk memberikan sumbangan kita kepada negara, memberikan pekerja-pekerja yang berkemahiran kepada pihak swasta malah juga memberikan sumbangan kita kepada dunia luar kerana kita juga mempunyai pekerja Malaysia yang berada di luar negara lebih daripada 300,000 ribu orang, 30,000 daripada mereka itu adalah bersifat profesional.

Sementara itu juga saya ingin jelaskan bahawa Jabatan Tenaga Kerja juga turut mengadakan karnival pekerjaan selain daripada latihan bagi mengurangkan kadar pengangguran. Tahun 2006, kita telah selesaikan 12 karnival pekerjaan, pada tahun ini kita telah selesai lima karnival pekerjaan, selalu keluar TV, selalu iklan dalam TV dan Alhamdulillah setakat ini kita telah dapat menawarkan pada tahun ini sahaja sebanyak 9,320 kekosongan jawatan.

Oleh yang demikian ini adalah merupakan satu faktor kita mengurangkan kadar pengangguran negara dan hari ini Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai kadar pengangguran negara antara yang terendah dalam dunia iaitu 3.4% sahaja akibat daripada usaha-usaha yang berterusan dalam karnival kerja, dalam memberikan latihan dan juga sumbangan daripada majikan yang begitu baik sekali. Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga sedia maklum bahawa mengenai trend semasa, pembekalan tenaga kerja di negara kita ini ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat jangan lupa Yang Berhormat janji pada saya tadi.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Sudah hendak habis, satu minit lagi, janji hendak ditunaikan Tuan Yang di-Pertua. Dalam sumbangan kepada negara begitu baik sekali dan sebagai akhir kepada kesimpulan ini ingin saya menyatakan bahawa kementerian sentiasa

memberikan usaha-usaha yang begitu baik dalam menyediakan tenaga kerja manusia dan sekali gus juga kita hendak kurangkan pekerja asing untuk digantikan dengan pekerja tempatan.

Akhirnya saya ingin merakamkan setinggi penghargaan tahniah dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu berminat memberikan pandangan dan teguran dan sebagainya kepada pihak-pihak yang tidak sempat saya komen atau memberikan jawapan saya minta maaf dan kami menghargai segala teguran, komen, cadangan dan pandangan yang membina yang diberikan kepada pihak kementerian, Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

#### **6.48 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sazmi bin Miah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar semasa membahaskan Ucapan Titah Diraja. Seramai tujuh Ahli Yang Berhormat telah mengemukakan soalan atau ulasan berkaitan dengan peranan serta tanggungjawab kementerian ini termasuklah senator Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok, Senator Puan Heng Seai Kie, Senator Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Rafee, Senator Tuan Tay Puay Chuan, Senator Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor, Senator Datuk Armani binti Haji Mahiruddin dan Senator Tuan Lee Chee Keong.

Tuan Yang di-Pertua, di antara persoalan-persoalan yang telah ditimbulkan ini termasuklah isu pemanasan sejagat ataupun *global warming* dengan izin, isu sistem pengairan dan saliran berserta dengan isu banjir, isu penguatkuasaan alam sekitar termasuklah pemantauan dan dasar serta isu pelupusan sisa-sisa toksik berjadual dan juga isu laporan EIA dan isu pemalsuan hak milik tanah, pembalakan haram, banjir yang melanda Johor dan juga program-program tebatan banjir. Jadi saya akan menjawab secara merangkumi kesemua isu tersebut, tidak menjawab satu persatu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walau pun pada masa sekarang ini tidak ada satu dasar khusus diwujudkan untuk menangani isu perubahan iklim yang membawa kepada pemanasan sejagat ataupun *global warming*, terdapat dasar-dasar lain yang secara langsung atau pun tidak langsung yang bermatlamatkan menangani isu perubahan iklim, sebagai contoh Dasar Kepelbagaian Bahan Api yang Kelima (*Fifth Fuel Diversification Policy*) adalah bertujuan untuk mengurangkan pergantungan kepada minyak dan arang batu. Dasar Perhutanan Negara juga bertujuan untuk memastikan sumber hutan diuruskan secara lestari bagi menyerap kandungan gas-gas karbon dioksida di udara.

Malaysia juga menyertai pelbagai forum antarabangsa dan *regional* di dalam membincang dan merancang untuk pelaksanaan program-program *clean development mechanism* yang boleh mengurangkan hasil daripada pemanasan global tersebut.

Bagi menangani isu-isu alam sekitar secara lebih berkesan, kementerian di dalam peringkat terakhir mengkaji semula Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya termasuklah mencadangkan hukuman penjara mandatori bagi pelupus-pelupus haram sisa *toxic waste* dan sebagainya. Ia juga termasuklah mengkaji syarat-syarat dan peraturan pendaftaran perunding-perunding EIA untuk memastikan laporan EIA disediakan oleh perunding-perunding yang bertauliah dan lebih bertanggungjawab di dalam menyediakan laporan mereka.

Kerajaan juga sedang mengkaji untuk mengadakan satu lagi pusat pelupusan bahan kimia berjadual *schedule waste* untuk menambah kepada bilangan yang sedia ada sekarang ini hanya satu. Ini adalah untuk memudahkan lagi kilang-kilang yang membuang sisa pelupusan tadi menurunkan kos yang terlibat termasuklah kos pengangkutan, kos pelupusan dan sebagainya.

Di dalam pengurusan sungai-sungai, ini termasuklah dalam kawalan banjir dan sebagainya di mana Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran sekarang ini di dalam kajian terakhir untuk mengadakan satu pengurusan lembangan sungai secara bersepadu. Ini termasuklah kawasan-kawasan tadahan air termasuklah sistem bekalan air untuk pertanian, untuk manusia dan juga kawalan banjir. Kita cuba mengadakan ini supaya kita dapat juga mengikuti contoh negara-negara yang telah maju di mana mereka mengadakan satu sistem pengurusan lembangan sungai yang teratur dan rapi.

Oleh kerana undang-undang kita sekarang ini melibatkan kerajaan negeri bukan di bawah Kerajaan Persekutuan dari segi untukewartakan lembangan sungai tersebut kita meminta kerjasama kerajaan negeri dan kerajaan tempatan di dalamewartakan apa yang kita akan cadangkan itu. Tetapi di dalam jangka pendek ini kita terpaksa mengadakan program-program *mitigasi* dan juga adaptasi seperti yang kita buat pembinaan *SMART tunnel* dengan izin, seperti semalam untuk mengurangkan keadaan banjir kilat di Sungai Klang khususnya dan seperti di Johor, banjir baru-baru ini kita telah mengadakan satu peruntukan sebanyak lebih kurang RM290 juta untuk mengatasi masalah banjir di Johor. Itu jangka masa pendek.

Maksudnya kita buat sedikit-sedikit, *part by part* dengan izin dan untuk jangka masa panjang kita ada juga projek tebatan banjir seperti yang akan berlaku di sungai Kelantan dan juga sungai Golok di mana kita akan menyediakan sebanyak RM1.5 bilion bagi mengatasi masalah banjir di negeri Kelantan dan juga masalah pengairan pertanian.

Untuk negeri Sabah seperti yang diminta baru-baru ada Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani, untuk Rancangan Malaysia Kesembilan, untuk kos pembangunan bagi mengadakan tebatan banjir, penyenggaraan dan juga pembinaan pembangunan sungai-sungai

kita telah pun menyediakan sebanyak lebih RM290 juta di Sabah sahaja. Ini tidak termasuk projek-projek yang akan dijalankan secara imbuhan balik ataupun PFI sebanyak RM110 juta.

Bagi memastikan pemalsuan tidak berlaku di dalam urus niaga tanah, pihak kementerian sedang mempertingkatkan dengan izin *delivery system* di peringkat JKPTG ini termasuklah kita sedang di dalam pelaksanaan projek rintis e-tanah di Pulau Pinang dan insya-Allah akan diperkembangkan di seluruh negara pada masa yang terdekat ini dan dengan adanya projek seperti itu kita berpendapat kes-kes pemalsuan yang sering kita dengar tidak akan berlaku ataupun boleh dikurangkan.

Walau bagaimanapun, ingin saya nyatakan di sini bahawasanya kes-kes pemalsuan yang berlaku kebanyakannya bukanlah kelemahan Kanun Tanah Negara itu sendiri, tetapi kerana pemalsuan dari segi dokumen-dokumen seperti kad pengenalan, surat-surat kuasa dan sebagainya. Bermakna kita di peringkat pejabat daerah, pejabat tanah bukanlah agensi untuk menentukan sama ada kad-kad pengenalan itu adalah yang palsu ataupun tidak. Ini yang menjadi masalah kita.

Kanun Tanah Negara tidak mempunyai kelemahan tertentu. Walau bagaimanapun interpretasi terhadap seksyen 340 Kanun Tanah Negara dipertikaikan kerana baru-baru ini ada kes yang diinterpretasikan oleh hakim-hakim terbalik daripada kes yang dahulu. Sebenarnya kita sedang meneliti seksyen 340 ini bagi mengelak perselisihan faham dari segi interpretasi seksyen tersebut. Insya-Allah sekiranya kita dapati ia perlu dipinda, kita akan pinda seksyen 340 tersebut.

Kerajaan juga sedar betapa pentingnya hutan-hutan di dalam negara kita ini dikekalkan dan Alhamdulillah dalam negara kita, kita berjaya mengurus hutan-hutan kita di mana lebih daripada 60% kawasan tanah di seluruh Malaysia ini masih lagi dilitupi oleh hutan. Daripada 60% tersebut, 43.8% adalah termasuk di dalam hutan simpan kekal cuma dalam hutan simpan kekal ini adalah kadang-kadang kerajaan negeri tertentu yang menguruskan hutannya secara lebih baik. Ada kerajaan negeri yang menguruskan secara tidak baik. Tetapi pada dasarnya kita mendapat pengiktirafan dunia dalam keadaan sekarang ini di mana kita telah berjaya mengurus hutan-hutan kita dengan baik sekali.

Namun kementerian mengakui memang ada kelemahan dari segi undang-undang, dari segi penguatkuasaan dan sebagainya di dalam kita memelihara hutan tersebut. Pihak kementerian meminta dan memerlukan kerjasama daripada kerajaan-kerajaan negeri supaya jangan kita terlalu bergantung kepada hasil-hasil hutan tersebut. Maksudnya kita kena cari alternatif di dalam negeri kita selain daripada hanya untuk mengeluarkan balak dan sebagainya.

Ini tradisi, ini tidak perlu orang cerdik pandai hendak memerintah negeri pun kalau setakat hendak tebang pokok, hendak tebang balak sebagai hasil. Kita perlu, kerajaan-kerajaan negeri perlu mendapatkan alternatif baru dari segi menghasilkan pulangan kepada negeri tersebut. Saya rasa Kelantan ini dia tidak berapa pandai mengurus negeri. Dia potonglah banyak balak dan keluarkan semua.

**Puan Mumtaz binti Md. Nawi:** Saya minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat itu mungkin agak silap kerana mengikut rekod Kerajaan Kelantan tidak pernah menebang balak melebihi daripada apa yang telah pun dibenarkan.

**Dato' Sazmi bin Miah:** Terima kasih. Betullah dia tak tebang lebih daripada hasil catuan yang kita beri. Itu untuk hutan simpan kekal yang diurus secara lestari. Maksudnya setiap lima tahun Majlis Perhutanan Negara bagi catuan, Kelantan tebang 5,000 hektar, okay. Dia *maintain*. Tetapi yang saya cakap ini tanah-tanah kerajaan, tanah-tanah yang tidak tertakluk di bawah hutan simpan kekal dan sebagainya. Ini yang individu-individulah yang dapat kaya tetapi kerajaan miskin. Itu yang cakap tadi pengurusan bukan hasil itu sendiri.

Pihak kementerian melalui Jabatan Perhutanan menggunakan teknologi terkini untuk memantau pencerobohan haram dan sebagainya seperti menggunakan teknologi penderiaan jauh iaitu *remote sensing*. Kita menubuhkan pasukan *flying squad* di mana kita boleh hantar di mana-mana kawasan yang kita syak dicerobohi. Kita juga meminta bantuan pemantauan melalui helikopter dan sebagainya. Ini berkesan selain daripada undang-undang yang sedia ada, kita ada *mandatory jail* kepada penceroboh-penceroboh hutan. Masuk dapat tangkap kita terus masuk jail.

Jadi, ini berkesan selain daripada undang-undang yang sedia ada. Kita juga ada mandatori jail kepada penceroboh-penceroboh hutan. Masuk, dapat tangkap kita terus masuk jel. Itu di antara undang-undang yang kita perkenalkan. Baru-baru ini pihak kementerian juga menubuhkan satu jawatankuasa di peringkat ADUN dan Ahli Parlimen. Ini minta maaf, tidak termasuk Senator tetapi boleh bersama-sama dengan kita untuk menjadi pemantau kepada pihak kementerian. Kita tahu bahawasanya ada ADUN-ADUN dan Ahli-ahli Parlimen lebih mengetahui kawasan masing-masing daripada kita.

Dari segi adanya kilang-kilang yang selalu melepaskan sisa-sisa toksik, adanya kawasan-kawasan yang selalu di ceroboh oleh mereka yang mengambil hasil-hasil hutan secara haram dan sebagainya. Jadi, kita akan tubuhkan lebih jawatankuasa di peringkat ADUN-ADUN dan Ahli-ahli Parlimen supaya melaporkan terus kepada kita. Kita *assign* terus. Satu pegawai untuk setiap Parlimen, setiap ADUN itu supaya boleh ada interaksi di dalam penjagaan dan pengawasan alam sekitar kita.

Saya rasa itu sahajalah yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Kementerian amat menghargai pandangan dan juga teguran serta mengalu-alukan penglibatan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dalam usaha memulihara alam sekitar ke arah peningkatan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat. Penekanan terhadap kepentingan pemuliharaan – Bagi ceramah sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

Penekanan terhadap kepentingan pemuliharaan alam sekitar dan pembangunan mapan perlu disebar kepada semua pihak supaya peranan positif dapat

dimainkan bagi memastikan alam sekitar bersih dan tidak tercemar. Saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekiranya ada perkara-perkara yang tidak disentuh atau diperjelaskan, pegawai-pegawai saya telah diminta untuk mencatat semuanya dan memberi maklum balas dengan segera kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

**7.02 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab kementerian...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya hendak peringat Yang Berhormat, kiranya Yang Berhormat mengambil masa lebih daripada 27 minit, Yang Berhormat terpaksa sambung esok. Kalau Yang Berhormat tidak mahu datang hendak berucap lagi esok, Yang Berhormat boleh habiskan dalam masa 27 minit ini.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Esok saya akan datang lagi tetapi saya akan habiskan ucapan saya sebelum 7.30. Terima kasih.

Sesungguhnya kementerian menghargai semua pandangan, saranan, cadangan dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut. Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu cuti bersalin seperti Yang Berhormat Puan Heng Seai Kie, Yang Berhormat Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn, Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee, dan Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain.

Ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyokong dan ada yang membantah cadangan untuk melanjutkan tempoh cuti bersalin daripada 60 hari kepada 84 hari atau 12 minggu sepertimana yang dipersetujui Kerajaan Malaysia semasa Konvensyen Perlindungan Materniti pada tahun 2000. Kementerian ingin memaklumkan bahawa pelanjutan tempoh cuti bersalin kepada 84 hari tidak akan memberi kesan negatif kepada produktiviti dan daya saing negara.

Ini adalah kerana negara-negara maju yang berdaya saing tinggi telah memperuntukkan cuti bersalin 12 minggu atau lebih. Tempoh cuti bersalin bukanlah faktor yang memberi kesan ke atas daya saing sesebuah negara serta memberi kesan kepada penurunan produktiviti sesebuah organisasi. Negara-negara yang memberi cuti bersalin 12 minggu dan lebih tidak menunjukkan bahawa daya saing ekonomi dan produktiviti mereka menurun atau terjejas oleh dasar cuti bersalin tersebut. Sementara negara-negara yang memberi cuti bersalin kurang daripada 12

minggu pula tidak menunjukkan bahawa mereka lebih berdaya saing dan produktiviti mereka lebih tinggi. Tuan yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi juga mencadangkan agar negara mencontohi Singapura yang telah menggubal Akta Saraan Ibu Bapa pada tahun 1995 bagi memastikan anak-anak menjaga kebajikan ibu bapa mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan peruntukan undang-undang bagi memastikan anak-anak menjaga kebajikan ibu bapa mereka.

Namun begitu kerajaan amat prihatin dengan keperluan untuk menjaga ibu bapa yang telah uzur. Sehubungan ini kerajaan telah memberi pelepasan cukai sebanyak RM5,000 maksimum bagi anak yang membayar kos perubatan ibu bapa. Di samping itu, kerajaan turut memberi pelepasan cukai sebanyak RM5,000 maksimum untuk kos pembelian peralatan sokongan asas bagi ibu bapa yang kurang upaya. Insentif sebegini diharapkan dapat membantu dan menggalakkan anak-anak untuk menjaga kebajikan ibu bapa yang telah lewat usia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kajian wanita yang berhenti kerja kerana melahirkan anak yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani, kementerian mengucapkan terima kasih di atas saranan Yang Berhormat dan isu ini akan dijadikan salah satu tajuk kajian yang akan dijalankan oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu pembabitn wanita di dalam pusat-pusat hiburan yang disentuh oleh Yang Berhormat Datuk Armani binti Haji Mahiruddin. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sentiasa mengambil perhatian serius di atas segala permasalahan sosial yang berlaku di negara ini, termasuk pembabitn wanita di pusat-pusat hiburan. Bagi kes-kes aktiviti GRO dan pelacuran di bawah umur, kementerian sentiasa bekerja rapat dengan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang bagi mendapatkan gambaran sebenar terhadap kes-kes tersebut berdasarkan kepada latar belakang kes-kes yang telah dilaporkan.

Usaha ini perlu dijalankan bagi memastikan setiap gejala sosial yang berlaku dapat ditangani dengan berkesan. Bagi kes-kes aktiviti GRO dan pelacuran kanak-kanak di bawah umur 18 tahun adalah dilindungi di bawah seksyen 38 (a) (b) dan (c) Akta Kanak-Kanak 2001. Oleh yang demikian, sekiranya didapati GRO dan pelacur yang dikenal pasti di bawah 18 tahun semasa operasi bersepadu dijalankan, maka pihak kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat akan mengambil tindakan yang sewajarnya berdasarkan peruntukan Akta Kanak-Kanak 2001 untuk menyelamatkan dan memberi perlindungan kepada kanak-kanak yang terlibat.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kementerian telah menubuhkan Institusi Taman Seri Puteri yang diperuntukkan di bawah Akta kanak-kanak 2001 di mana institusi ini memberi perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak di bawah 18 tahun yang terdedah kepada bahaya moral dan mereka yang melibatkan diri atau terlibat dalam pelacuran. Selama tempoh pemulihan, institusi ini akan memberikan kaunseling dan bimbingan pendidikan dan latihan vokasional.

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, permasalahan sosial yang berlaku memang tidak dapat ditangani secara persendirian oleh sesebuah kementerian atau agensi yang tertentu sahaja. Oleh itu, usaha menangani masalah tersebut secara bersepadu telah digerakkan. Kementerian percaya melalui pendekatan multisektoral, permasalahan sosial dapat ditangani dengan lebih berkesan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan. Penekanan akan terus diberi ke arah membina keluarga yang berdaya tahan dan membentuk masyarakat Malaysia yang lebih penyayang.

Bagi tujuan ini, program pembangunan keluarga akan dilaksanakan terutamanya bagi meningkatkan lagi penyertaan masyarakat dalam memberi perhatian kepada kumpulan masyarakat yang mudah terjejas kepada gejala sosial. Sehubungan ini, usaha sektor awam akan dilengkapkan oleh sektor swasta dan NGO menerusi program perkongsian dan program bersama. Penekanan akan terus diberi kepada usaha memupuk perpaduan negara dan meningkatkan integrasi di kalangan rakyat melalui program yang diperkukuh dan diselaraskan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah wanita berkerjaya yang tidak berkahwin, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Siw Chun a/p Eam, untuk makluman Yang Berhormat, kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga telah menjalankan kajian pendapat kahwin lewat. Apa persepsi umum?

Pada tahun 2002 yang dijalankan di sekitar Lembah Kelang, melalui kajian ini didapati peratusan tinggi yang menyebabkan wanita lambat berkahwin adalah kerana ingin mengukuhkan kerjaya dan diikuti oleh beberapa faktor yang lain. Ini bermakna faktor wanita terlalu memilih latar belakang dan tahap pendidikan yang berbeza bukan merupakan sebab utama wanita profesional tidak atau lambat berkahwin.

Tuan Yang di-Pertua, isu pembuangan bayi telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Siw Chun a/p Eam dan Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain. Kementerian melalui JKM telah membawa isu pembuangan bayi ke peringkat Kabinet. Isu ini telah dibentangkan pada Mesyuarat Majlis Sosial Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada bulan April 2007. Kementerian faham akan kekhawatiran dan kebimbangan orang ramai tentang isu kewujudan pusat perlindungan di mana bayi yang dibuang ditempatkan. Tempat di mana bayi dibuang diberi perlindungan dikenali sebagai Tempat Selamat melalui pewartaan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di bawah seksyen 54, Akta Kanak-kanak 2001, Akta 611. Kementerian akan memastikan agar Tempat Selamat ini tidak menjadi pusat pengumpulan bayi terbuang yang mungkin menjadi beban serta mencetuskan kepada perkara yang lebih buruk seperti berkembangnya gejala seks luar nikah.

Program *advocacy* dan kaunseling akan dipergiatkan melalui kerjasama NGO, Kementerian Pelajaran, Kementerian Kesihatan dan pihak PDRM serta pihak swasta. Cara kursus program meningkatkan kemahiran keibubapaan, pendidikan kesihatan, *reproductive*

*social, smart start, parenting at work* dapat mendidik ibu bapa dan remaja untuk menjauhi gejala negatif terutamanya seks luar nikah atau seks bebas. Selain itu KPWKM bersetuju cadangan agar undang-undang berkaitan kanak-kanak mengambil kira pandangan semua pihak supaya peruntukan terhadap bapa atau lelaki yang menyebabkan berlakunya pembuangan bayi dikenakan tindakan serius.

Mengenai tempat kerja mesra keluarga, kementerian akan terus mengambil langkah bagi mewujudkan persekitaran kerja yang sedemikian. Ini termasuklah menggalakkan majikan menyediakan taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja. Pemberian geran pelancaran disediakan kepada majikan dalam sektor awam dan pemberian subsidi yuran pengasuhan kepada kakitangan yang berpendapatan isi rumah rendah iaitu kurang daripada RM2,000 sebulan. Bagi menggalakkan wanita bekerja dari rumah seperti yang dibangkitkan, kementerian dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyediakan Buku Panduan Pejabat @ Rumah. Buku panduan ini merangkumi maklumat berkaitan konsep pejabat @ rumah, garis panduan kelulusan permit pejabat @ rumah dan sebagainya.

Mengenai isu gangguan seksual di tempat kerja yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Sumber Manusia sedang membuat pindaan ke atas Akta Kerja 1955, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 untuk memasukkan peruntukan mengenai gangguan seksual.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi bagi pihak kementerian saya, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat. Pandangan, saranan dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberikan perhatian dalam melaksanakan program kementerian dengan lebih cekap dan berkesan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

#### **7.14 mlm.**

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan cadangan, pandangan dan teguran berkaitan dengan kementerian saya.

Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin mencadangkan agar kementerian mengadakan Hari Seniman sebagai mengenang jasa, membantu dan memberikan pengiktirafan kepada penggiat seni di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyedari bahawa golongan seniman memainkan peranan penting dan memberi jasa dan sumbangan yang besar dalam bidang kesenian dan kebudayaan demi memartabatkan budaya bangsa dan

mengembangkan seni budaya negara. Anugerah dan pengiktirafan yang sedia ada akan melahirkan lebih ramai seniman yang berjasa kepada negara dalam usaha mengekalkan seni budaya warisan bangsa Malaysia.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sekarang ini terdapat pelbagai pengiktirafan dan anugerah yang disediakan oleh kerajaan yang dilihat sebagai bukti kesungguhan kerajaan dalam memartabatkan golongan seniman dan karyawan tanah air. Antara pengiktirafan dan anugerah tersebut ialah:

- (i) Anugerah Seniman Negara;
- (ii) Anugerah Sasterawan Negara;
- (iii) Tokoh Kraf Negara;
- (iv) Anugerah Industri Muzik Malaysia;
- (v) Anugerah Seri Angkasa;
- (vi) Anugerah Teh Boh *Ceremony* atau *Cameronian Awards*;
- (vii) Anugerah oleh Persatuan Seniman;
- (viii) Anugerah Kepada Penulis Lirik dan Penggubah Lagu oleh MACP;
- (ix) Anugerah Skrin TV3;
- (x) Anugerah Juara Lagu; dan
- (xi) Festival Filem Malaysia.

Walau bagaimanapun buat masa sekarang cadangan untuk mengadakan Hari Seniman masih lagi dalam pertimbangan KeKKWa untuk dihalusi selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan mengemukakan pertanyaan dan pandangan serta saranan untuk perhatian kementerian saya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Kementerian Pelajaran.

#### **7.16 mlm.**

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja kali ini yang membahaskan beberapa aspek yang menyentuh pendidikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan profesion keguruan, terlebih dahulu sempena sambutan Hari Guru iaitu esok, 16 Mei, jadi saya kena bagi habis hari ini juga, Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak esok tidak ada wakil Kementerian Pelajaran yang jawab. *[Ketawa]*

Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua warga pendidik...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat kena ambil masa lebih kurang 12 minit sebab ada usul supaya kita tangguhkan pada pukul 7.30 malam. Tetapi saya bolehlah lanjutkan...

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, lebih daripada 15 minit. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tahu pun kuasa kita sudah berlebih dari kita.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Insya-Allah, saya akan cuba habiskan. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua warga pendidik seluruh negara dengan ungkapan, 'Terima kasih Cikgu'. Ingin saya lafazkan atas segala pengorbanan yang telah diberikan. Sebagai satu galakan untuk menarik minat guru berkhidmat di kawasan pedalaman, guru-guru telah dibayar Bayaran Insentif Pedalaman mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2000. Di samping itu, Kementerian Pelajaran telah pun mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk memberikan elaun khas mengikut lokasi dan tahap kesusahan kepada guru-guru dan anggota kumpulan sokongan di bawah Kementerian Pelajaran yang bertugas di kawasan pedalaman. Tindakan pelaksanaan akan diambil sebaik sahaja Kementerian Pelajaran menerima surat kelulusan rasmi daripada agensi pusat.

Selain insentif elaun khas pedalaman tersebut, kerajaan juga sentiasa menambah baik persekitaran kerja guru agar guru dapat melaksanakan tugas dengan kadar yang selesa. KPM telah merancang dan melaksanakan usaha-usaha menambah baik keselesaan bilik darjah, menyediakan kuarters guru yang selesa dilengkapi dengan perabot dan penyediaan insurans. Semua insentif dan usaha menambah baik persekitaran kerja guru akan dapat menarik minat guru-guru untuk berkhidmat di pedalaman bukan sahaja kepada guru-guru baru tetapi juga guru-guru yang telah lama berkhidmat seperti cadangan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah serta saranan Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee untuk menempatkan guru besar dan pengetua cemerlang di kawasan pedalaman bagi menambahbaikkan dan memperkasakan sekolah luar bandar dan pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang penempatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) ke Jabatan Pelajaran negeri seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain dan Yang Berhormat Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok, Kementerian Pelajaran menyedari sesuatu perubahan yang dilaksanakan akan mendapat reaksi sama ada positif ataupun negatif.

Reaksi sebegini yang diterima daripada pelbagai pihak adalah penting untuk dijadikan asas pertimbangan bagi memutuskan pelaksanaan sesuatu perkara. Oleh itu berhubung dengan penstrukturan di Jabatan Pelajaran Negeri ini, KPM telah berbincang dan bertemu dengan pihak-pihak berkaitan termasuk dengan 24 kesatuan guru-guru untuk mendapat pandangan bagi memastikan penambahbaikan penstrukturan serta memberikan impak yang positif kepada pembangunan pendidikan negara.

Secara umumnya, penstrukturan ini memang membuka peluang penambahan perjawatan di JPN berbanding dengan perjawatan sedia ada seperti yang dihasratkan oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob Haji Mohammad. Kementerian berharap usaha ini akan dapat meningkatkan lagi keupayaan dan keberkesanan sistem penyampaian atau *delivery system* dengan memberi fokus kepada kemantapan dan peningkatan kualiti pendidikan negara dan meringankan beban tugas guru seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat Tuan Osman Bungsu.

Tuan Yang di-Pertua, semakan sistem pendidikan. Seperti yang diminta oleh Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin, KPM memang sentiasa berusaha memantapkan lagi sistem pendidikan negara sesuai dengan keperluan dan perubahan yang berlaku di peringkat tempatan dan global.

Menyentuh tentang penambahbaikan sistem peperiksaan seperti yang diminta oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah, antaranya KPM memang sedang berusaha untuk memantapkan sistem penaksiran dan penilaian yang tidak terlalu berorientasikan peperiksaan. Sebaliknya lebih menyeluruh berasaskan sekolah dan bersifat lebih holistik seperti yang digariskan dalam teras kedua strategi PIPP.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani Tun Pg. Ahmad Raffae, memantapkan sistem penaksiran dan penilaian akan dapat mengimbangi kemampuan setiap murid kerana kita sedar bahawa setiap murid mempunyai kemahiran dan keupayaan yang berbeza khususnya antara murid lelaki dan murid perempuan. KPM telah merangka pelan perancangan pendidikan dalam Rancangan Malaysia Yang Kesembilan yang mempunyai sasaran yang berikut:

- (i) berupaya membentuk ciri-ciri individu dan masyarakat bangsa Malaysia yang diinginkan dalam negara maju tahun 2020;
- (ii) berupaya untuk menyediakan akses ekuiti dan pendidikan berkualiti untuk semua golongan supaya tiada mana-mana golongan yang tercicir dari arus kemajuan negara dan terarah, untuk memastikan pembangunan yang mampan agar kemajuan serta pembangunan yang dicapai dapat terus dipertahankan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun KPM belum mewujudkan mata pelajaran khusus mengenai Perlembagaan Negara, namun elemen mengenai Perlembagaan dimasukkan dalam mata pelajaran sivik dan kewarganegaraan, kajian tempatan dan juga dalam mata pelajaran sejarah. Usaha ini akan dapat melahirkan bangsa Malaysia yang cintakan negara seperti yang dihasratkan oleh Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah telah menyarankan supaya KPM

menyediakan kurikulum serta memperbanyakkan bahan PMP berbantuan ICT, termasuk CD dan VCD yang dapat membina akhlak mulia di kalangan murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sedar pembangunan prasarana sahaja tidak mencukupi untuk kita membangunkan modal insan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Puan Mumtaz Md. Nawi. Oleh itu KPM akan memberi tumpuan membangunkan modal insan kepada sistem nilai, aspek disiplin, sahsiah, akhlak dan jati diri pelajar yang merupakan teras kedua dalam PIPP. KPM juga berusaha melahirkan pelajar yang *competent* dalam sains dan teknologi, inovatif dan kreatif serta berkebolehpasaran. Kurikulum yang digunakan sama ada di peringkat rendah atau menengah memberi penekanan kepada perkembangan yang menyeluruh dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Pengetahuan kemahiran dan nilai, disepadukan dalam semua mata pelajaran yang diajar di sekolah dan aktiviti kokurikulum. Pemupukan nilai juga dilakukan melalui mata pelajaran pendidikan Islam, pendidikan moral, pendidikan sivik dan kewarganegaraan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menyediakan murid untuk menghadapi masa hadapan yang lebih mencabar dan untuk berfungsi dengan berkesan di alam pekerjaan dan pengajian lanjutan, penekanan diberikan kepada pemupukan dan peningkatan kemahiran seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran berfikir, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran menggunakan teknologi dan kemahiran menggunakan ICT. Selain daripada itu, elemen-elemen tasawuf dalam erti kata akhlak dan adab juga disentuh di dalam setiap bidang mata pelajaran pendidikan Islam sama ada secara langsung atau tidak langsung. Sejalan dengan perkembangan ICT, KPM telah membekalkan peralatan yang bersesuaian bagi membantu meningkatkan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran. Bermula dari tahun 2004, KPM telah membangunkan sebanyak 557 judul perisian kursus bestari dan e-Bahan yang boleh diakses melalui *internet* untuk pelbagai mata pelajaran. Kos keseluruhan untuk pembangunan perisian kursus dan e-Bahan tersebut ialah sebanyak RM21 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah, Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar telah membangkitkan mengenai isu penyediaan kemudahan ICT dan makmal komputer di sekolah-sekolah luar bandar. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, KPM akan berusaha untuk membina dan membekalkan kemudahan komputer kepada semua sekolah yang masih belum mendapat kemudahan ini. Pihak KPM telah mengenal pasti 3,549 buah sekolah di seluruh negara yang masih belum mendapat kemudahan makmal komputer. Sehingga kini, kementerian telah berjaya membina dan membekalkan kemudahan pengkomputeran di 6,431 buah sekolah di seluruh negara.

Dalam pelaksanaan pembestarian sekolah yang telah pun dijalankan di sebahagian sekolah yang ada sekarang telah dilengkapi dengan komputer meja, *note book* dan pelbagai judul perisian kursus. 96% atau 9,200 buah sekolah telah dirangkaikan dengan akses *internet* jalur lebar manakala sekitar 200 ribu guru juga pernah dilatih untuk menggunakan perkakasan

dan perisian ini. Dalam tempoh 5 tahun ini, KPM akan memastikan nisbah komputer meja terhadap pelajar dan nisbah *note book* terhadap guru berkurang, menambah perisian kursus untuk lebih banyak mata pelajaran dan memantapkan latihan guru dan kursus pengurusan perubahan di sekolah-sekolah. KPM mencadangkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini nisbah komputer dengan guru ialah 1:3, manakala nisbah komputer dengan murid pula adalah 1:20.

Perlu dijelaskan di sini bahawa walaupun masih terdapat sekolah yang masih belum disediakan dengan bilik atau makmal komputer, semua sekolah telah dibekalkan dengan peralatan komputer bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran khususnya untuk pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris serta pengurusan dan pentadbiran sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan memberi fokus kepada enam teras yang selari dengan misi nasional Rancangan Malaysia Kesembilan dengan memberi penekanan kepada indikator pencapaian yang perlu dicapai dalam tempoh RMK-9. Justeru, Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa memberi perhatian terhadap sekolah-sekolah di kawasan di bawah kelolaan kerajaan sama ada sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Gooi Hoe Hin.

Sehubungan itu, KPM telah memperuntukkan sebanyak RM174.34 juta untuk SJK(C) dan RM64.84 juta untuk SJK(T). Bagi kerja-kerja pembinaan baru, gantian dan tambahan serta ubahsuai dan naik taraf. Peruntukan yang disebutkan juga adalah termasuk pembinaan dua buah SJK(C) dan sebuah SJK(T) yang telah diluluskan oleh KPM. Bagi pembangunan Sekolah Bantuan Kerajaan pula, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, KPM menyediakan dana pembangunan sebanyak RM100 juta.

Berhubung dengan pembangunan infrastruktur pendidikan di luar bandar seperti yang dibangkit oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani, KPM sentiasa prihatin dengan perkara tersebut. Dalam hal ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah melancarkan program melonjakkan perdana pendidikan luar bandar pada 15 Februari 2007. Tambahan peruntukan sebanyak RM2.6 bilion yang diumumkan semasa pelancaran tersebut adalah untuk meningkatkan taraf pendidikan sekolah luar bandar di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi telah mencadangkan agar ditubuhkan sekolah khusus dalam bidang sains dan teknologi yang bersifat futuristik. Buat masa ini KPM berpandangan langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan pembentukan kemahiran dalam sains dan teknologi serta pemerolehan ilmu pengetahuan dan teknologi terkini di kalangan pelajar melalui kurikulum pendidikan negara sudah memadai dan lebih berkesan.

Aspek penting yang diberi keutamaan ialah memastikan kurikulum persekolahan sentiasa relevan dengan keperluan semasa dan juga masa hadapan. Orientasi dan kandungan

kurikulum pada peringkat prasekolah sehingga peringkat menengah atas dipastikan dapat menghasilkan sumber tenaga manusia yang mempunyai ciri-ciri kreativiti, inovatif, daya saing, kekangan diri yang tinggi, penguasaan bahasa dan kemahiran berkomunikasi dalam pelbagai bahasa di samping mampu dalam bidang bahasa sains dan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai sekolah wawasan pula, kerajaan berpandangan sekolah wawasan merupakan wadah terbaik untuk memupuk integrasi nasional bermula di peringkat sekolah rendah sebagaimana yang dihasratkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain. Dengan adanya konsep sekolah wawasan ini, perpaduan dapat dipupuk melalui aktiviti-aktiviti secara bersama sama ada aktiviti kurikulum ataupun kokurikulum. Namun begitu kerajaan sentiasa mengambil langkah proaktif untuk mewujudkan integrasi kaum serta semangat muhibah dan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia.

Antaranya adalah program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan atau nama singkatannya, RIMUP. Program RIMUP melibatkan pelaksanaan aktiviti bersama di antara pelbagai aliran sekolah di negara ini iaitu sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan sekolah jenis kebangsaan Tamil agar nilai integrasi dan semangat perpaduan kaum dapat dipupuk di kalangan murid-murid sekolah.

Untuk makluman Yang Berhormat Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin, sekolah kluster dibangunkan adalah supaya sekolah-sekolah tersebut boleh dicontohi oleh sekolah dalam kelompok yang sama dan sekolah lain di luar kelompok serta menjadi *showcase* di peringkat antarabangsa. KPM berpandangan usaha menubuhkan sekolah kluster merupakan langkah pertama KPM ke arah mewujudkan kelompok sekolah cemerlang yang dapat mengembangkan sepenuhnya potensi sekolah dan mampu mengangkat martabat Sistem Pendidikan Negara di mata dunia.

Kuasa autonomi yang diberikan kepada sekolah-sekolah tersebut adalah secara terancang berlandaskan ruang lingkup autonomi yang ditetapkan itu, pengurusan sekolah, pengurusan sumber manusia, pengurusan sumber kewangan dan sumber fizikal pengurusan dan pelaksanaan kurikulum dan pengurusan dan pelaksanaan kokurikulum, autonomi yang diberikan juga merupakan autonomi terpimpin yang memerlukan kepada pemantauan piawai yang betul.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan usaha memperkasakan sekolah kebangsaan seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin, usaha ini memerlukan pendekatan bersepadu dan menyeluruh dari segi pemikiran, perancangan dan tindakan yang melibatkan pelbagai pihak secara berterusan. Usaha ini bertujuan untuk menjadikan sekolah kebangsaan lebih berinspirasi nasional, meningkatkan kecemerlangan dalam pelbagai bidang termasuk meningkatkan kualiti prasarana. Oleh itu pelbagai rancangan yang telah digarap dan dilaksanakan diharap akan dapat menjadikan sekolah kebangsaan sebagai sekolah yang cemerlang dalam semua bidang dan menjadi sekolah pilihan utama masyarakat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar mengenai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris, KPM dari masa ke semasa menjalankan kajian dan penilaian dibuat untuk meneliti tahap pelaksanaan serta pencapaian murid. Dengan ini KPM dapat mengenal pasti kelemahan, seterusnya memantapkan pelaksanaan PPSMI. Penilaian yang dijalankan pada masa ini lebih memberi fokus dari segi keupayaan murid mengikut mata pelajaran Sains dan Matematik.

Berdasarkan kajian dan pemantauan yang dijalankan, didapati murid dapat mengikut pengajaran kedua-dua mata pelajaran tersebut dalam Bahasa Inggeris. Keputusan peperiksaan PMR pada 2005 dan 2006 menunjukkan pencapaian murid tidak terjejas walaupun mereka hanya mengikut PPSMI setelah berada di sekolah menengah iaitu bermula di Tahun 1. KPM juga berpandangan adalah masih terlalu awal untuk menilai secara menyeluruh keberkesanan pelaksanaan dasar PPSMI ini. Kejayaan terhadap pelaksanaan dasar ini akan dapat dilihat selepas satu pusingan pelaksanaan iaitu murid-murid telah mengikut pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris selama enam tahun di sekolah rendah dan lima tahun di sekolah menengah.

Terdapat salah faham bahawa dasar ini adalah semata-mata untuk meningkatkan Bahasa Inggeris. Sebaliknya tujuan PPSMI adalah untuk memastikan pelajar dapat memperoleh ilmu pengetahuan sains dan teknologi yang sebahagian besar sumbernya adalah dalam Bahasa Inggeris. Secara tidak langsung, apabila murid-murid mengikut mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris, ia turut meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris mereka.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pelajaran yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Perkara-perkara yang tidak sempat dijelaskan, akan tetap diambil perhatian dan tindakan sewajarnya. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih atas perhatian, keprihatinan, teguran dan sokongan yang berterusan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan lebih masa. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 11(5) berbunyi:

*“Tuan Yang di-Pertua boleh melanjutkan masa mesyuarat selepas pukul 5.30 petang atau selepas apa-apa masa yang telah ditetapkan oleh Majlis Mesyuarat setakat yang tidak melebihi lima belas minit untuk menamatkan perkara yang patut diselesaikan pada hari yang berkenaan juga.”*

Maka kita ada lagi lapan minit, tetapi kalau saya jemput Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan kementerian tersebut tidak dapat menghabiskan dalam masa berkenaan, saya tidak menetapi Peraturan Mesyuarat kerana beliau tidak menyelesaikan masalah. Jadi saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat ingin mula esok atau bagaimana?

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]:** Esok.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mula esok. Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan bersidang semula pada pukul 10.00 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 7.38 malam.***